

**PENGANJURAN PERTANDINGAN TILAWAH
AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA DI
MALAYSIA: KAJIAN SEJARAH DAN
PERKEMBANGANNYA.**

SITI NORFARIZA BINTI MOHD TAWEL

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PENGANJURAN PERTANDINGAN TILAWAH
AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA DI
MALAYSIA: KAJIAN SEJARAH DAN
PERKEMBANGANNYA.**

SITI NORFARIZA BINTI MOHD TAWEL

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA DISERTASI)**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa adalah sebuah majlis berprestij dan tertua pernah diadakan di Malaysia. Justeru itu, kajian ini penting dalam menganalisis sejarah bermulanya pertandingan tilawah al-Quran di Malaysia khususnya dan di peringkat antarabangsa amnya. Tiga objektif utama yang ingin dicapai ialah mengkaji sejarah penganjuran Tilawah al-Quran di Malaysia, menganalisis proses penganjuran dan pelaksanaan pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTQA) di Malaysia, menganalisis cabaran-cabaran yang terhasil daripada MTQA. Kajian ini dilakukan secara lapangan dengan rujukan sumber berdasarkan pemerhatian secara langsung di Putra World Trade Centre (PWTC) pada tahun 2010 dan 2011, sumber-sumber dari JAKIM dan Arkib, serta wawancara bersama tokoh-tokoh tilawah terkemuka. Hasil kajian yang dilakukan, didapati penganjuran MTQA bermula pada tahun 1961. Namun secara keseluruhannya, penganjuran ini mula diiktiraf di peringkat global apabila Mesir dan negara-negara Islam di timur tengah mula menyertai pertandingan ini di mana pada ketika itu, Malaysia benar-benar sudah bersedia dengan tahap kualiti bacaan para peserta dari Malaysia dan Asia Tenggara yang sama hebat. Proses pelaksanaan penganjuran MTQA berkembang dari semasa ke semasa mengikut tema. Walaupun begitu, cabaran utamanya terlihat jelas pada kesuraman penganjuran MTQA setiap tahun apabila ketiadaan inovasi yang ketara setelah melangkaui setengah abad.

ABSTRACT

The International Organization of Quran Recitation Competitions (MTQA) is the most prestigious organization and older in Malaysia. Therefore, his study is important in analyzing the history of the Quran Recitation Competitions in Malaysia and internationally, at large. Three main objectives to be achieved in this research are the study of history of the Quran Recitation Competitions organization in Malaysia, analyzing the International Organization of Quran Recitation Competitions in Malaysia, analyzing the challenges resulting from the Quran Recitation Competitions in Malaysia. This research was conducted using the method of field study with reference sources based on direct observation at The Putra World Trade Centre (PWTC) in 2010 and 2011, resources from the National Archives, JAKIM as well as from interviews with leading figures in the Quran recitation field. Findings from this study discovered that the MTQA began in year 1961. However, the competition was only given global recognition Egypt and the Islamic countries from the Middle East began to participate. At this time, Malaysia was prepared with Quran recitation quality level on par with the Arab countries. The MTQA competition implementation grew from time to time in accordance with the theme of the program. Despite this, the main challenge remains clear to be seen when the MTQA organization fails to attract publicity due to lack innovation, even though a half century has passed since it is inaugural event in 1961.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, saya masih bernafas, dan dapat menjalani kehidupan yang serba indah ini serta dan menyiapkan disertasi yang amat bermakna bagi saya.

Menulis tentang tilawah al-Quran ini, lahir suatu debaran dan kehendak yang mendalam di dalam sanubari ini kerana dengan penyelidikan ini, tidak terungkap rasanya untuk menyatakan betapa hebatnya dan agungnya mukjizat yang terbesar ini iaitu al-Quran al-Karim. Al-Quran adalah merupakan kalam Allah s.w.t. Yang Maha Sempurna lagi Maha Bijaksana. Turunnya al-Quran buat junjungan besar kita iaitu Nabi Muhammad s.a.w adalah suatu kurniaan agung yang wajib bagi kita sebagai umat Islam untuk menjaganya, membacanya, dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih buat suami, ibu bapa dan keluarga kerana memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi. Kepada penyelia saya, Dr. Abdullah Yusof, Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Dr. Ahmad Faisal Abdul Hamid, para pensyarah yang banyak membantu dalam memperbaiki mutu penulisan saya terutamanya, Dr. Tatiana Denisova, Dr. Hayati Hamzah, dan Dr. Nurulwahidah Fauzi. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu, Norlida Abdul Salam, Syaimak Ismail dan semua ahli Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Sokongan anda adalah kekuatan saya. Semoga kita semua berjaya di dunia dan akhirat dan sentiasa memperoleh keredaan Allah s.w.t.

ISI KANDUNGAN

Abstrak	iv
Penghargaan	vi
Isi Kandungan	vii
Transliterasi	xii
Senarai Kependekan	xiii
Senarai Jadual/Rajah	xv
Senarai Lampiran	xvii
Bab 1 Pendahuluan	1
1.1 Pengenalan	2
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Persoalan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Kajian Literatur	15
1.8 Metode Kajian	20
1.8.1 Metode Pengumpulan Data	20
1.8.2 Metode Dokumentasi	21
1.8.3 Metode Temu bual	21
1.8.4 Metode Pemerhatian	23
1.8.5 Metod Analisis Data	22
a. Induktif	22
b. Deduktif	22
1.5 Kesimpulan	25

Bab 2 Sejarah Pertandingan Tilawah Al-Quran	26
2.1. Pengenalan	27
2.2. Sebelum Merdeka	29
2.2.1 Penganjuran Dan Program Tilawah Al-Quran Sebelum 1940-an	30
2.2.2 Penganjuran MTQA Tahun 1940-an	33
2.2.3 Penganjuran MTQA Tahun 1950-an	36
2.2.4 Impak Dari Permulaan Penganjuran Tilawah Al-Quran Sebelum Merdeka	37
2.3. Selepas Merdeka	41
2.3.1 Penganjuran MTQA Tahun 1960-an	42
2.3.2 Penganjuran MTQA Tahun 1970-an	45
2.3.3 Penganjuran MTQA Tahun 1980-an	51
2.3.4 Penganjuran MTQA Tahun 1990-an	55
2.3.5 Penganjuran MTQA Tahun 2000-2014	61
2.4. Kesimpulan	65

Bab 3 Perkembangan Aktiviti Penganjuran Tilawah Al-Quran Antarabangsa Dan Pelaksanaannya	66
3.1. Pendahuluan	67
3.2. Tema	68
3.3. Organisasi	72
3.4. Hadiah	75
3.5. Peserta	76
3.5.1 Peserta Malaysia	81
3.6. Latihan, Kemudahan, Dan Aktiviti Sampingan	87
3.7. Astaka	89
3.8. Pemarkahan Dan Struktur Pertandingan	104
3.9. Aturcara Majlis	107
3.10 Kesimpulan	112

Bab 4 Cabaran-Cabaran Yang Dihadapi	113
4.1 Pendahuluan	114
4.2 Kualiti Bacaan Setiap Peserta	115
4.2.1 Sesetengah peserta datang dari negara Islam minority	117
4.2.2 Tujuan Penyertaan Yang Tidak Jelas Dan Bersungguh-Sungguh	119
4.2.3 Penguasaan Bidang Taranum Yang Memerlukan Tempoh Masa Yang Panjang	120
4.2.4 Kesukaran Dan Halangan Untuk Mempelajari Bidang Taranum	121
4.3 Sistem Pelaksanaan	123
4.3.1 Protokol Diraja	124
4.3.2 Jangka Usia Pertandingan Yang Mencecah Setengah Dekad	125
4.3.3 Keterbiasaan Dunia Islam Dengan Gaya Pertandingan Ini	126
4.3.4 Tiada Pertandingan Lain Yang Setaraf	127
4.4 Hadiah Dan Ganjaran	128
4.4.1 Pemangkin Kepada Kualiti Bacaan Yang Bermutu	129
4.4.2 Memberi Persaingan Kepada Pertandingan Berunsur Hiburan Yang Lain	130
4.4.3 Meningkatkan Nilai Penganjuran Program Tilawah Al-Quran	131
4.4.4 Memberi Galakan Kepada Masyarakat	132
4.5 Bantuan Tajaan Dan Perbelanjaan	133
4.5.1 Melahirkan Rasa Tanggungjawab Oleh Masyarakat	134
4.5.2 Meningkatkan Peranan Khidmat Bakti Syarikat Swasta Kepada Kerajaan	135

4.5.3	Melaksanakan Idea-Idea Baru	136
4.5.4	Meningkatkan Sambutan Di Kalangan Masyarakat	137
4.6	Masalah-Masalah Lain	138
4.7	Kesimpulan	140
Bab 5 Penutup		141
5.1	Kesimpulan	142
5.2	Cadangan	145
5.3	Saranan	148
Bibliografi		149
Lampiran		

TRANSLITERASI

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا, ؤ	a, ' (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ي	y
ة	h

SENARAI KEPENDEKAN

s.a.w	Sallallahu alaihi wasallam
r. a	Radiallahu anhu
a.s	Alaihi salam
s.w.t	Subhanahu wataala
Prof.	Profesor
Dr.	Doktor
En.	Encik
Pn.	Puan
Hj.	Haji
Hjh.	Hajah
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
M	Masihi
H	Hijriyyah
Ibid	Singkatan bagi 'ibidem'
Op.cit	Singkatan bagi 'opere citato'
et. al	Senarai kumpulan pengarang
m/s	Muka surat
Hlm.	Halaman
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
YTM	Yang Teramat Mulia
YB	Yang Berhormat
YAB	Yang Amat Berhormat
YABhg	Yang Amat Berbahagia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MTQA	Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa

PWTC	Putera World Trade Centre
SMS	Send Messages
TV	Televisyen
RTM	Rancangan Televisyen Malaysia

Universiti Malaya

SENARAI JADUAL/RAJAH

Rajah 1.1: Contoh Soalan-soalan Temu bual.

Carta 2.1: Fasa Sejarah Penganjuran Tilawah al-Quran di Malaysia dari tahun 1940-an sehingga 2014

Jadual 2.2 : Senarai Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa dari Tahun 1380H/1961M hingga Tahun 1428H/2007M

Gambar 2.3 Salinan Jadual Tugas MTQA Jawatankuasa Kecil Jamuan 1998

Gambar 2.4 Salinan Jadual Tugas MTQA Jawatankuasa Kecil Jamuan 1999

Jadual 3.1: Senarai Tema Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa tahun 1981-2011.

Rajah 3.2: Carta pai tahun-tahun pemerintahan Perdana Menteri Malaysia dari tahun 1957-2012

Jadual 3.3 : Senarai Pengerusi Jawatankuasa Tilawah al-Quran Antarabangsa tahun 1960-2012

Carta 3.4: Carta ahli jawatankuasa Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa 2011

Jadual 3.5: Senarai jumlah negara yang menyertai Tilawah al-Quran Antarabangsa tahun 1993-2002

Jadual 3.6: Senarai Johan Qari Tilawah al-Quran Kebangsaan yang mewakili Malaysia ke Tilawah al-Quran Antarabangsa tahun 1960-2012

Jadual 3.7: Senarai Johan Qariah Tilawah al-Quran Kebangsaan yang mewakili Malaysia ke Tilawah al-Quran Antarabangsa tahun 1964-2012

Carta 3.8: Senarai Wakil Peserta MTQA dari tahun 1960-2011

Rajah 3.9: Beberapa astaka MTQA tahun 1981, 1983, 1984, 1992, 1993, 1994, 1995 dan 1996 yang meletakkan kalimah ‘Allah’ di kemuncak dalam reka bentuk yang dibina.

Rajah 3.10: Bentuk bulat digambarkan sebagai simbol ‘titik’ dalam reka bentuk astaka tahun 1985

Rajah 3.11: Bentuk segi empat dalam astaka tahun 1981, 1986 dan 1998.

Rajah 3.12: Simbol 4 tiang atau kubah dalam astaka tahun 1995 (Disember), 1996, dan 1997.

Rajah 3.13: 5 tiang atau sesekat di dalam astaka tahun 1991 dan 1995 (Disember)

Rajah 3.14: Bentuk segi enam dalam reka bentuk astaka tahun 1983, 1990, 1993, 1996, 1997, 2001

Rajah 3.15: Ilustrasi corak geometri Islamik.

Rajah 3.16: Beberapa Konsep Flora yang ditekankan dalam astaka tahun 2000, 2002, dan 2005

Rajah 3.17: Atur cara malam perasmian.

Rajah 3.18: Panduan pemarkahan dari Buku Panduan Tilawah al-Quran Antarabangsa 2011 (Atur cara malam kedua dan ketiga).

Rajah 3.19: Panduan pemarkahan dari Buku Panduan Tilawah al-Quran Antarabangsa 2011 (Atur cara malam penutup).

SENARAI LAMPIRAN

Gambar 1: Temuramah bersama Ustaz Nik Azizan Bin Nik Jaafar, Penerbit dan Pengacara ‘Mari Bertarunum’ di TV9, temu bual pada 30 Jun 2011.

Gambar 2: Bergambar kenangan bersama isteri beliau.

Gambar 3: Temubual bersama Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari, Juri dan Hakim Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada 4 Julai 2011.

Gambar 4: Temu bual Hajah Faridah Binti Mat Saman, Johan Qariah Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa (sebanyak 8 kali) pada 28 Julai 2011.

Gambar 5: Sesi temubual bersama Hajah Faridah Binti Mat Saman.

Gambar 6: Lawatan ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Gambar 7: Temubual bersama Abdul Rahman Bin Abdullah, Pegawai Bahagian Perhubungan JAKIM, temubual pada 18 Jan 2012.

Gambar 8: Temu bersama Encik Mizra Hilmi Bin Abu Bakar, Pegawai Bahagian Perhubungan JAKIM, pada 18 Jan 2012.

Gambar 9: Temubual bersama Haji Sahlan Bin Idris, Merangkap Ketua Sekretariat, Bahagian Perhubungan JAKIM, temubual sewaktu latihan persembahan pada 16 Julai 2011 dan di JAKIM pada 18 Jan 2012.

Gambar 10: Buku panduan MTQA 2011.

Gambar 11: Muka surat 1

Gambar 12: Muka surat 2.

Gambar 13: Muka surat 3.

Gambar 14: Muka surat 4.

Gambar 15: Muka surat 5.

Gambar 16: Ruangan perutusan Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak.

Gambar 17: Ucapan alu-aluan Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom
(B).

Gambar 18: Penerangan tema tahun 2011 'Persefahaman Asas Perpaduan Ummah'.

Gambar 19: Penerangan reka bentuk astaka tahun 2011.

Gambar 20: Penerangan reka bentuk astaka 2011.

Gambar 21: Atur cara majlis 2011 (Malam Pembukaan).

Gambar 22: Aturcara malam kedua dan ketiga.

Gambar 23: Aturcara malam keempat dan kelima.

Gambar 24: atur cara malam keenam dan ketujuh.

Gambar 25: Atur cara malam penutup.

Gambar 26: Panduan bahagian pemarkahan.

Gambar 27: penerangan pemarkahan bahagian fasahah dan suara.

Gambar 28: Keadaan pentas astaka sebelum majlis dimulakan.

Gambar 29: Tempat duduk VVIP.

Gambar 30: Kawasan tempat duduk penonton.

Gambar 31: Persembahan nasyid pembuka tirai MTQA 2010.

Gambar 32: Keadaan Dewan Merdeka sewaktu Malam Perasmian MTQA 2010.

Gambar 33: Pemandangan keadaan penonton dari tempat duduk di belakang pentas
aras 2.

Gambar 34: Keadaan penonton di dalam Dewan Merdeka sewaktu MTQA 2010.

Gambar 35: Gambar bersama penonton di MTQA 2010.

Gambar 36: Keadaan penonton di luar Dewan Merdeka sewaktu Malam Penutup
MTQA 2010.

Gambar 37: DYMM Yang DiPertuan Agong Sultan Zainal Abidin sedang memberi hadiah kepada para pemenang.

Gambar 38: Pasukan Pancaragam sedang bersedia untuk persembahan iringan muzik lagu 'Negaraku'.

Gambar 39: Gambar penulis ketika menyaksikan secara langsung situasi di belakang tabir.

Gambar 40: Johan Qari MTQA 2010 Hani Abdel Aziz Ahmed.

Gambar 41: Pengacara MTQA sedang mengendalikan majlis.

Universiti Malaya

BAB 1

Universiti Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pertandingan Tilawah al-Quran seawalnya telah diasaskan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada tahun 1961. Pertama kalinya ia diadakan di Stadium Merdeka di Kuala Lumpur pada 9 Mac 1961 yang disertai oleh 13 orang peserta dari Negara Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaya sendiri.

Dahulu, pertandingan ini dikenali sebagai Majlis Musabaqah al-Quran Peringkat Antarabangsa. Pada tahun 1985, pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ini diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Walau bagaimanapun, sebelum pertandingan ini diwujudkan secara rasminya oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman, pertandingan ini pernah diadakan lebih awal lagi daripada tarikh rasmi ini, iaitu seawal tahun 1947. Pada waktu itu, pertandingan seperti ini dinamakan Pertandingan Membaca al-Quran Se-Malaya yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Pekembar atau UMNO) pada 4 September 1947¹.

Pada tahun 1951, Tunku Abdul Rahman mengadakan pertandingan membaca al-Quran di Kedah, yang kemudiannya menjadi aktiviti tradisi yang diadakan di Kedah pada setiap tahun. Selepas negara kita mencapai kemerdekaan, beliau berusaha menganjurkan pertandingan ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Langkah pertama yang diambil oleh beliau ialah menganjurkan pertandingan membaca al-Quran antara negeri Kedah dan Johor pada tahun 1959.

¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia *50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2008), hlm. 19.

Melalui perbincangan kajian ini, penulis melihat terdapat beberapa istilah penting yang bakal diperbincangkan dengan lebih mendalam, antaranya *„penganjuran‘ ‘tilawah al-Quran‘*, dan *„cabaran“* yang menjadi topik dan fokus utama kajian ini.

Istilah *„penganjuran“* menurut kamus Dewan, anjuran bermaksud *„sesuatu (majlis dan sebagainya) yang diadakan oleh seseorang (persatuan dan sebagainya)“*. *penganjuran* bermaksud perihal (perbuatan atau usaha) menganjurkan.² Penganjur pula bermaksud orang yang mendahului sesuatu atau orang yang menganjuri sesuatu usaha. Konsep penganjuran yang menjadi fokus kajian penulis ialah institusi agama di bawah Kerajaan Malaysia yang bertanggungjawab untuk mengurus, mengawal, mengelola dan menyelia pertandingan tilawah al-Quran ini iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Makanya, sebagai rangkuman daripada beberapa pengertian yang telah diuraikan tadi, penulis telah membina suatu konsep dan definisi kepada tajuk kajian yang telah penulis jalankan yang menyentuh dan memfokuskan usaha-usaha menganjurkan pertandingan tilawah al-Quran pada setiap tahun oleh JAKIM serta badan-badan yang berkaitan. Kajian ini juga melibatkan proses pelaksanaan program pertandingan tilawah al-Quran serta situasi di sebalik tabir sepanjang program berlangsung. Kajian ini juga menggunakan pemerhatian dari sudut kesenian dan kebudayaan yang telah sebatik di dalam pertandingan ini selama 53 tahun sehingga menjadi acuan atau rujukan kepada pertandingan tilawah al-Quran yang lain.

Pengertian *„al-Quran“* dari segi bahasa berasal daripada Bahasa Arab iaitu bermaksud *„bacaan“* berdasarkan dari segi ilmu *sorof*, kalimah al-Quran ini

² Noreshah bt Baharom, et al, *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), hlm. 64.

membawa imbangan seperti berikut „qara'a, yaqra'u, qur'anān“³. Ulama ulum al-Quran memberi pelbagai penafsiran tentang asal-usul kalimah ini⁴. Jadi di sini, al-Quran bermaksud „yang dibaca“. Ada juga yang berpendapat bahawa al-Quran itu bermaksud „qiraah“ iaitu bacaan. Dalilnya diambil daripada Surah al-Qiyamah: 17-18:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ
 قُرْآنَهُ ﴿١٨﴾

Al-Qiyamah 75:17-18

Terjemahan: Sesungguhnya Kamilah Yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu), Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, Dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.

Sebahagian ulama termasuk imam as-Syafie berpendapat bahawa al-Quran itu tidak diambil dari mana-mana perkataan lain, ia merupakan kata nama khas bagi kitab Allah. Sama saja dengan (dari segi nama) dengan kitab-kitab lain seperti Zabur, Taurat, dan Injil. Semuanya nama bagi kitab-kitab Allah yang diturunkan kepada nabi-nabi sebagai panduan dan pegangan umat nabi-nabi berkenaan⁵.

Manakala pengertian „al-Quran“ dari segi istilah, menurut Subhi Salleh⁶, al-Quran ialah “kalam Allah s.w.t yang bermukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, ditulis dalam beberapa mashaf, dipetik daripada riwayat

³ Muhammad Idrīs „Abdul Raūf al-Marbawī, *Qāmūs Marbawī Arabī-Malayuwwī*, (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halbī, 1350H), hlm. 121.

⁴ Mohd Yusuf Ahmad, *Sejarah dan Pendidikan Al-Quran*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000), hlm. 3.

⁵ Al-Sayūti Jalāluddīn „Abdul Rahmān, *Al-Itqān Fī ‘Ulūm Al-Qurān*, (Mesir: Matbu Mūsā al-Bābī, 1951), 1: 3.

⁶ Subhi Salleh, *Kajian al-Quran* (Edisi Terjemahan), (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).

mutawatir, dan membacanya adalah suatu ibadah”. Dalam suatu istilah yang disepakati Ulama, “al-Quran bermaksud kitab Allah yang mempunyai mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w dengan perantaraan Jibrail yang termaktub di dalam *Mushaf*, yang dipindahkan kepada kita secara *mutawatir*, dimulakan dengan surah al-Fatihah dan disudahi dengan surah an-Nas serta mendapat pahala membacanya”⁷. Pengertian ini sama juga diterangkan di dalam „al-Tafsir al-Munir”⁸. Kitab al-Quran ini mengandungi 114 surah. Sejarah awal penurunan al-Quran ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w. dimulai dengan surah al-Alaq ayat 1 hingga 7, dan diakhiri dengan surah al-Maidah ayat 3.

Pengertian „tilawah” dari segi bahasa berasal daripada bahasa Arab iaitu masdar bagi perkataan ‘*tala*’ yang bermaksud „membaca”. Berdasarkan dari segi ilmu *sorof*, kalimah al-Quran ini membawa imbalan seperti berikut „*tala, yatlu, tilawah*”⁹. Perkataan ini diambil daripada ayat al-Quran iaitu:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا
 رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

Fatir 35: 29

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang Yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan Yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan Yang tidak akan mengalami kerugian.

⁷ Al-Şabūnī, Muhammad „Alī, *Al-Tibyān Fī ‘Ulūm Al-Qurān*, (Beirut: „Alam al-Kutūb, 1985).

⁸ Al-„Ustāz Al-Duktūr Wahab Al-Zahīlī, *Al-Tafsīr Al-Munīr: Fī Al-‘Aqidah Wa Al-Sharī‘ah Wa Al-Manhāj*, (Damsyik: Dārul Fikr, 2009), 1: 15.

⁹ Muhammad Idrīs „Abdul Raūf al-Marbawī, *Qāmūs Marbawī Arabī-Malayuwwī*, (Mesir: Muşţafā al-Bābī al-Halbī, 1350H), hlm. 79.

Al-Syeikh Muhammad Bin Salleh Al-Utsaimin menerangkan bahawa tilawah al-Quran ada dua jenis. Yang pertama ialah tilawah „*hukmiyyah*“, iaitu membenarkan segala khabar dari al-Quran serta melakukan segala ketetapan hukumnya dengan cara melaksanakan perintah dan menjauhi larangannya. Yang kedua pula ialah tilawah „*lafziyyah*“, iaitu membaca (zahir ayatnya). Telah banyak dalil-dalil yang menerangkan keutamaannya, sama ada dari keseluruhan al-Quran, surah, atau ayat-ayat tertentu.

Al-Syeikh Muhammad Bin Salleh Al-Utsaimin juga dalam bukunya yang bertajuk „*Syarh Al-Arba'īn An-Nawawīyyah*“¹⁰ menyatakan orang-orang yang berkumpul yang benar-benar dalam rangka membaca lafaz al-Quran ada 3 jenis. Yang pertama: mereka yang membaca bersama-sama dengan satu mulut dan satu suara. Yang kedua: mereka berkumpul, kemudian salah seorang membaca dan yang lain menyemak. Yang ketiga: mereka berkumpul, setiap orang membaca untuk dirinya sendiri dan yang lain tidak mendengarkannya.

Maka, penulis dapat simpulkan di sini bahawa „tilawah al-Quran“ secara umumnya bermaksud pembacaan al-Quran sama ada secara sendiri, berkumpulan, mahupun suatu kajian dalam pembelajaran iaitu apabila kitab ini dibaca, lahirnya keyakinan terhadap apa yang disampaikan oleh al-Quran sama secara membenarkan hukumnya (*hukmiyyah*) atau keelokan zahir ayatnya (*lafziyyah*).

Pengertian „cabaran“ menurut kamus dewan¹¹, ialah sesuatu unsur atau faktor yang mencabar atau menguji ketabahan dan kemampuan seseorang atau sesuatu organisasi. Penulis menetapkan pengertian cabaran dalam kajian ini bagi meneliti

¹⁰ Al-Syeikh Muhammad Bin Salleh Al-Utsaimin, *Syarh Al-Arba'īn An-Nawāwīyyah*, Hadis ke-36, laman sesawang 4Share, dicapai pada 13 November 2011, http://www.4shared.com/get/kNStVXHv/_-.html.

¹¹ Noresah bt Baharom, et al, *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), hlm. 64.

masalah-masalah, kesulitan, kekurangan dan segala kelemahan yang terdapat di dalam penganjuran tilawah al-Quran ini yang memerlukan penambahbaikan dan peningkatan tahap kualitinya kepada yang lebih baik memandangkan pertandingan ini merupakan sebuah anjuran pertandingan yang berprestij dan bertaraf antarabangsa.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pertama, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTQA) merupakan majlis yang berprestij dengan menyaksikan Malaysia sebagai negara Islam yang terawal di dalam menganjurkan majlis keagamaan seumpama ini. Kenyataan ini dibuktikan melalui pernyataan di dalam buku “Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa” keluaran JAKIM yang menyatakan:

“Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang dianjurkan oleh Malaysia pada ketika itu ialah Majlis Tilawah yang julung-julung kalinya dianjurkan di dunia. Belum ada mana-mana negara yang menganjurkannya sebelum ini”¹²

Maka berdasarkan kepada fakta terbabit, penulis melihat adalah penting untuk ditelusuri sejarah penubuhan dan penganjuran majlis tilawah al-Quran yang diasaskan oleh negara Malaysia sebagai negara tuan rumah di mana pertandingan ini merupakan contoh kepada sebuah pertandingan berunsurkan dakwah dan kesenian Islam yang menjadi sejarah dan cerminan kepada sebuah negara Islam. Berdasarkan hal ini adalah penting kajian ini menganalisis sejarah penganjuran tilawah al-Quran sebelum dan selepas merdeka, perkembangan dan lokasi awal penganjuran.

¹² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia *Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa*, (Kuala Lumpur : iBook Publication Sdn. Bhd., 2003), hlm. 29.

Kedua, kebanyakan negara Islam yang menganjurkan pertandingan tilawah al-Quran merujuk Malaysia sebagai negara contoh dari aspek penganjuran dan pertandingannya. Sistem pengurusan dan penganjuran ini membawa kepada proses yang lengkap merangkumi pelbagai aspek seperti jawatankuasa organisasi, kewangan, tema, pengurusan peserta, atur cara, pemarkahan, reka bentuk astaka, persembahan selingan, dan aktiviti sampingan. Situasi menunjukkan terdapat keistimewaan tersendiri sehingga terbukti apabila rekod yang diperolehi oleh JAKIM menyatakan negara-negara lain seperti negara Indonesia, Mesir, Brunei, dan Singapura¹³ telah mencontohi sistem yang diguna pakai oleh negara Malaysia. Oleh itu, penyelidik berpendapat adalah sangat perlu untuk meneliti proses yang dilakukan sepanjang tempoh berlangsungnya pertandingan tilawah al-Quran di Malaysia merangkumi aspek yang digariskan sebagaimana di atas di modul pelaksanaannya diaplikasikan di negara-negara Islam yang lain.

Ketiga, apabila membabitkan isu pertandingan di peringkat antarabangsa, secara tidak langsung ia membawa imej negara Malaysia sebagai salah sebuah negara penganjur sekali gus melibatkan imej negara-negara lain yang menyertai pertandingan. Antaranya ialah kualiti bacaan peserta yang kurang memuaskan dan sekadar memenuhi undangan. Buktinya diperlihatkan apabila seminggu sebelum majlis tilawah al-Quran diadakan pihak JAKIM terpaksa mengadakan kursus tahsin terhadap para peserta tilawah bagi memperelokkan bacaan mereka.

Selain itu, sistem pelaksanaan dan standard yang sama pada setiap tahun menyebabkan pertandingan ini kelihatan mundur dan ketinggalan serta tiada perubahan yang berlaku dalam memastikan pertandingan ini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat. Hadiah ganjaran yang diberikan juga terlalu sedikit

¹³ Abd Rauf Hassan (Ph.D), Wan Norainawati Wan Hamzah (M.A). *Biografi Dato' Haji Hassan Azhari*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), hlm. 81.

berbanding hadiah kemenangan dalam pelbagai pertandingan berunsurkan hiburan di Malaysia. Berdasarkan hal ini, kajian ini penting untuk menganalisis bagi menentukan tahap dan kualiti pertandingan ini secara keseluruhan berdasarkan cabaran-cabaran yang dihadapi supaya kualiti penganjuran dan pengurusannya dapat ditingkatkan serta ditransformasi ke tahap yang lebih tinggi.

Universiti Malaya

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- i. Bagaimana sejarah penganjuran Tilawah al-Quran di Malaysia?
- ii. Bagaimana proses penganjuran dan pelaksanaan pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa di Malaysia?
- iii. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak penganjur pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa di Malaysia?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Sebagai rumusan kepada permasalahan kajian yang telah dijelaskan di atas, terdapat tiga objektif utama yang ingin dicapai dalam kajian ini, iaitu;

- i. Mengkaji sejarah penganjuran Tilawah al-Quran di Malaysia.
- ii. Menganalisis proses penganjuran dan pelaksanaan pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa di Malaysia.
- iii. Menganalisis cabaran-cabaran yang terhasil daripada pertandingan Tilawah al-Quran di Malaysia.

1.5 SKOP KAJIAN

Pertama, skop kajian ini hanya menghadkan tumpuan terhadap pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa sahaja. Ia sebagai mewakili taraf pertandingan yang bersifat antarabangsa, membabitkan penglibatan daripada 80 buah negara peserta malah penganjurannya telah berlangsung selama 56 tahun lamanya. Hal ini banyak disentuh di dalam bab kedua iaitu sejarah Majlis Tilawah al-Quran di Malaysia. Dengan meletakkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai institusi utama yang bertanggungjawab mengurus dan mengelola pertandingan ini, institusi ini dijadikan landasan ukuran dan rujukan dalam beberapa aspek dalam penganjuran seperti tema, jumlah peserta, astaka, pemarkahan dan atur cara majlis. Hal ini banyak disentuh di dalam bab ketiga iaitu aktiviti penganjuran dan pelaksanaannya.

Kedua, tempat penyelidikan pula hanya terhad di Malaysia berdasarkan sebab utama bahawa pertandingan ini diperkenalkan di Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman seawal tahun 1947 M. Ketiga, tempoh kajian pula dihadkan mulai dari tahun 2010 sehingga tahun 2011. Tahun 2010 diambil sebagai kajian lapangan kerana pada tahun ini, hadiah yang diberi kepada johan qari dan qariah sebanyak AS\$ 4000 (RM 13 000) pada setiap tahun telah dinaikkan kepada AS\$ 10000 (RM 32500)¹⁴. Dalam beberapa bab di dalam kajian penulis, penulis telah menghuraikan analisis dan pemerhatian penulis dalam beberapa bahagian seperti dalam sub topik hadiah di bawah bab ketiga. Berdasarkan analisis, penulis memberikan pandangan berdasarkan kajian dan pemerhatian yang dijalankan secara langsung semasa program berlangsung.

¹⁴ Saifulizam, Hadiah Johan Tilawah Kini RM 32500, *Utusan Malaysia*, 28 Julai 2010.

Ketiga, bidang kajian ini dihadkan untuk melihat sejarah penubuhan, proses pelaksanaan pertandingan yang dijalankan dan cabaran yang berlangsung dalam tempoh kajian dijalankan. Ini kerana adalah penting perjalanan kajian ini dijalankan selepas penganjuran program ini berlangsung selama 56 tahun. Jika dilihat dalam bab kedua, penulis menerangkan sejarah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa di Malaysia bermula tahun 1947. Pada bab yang ketiga, pelaksanaan program disentuh dengan lebih mendalam mengikut bahagian-bahagian yang telah disusun agar penerangan dapat dihuraikan dengan jelas. Pada bab keempat, cabaran-cabaran yang menjadi penghalang kepada pelaksanaan penganjuran yang berkualiti ditekankan mengikut faktor-faktor yang dibina berdasarkan fakta dan pendapat yang dikeluarkan oleh para peserta, penganjur dan tindak balas penonton serta para wartawan yang menyaksikan penganjuran tersebut. Bahagian ini penting untuk diselidiki untuk menjelaskan kekurangan yang pada MTQA untuk diperbaiki dari semasa ke semasa.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting sebagai salah satu usaha rintis sebagai kesinambungan kepada sejarah bermulanya pertandingan tilawah al-Quran di Malaysia khususnya dan di peringkat antarabangsa amnya. Oleh kerana MTQA bukanlah suatu program biasa dan dikenali, amat perlu untuk topik ini dikupas dengan lebih mendalam dan lebih banyak kajian dijalankan demi memastikan MTQA terus mendapat tempat di hati masyarakat.

Pentingnya kajian ini adalah kerana perlunya usaha mencari tempat bermulanya aktiviti penganjuran MTQA sehingga kepada terbinanya sebuah penganjuran yang sangat berprestij dan dikenali di seluruh dunia. Tiga pendapat utama penulis yang diketengahkan dalam sejarah penganjuran MTQA ini ialah penganjuran ini bermula dari Johor, yang kedua dari Kedah, dan yang ketiga dari Terengganu. Pendapat yang diutarakan berdasarkan bukti-bukti yang telah ditonjolkan melalui maklumat dokumentasi sejarah MTQA serta wawancara bersama tokoh-tokoh tilawah yang lebih berpengalaman dan menyumbangkan banyak tenaga dan usaha untuk program ini sejak dari awal penganjurannya.

Perbincangan ini juga merupakan suatu pendedahan terhadap pelaksanaan penganjuran Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa dengan perincian terhadap susun atur perjalanan program sepanjang tempoh kajian di jalankan. Melalui kajian ini, penulis telah menghuraikan dengan lebih jelas setiap aspek yang menjadi nadi kekuatan kepada penganjuran ini. Kupasan tema, jawatan kuasa organisasi, peserta, atur cara majlis, reka bentuk astaka, dan perbelanjaan menjadi subtopik yang dikupas dengan teliti agar setiap pelaksanaan dapat dilihat dengan lebih jelas.

Kajian ini juga menonjolkan cabaran-cabaran yang dihadapi bagi memastikan pertandingan ini mendapat tempat di hati masyarakat seterusnya meningkatkan kualiti dan mutu pertandingan ini. Antara cabaran-cabaran utama yang penulis dapati menjadi penghalang kepada kemajuan MTQA ini ialah kualiti bacaan yang kurang memuaskan, perubahan sistem pelaksanaan yang tidak ketara dari semasa ke semasa, hadiah dan ganjaran yang jauh berbeza berbanding penganjuran program hiburan lain, serta bantuan tajaan dalam bahagian dana kewangan. Akhir sekali, kajian ini diharapkan mampu menjadi contoh terbaik bagi para pembaca dan ilmuwan pada masa akan datang untuk mendapat inspirasi kajian yang lebih mendalam mengenai isu yang diperbahaskan di dalam kajian ini.

1.7 KAJIAN LITERATUR

Melalui kajian literatur, penulis dapat melihat dengan lebih jelas permasalahan yang ingin dikaji oleh penulis berdasarkan kajian terhadap sumber-sumber yang terdahulu. Melalui buku-buku yang diterangkan, penulis mendapati terdapat beberapa kekurangan yang perlu diperbaiki berdasarkan perubahan maklumat dan peredaran masa. Penulis menggunakan tema sejarah sebagai rujukan.

Tema Sejarah

1. Seni Lagu Al-Quran di Malaysia oleh Mohd Ali Bin Abu Bakar

Karya yang dihasilkan oleh Mohd Ali Bin Abu Bakar pada tahun 1991 ini merupakan salah sebuah penulisan yang memfokuskan tentang sejarah taranum, seni lagu al-Quran, syarat-syarat, tokoh-tokoh tilawah al-Quran serta peranan seni lagu dalam pembacaan al-Quran. Karya ini boleh dianggap sebagai suatu sumber yang mengupas pelbagai persoalan. Dalam sesetengah bahagian, pengarang ada menceritakan tentang sejarah perkembangan tilawah al-Quran yang dibawa oleh para „Qari Diraja“ yang terkenal di sekitar tahun 1920-1940an¹⁵. Namun kelemahan yang dapat penulis lihat di sini ialah perkembangan penganjuran pertandingan tilawah al-Quran itu sendiri dan latar belakang majlis pertandingan ini tidak dikupas dengan mendalam. Bukti-bukti kajian beliau tidak ditunjukkan secara konkrit walaupun terdapat beberapa maklumat yang diberikan itu bermanfaat kepada para pembaca.

Sebagai contoh, pengarang ada mengatakan bahawa:

¹⁵ Mohd Ali Bin Abu Bakar *Seni Lagu Al-Quran di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Darulfikir, 1991), hlm. 70.

“Kedatangan para mubaligh Islam dari Timur Tengah serta kepulangan para lulusan yang belajar di Mekah dan Madinah untuk mengajar al-Quran kepada penduduk setempat”¹⁶

Daripada kenyataan tersebut, pengarang tidak menyenaraikan tokoh-tokoh yang pernah belajar di Mekah dan Madinah yang kembali mengajar al-Quran kepada penduduk setempat. Yang disenaraikan adalah tokoh-tokoh yang menjadi faktor utama perkembangan seni lagu al-Quran di Nusantara seperti Muhammad Yusof Kedondong dari Kelantan dan Haji Muhammad Ribat dari Kedah.

Maklumat yang disampaikan oleh pengarang mengenai sejarah MTQA, maklumat mengenai peserta MTQA serta syarat-syarat pemarkahan disampaikan dengan betul, namun sumber yang rujukan maklumatnya iaitu buku-buku JAKIM tidak disebut di dalam buku tersebut.

Pengarang juga menerangkan tentang peranan seni lagu al-Quran bersama dalilnya, namun keberkesanannya tidak dibuktikan. Peranan seni lagu al-Quran sememangnya penting dan mempunyai peranannya yang tersendiri dalam bidangnya, namun hasil bukti peranan yang dibawakan tidak berjaya ditonjolkan oleh pengarang melainkan dalil naqli yang dibuktikan melalui ayat-ayat al-Quran tanpa sokongan daripada kajian beliau sendiri.

Maka kajian penulis akan melengkapi sejarah dan perkembangan penganjuran pertandingan ini melalui penelitian yang mendalam serta penjelasan tentang sejarah penganjuran tilawah al-Quran membabitkan isu-isu sebelum dan selepas merdeka, dan proses penganjuran tilawah al-Quran yang lebih terperinci dan terkini.

¹⁶ Mohd Ali Bin Abu Bakar *Seni Lagu Al-Quran di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Darulfikir, 1991), hlm. 81.

2. 50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Karya yang diterbitkan pada tahun 2008 oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya ini memaparkan data dan maklumat bergambar mengenai sejarah Majlis Tilawah al-Quran di Malaysia, johan qari dan qariah, astaka, para hakim sepanjang berlangsungnya Majlis Tilawah al-Quran di Malaysia. Penerangan maklumat ini diceritakan sebermula penganjurannya pada tahun 1961 hingga ke tahun 2007 diselitkan bersama gambar-gambar sepanjang majlis berlangsung serta keratan akhbar yang mengulas mengenai pertandingan ini. Sebuah buku yang unik dan bermutu serta memberi inspirasi dan rasa teruja kepada para pembaca kerana kualiti dan nilai klasik gambar-gambar yang disediakan bersama penerangannya.

Walau bagaimanapun, maklumat yang dijelaskan tidak melangkaui perincian maklumat bagi Majlis Tilawah al-Quran pada empat tahun berikutnya iaitu tahun 1998-2011 yang masih belum lagi diterbitkan. Banyak perkara yang kita tidak dapat ikuti kerana sudah lima tahun JAKIM tidak mengemaskini maklumat MTQA yang terbaru dalam bentuk buku cenderahati atau laporan lengkap sebegini. Maka penulis akan mengisi kelompongan ini melalui kajian lapangan yang telah penulis jalankan bukan sahaja untuk tahun 2008 hingga 2012, malah untuk tahun-tahun sebelum ini dengan pemerhatian yang dijalankan secara langsung di PWTC.

3. Biografi Dato^o Haji Hassan Azhari oleh Abd Rauf Hassan dan Wan Norainawati Wan Hamzah.

Diterbitkan pada tahun 2007 oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya. Penulisannya menceritakan kisah hidup Tan Sri Hassan Azhari serta

pembabitannya dalam bidang tilawah al-Quran sebagai peserta dan hakim pertandingan ini. Keistimewaan buku ini banyak memberikan maklumat tentang tilawah al-Quran dari dalam dan luar negara berdasarkan pengalaman beliau mengadili pertandingan tilawah al-Quran di negara-negara luar. Buku yang berbentuk biografi ini juga menceritakan secara terperinci kisah beliau sejak dari kecil sehinggalah kehidupan beliau yang cemerlang dalam kerjaya dan rumah tangganya. Buku ini juga memaparkan gambar-gambar beliau bersama tokoh-tokoh tilawah terkenal serta pengalaman beliau menghadiri majlis-majlis penting.

Namun begitu, buku ini hanya memfokuskan beliau sahaja sesuai dengan konsep biografi buku ini. Pemfokusan ini disertai kisah peribadi beliau, maka penceritaan mengenai majlis tilawah al-Quran dalam buku ini kurang diketengahkan walaupun hampir setengah abad beliau telah menyumbangkan masa dan tenaga beliau untuk MTQA ini. Jika dikupas bersama-sama pengalaman rakan-rakan seperjuangannya yang juga peserta lama dan turut menyumbang menyertai bidang ini, buku ini pasti dapat mengupas sejarah dan maklumat tilawah al-Quran dengan lebih mendalam. Penulis juga memainkan peranan dalam kajian ini untuk menyelongkar peranan besar beliau dalam bidang tilawah al-Quran ini.

4. Sejarah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Diterbitkan pada tahun 2003 oleh iBook Publication, Kuala Lumpur. Buku ini mempunyai kesinambungan terhadap buku „50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia“. Walaupun terdapat buku JAKIM yang menerbitkan buku terbaru

pada tahun 2007 mengenai tilawah al-Quran, namun buku ini ada keistimewaan tersendiri. Berbanding buku “50 Tahun Tilawah al-Quran” yang menceritakan segala aspek penganjuran secara umum, buku ini menceritakan sejarah penganjuran tilawah al-Quran dengan lebih terperinci dan mendalam seperti pemilihan hadiah piala pusingan seawal tahun 60-an , jumlah hadiah johan qari dan qariah, serta perpindahan lokasi penganjuran daripada Stadium Merdeka kepada PWTC.

Cuma perbezaannya ialah buku ini diterbitkan lebih awal lagi. Perbincangan mengenai penganjurannya juga agak terhad serta banyak kekurangan maklumat terbaru berbanding buku selepasnya. Dengan kajian yang penulis jalankan, penulis akan mengisi kelompongan ini dengan kajian dan maklumat yang terbaru hasil pemerhatian terhadap penganjuran MTQA secara langsung dan wawancara tokoh-tokoh yang berkaitan.

1.8 METODE KAJIAN

Menurut Koentjaraningrat¹⁷, pengertian metodologi berasal daripada dua perkataan Yunani, iaitu *methodos* yang memberi erti cara dan keduanya *logos* bererti ilmu. Gabungan keduanya membawa bahawa metodologi ialah suatu ilmu berkenaan kaedah dan cara. Metode penyelidikan adalah satu kaedah kajian, pemeriksaan dan pemerhatian tentang sesuatu kes yang hendak dikaji. Kaedah ini memerlukan teknik-teknik tertentu untuk membuktikan keberkesanan penyelidikan serta menghasilkan maklumat-maklumat yang baru. Di dalam suatu kajian, metode merupakan suatu unsur yang amat penting kerana ia adalah kaedah untuk memahami objek kajian. Beberapa proses utama dilakukan bagi melengkap kajian ini, iaitu;

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data ini merupakan suatu cara untuk mendapatkan data dan fakta mengenai subjek yang dikaji. Ia adalah satu usaha yang dijalankan dengan kaedah penghimpunan data dan melakukan penafsiran terhadapnya. Ia merupakan punca asas bagi penyelidik memulakan penelitian dan juga penulisan. Data yang diperolehi adalah meliputi dari sumber pertama dan kedua. Penulis menjadikan sesuatu bahan yang dicatat kepada sumber-sumber tertentu setelah dibuat penelitian oleh penulis.

Metode pengumpulan data yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini adalah seperti berikut :

¹⁷ Koentjaraningrat, Raden Mas *Metode-metode penelitian masyarakat*, (Jakarta: P.T.Gramedia 1977), hlm. 16.

1.8.2 Metode dokumentasi

Pengumpulan data membabitkan metode dokumentasi ini dilakukan dengan menggunakan bahan-bahan sumber primer seperti Arkib Negara, buku-buku Tilawah Al-Quran di Malaysia terbitan JAKIM, artikel Arkib Utusan, Rakaman RTM, bahan-bahan rakaman temu bual dan gambar-gambar sepanjang program berlangsung. Manakala sumber sekunder antaranya buku-buku berkaitan, tesis, koleksi seminar dan persidangan, buku-buku agama dan akademik, dan bahan-bahan dokumen yang berkaitan dengan kajian

Penulis telah menggunakan sumber primer dan sekunder ini dalam bab kedua yang mana akan meneliti kepada latar belakang sejarah pertandingan Tilawah al-Quran seawal 1961 M. Sumber primer sekunder lebih banyak digunakan untuk bab ketiga untuk mengupas tentang proses penganjuran MTQA seperti bukan cenderahati MTQA dan buku-buku JAKIM. Manakala bab keempat disokong oleh bahan-bahan primer yang diambil dari pada buku-buku keluaran JAKIM dan artikel daripada Utusan.

1.8.3 Metode temubual

Melalui metode ini penulis telah melakukan wawancara secara tidak formal mengenai tajuk kajian dengan empat orang tokoh yang terkenal dalam bidang Tilawah, Tajwid dan Qiraat iaitu Dato¹⁸ Haji Ustaz Hassan Azhari¹⁸, Haji Radzi

¹⁸ Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari (Juri dan Hakim Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 4 Julai 2011.

Bin Kamarul Hailan¹⁹, Nik Azizan Nik Jaafar²⁰, dan Hajah Faridah Mat Saman²¹.

Temubual ini dicatat secara bertulis dan dan bahasa perbualan yang tidak formal ini telah diperbaiki susun atur bahasanya agar lebih formal dan dapat difahami pembaca. Responden yang diwawancara telah mengemukakan pandangan dengan lebih teliti dan munasabah mengikut kehendak soalan yang diajukan.

Rajah 1.1: Contoh Soalan-soalan Temu bual.

1. Menurut pengetahuan ustaz/ustazah, bilakah bermulanya sejarah pertandingan tilawah al-Quran di Malaysia? jika bermula seawal tahun 1947, adakah waktu yang lebih awal daripada itu?
2. Bolehkah ustaz/ustazah menggambarkan bagaimana suasana pertandingan tilawah al-Quran selama ustaz/ustazah menceburi bidang ini?
3. Ceritakan pengalaman yang tidak dapat ustaz/ustazah lupakan sepanjang mengikuti pertandingan ini.
4. Apakah cabaran dan kesukaran yang pernah ustaz/ustazah alami?
5. Menurut ustaz/ustazah, apakah jenis pengaruh qiraat dan taranum yang biasa diguna dan diamalkan oleh masyarakat di Malaysia? Siapakah ulama" yang menguasai bidang ini?
6. Apakah persediaan dan petua kejayaan yang ustaz/ustazah amalkan untuk dikongsikan bersama?
7. Apakah pendapat ustaz/ustazah tentang kesan pertandingan ini kepada masyarakat?
8. Sebagai pendidik dan bidang ini juga, apakah pengalaman pahit dan manis sepanjang ustaz/ustazah mengajar ilmu ini kepada masyarakat? Sila nyatakan salah seorang murid ustaz/ustazah yang telah berjaya pada hari ini.
9. Tujuan dan matlamat sebenar ustaz/ustazah menyertai pertandingan ini, adakah kerana ganjaran atau sebaliknya?
10. Sebagai kesimpulannya, apakah pandangan ustaz/ustazah terhadap pertandingan ini hasil daripada pemerhatian ustaz/ustazah selama menceburi bidang ini?

¹⁹ Haji Radzi Bin Kamarul Hailan (Johan Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 2000 dan 2004), dalam temubual dengan penulis, 1 Julai 2011

²⁰ Ustaz Nik Azizan Bin Nik Jaafar (Penerbit dan Pengacara „Mari Bertarunum“ di TV9), dalam temubual dengan penulis, 30 Jun 2011.

²¹ Hajah Faridah Binti Mat Saman (Johan Qariah Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa sebanyak 8 kali), dalam temubual dengan penulis, 28 Julai 2011.

1.8.4 Metode pemerhatian

Metode pemerhatian bermaksud mengumpulkan data dengan melakukan pengamatan secara langsung. Ini termasuk juga pengalaman yang dialami pengkaji. Tujuan penggunaan metode ini adalah untuk mendapatkan data yang saling lengkap-melengkapi dengan data yang diperolehi melalui metode-metode yang lain.

Pengamatan setiap kali Pertandingan Tilawah al-Quran ditayangkan secara langsung di televisyen yang dijalankan pada setiap tahun, serta pengalaman penulis berada secara langsung di Majlis Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 2010²² dan 2011²³ di PWTC untuk melihat segala persiapan, pelaksanaan dan perjalanan program bagi memudahkan penulis membuat pemerhatian dan penilaian terhadap kajian ini.

1.8.5 Metode Analisis Data

Berkenaan dengan analisis data dan penyusunan data yang diperolehi, penulis telah menggunakan metode-metode seperti yang berikut :

a. Metode induktif

Metode induktif adalah satu cara menganalisis data melalui pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk mendapatkan kesimpulan yang bersifat umum. Penulis telah menggunakan metode ini di dalam menganalisis data mengenai sejarah penganjuran tilawah al-Quran di Malaysia dan bagaimana proses perkembangan ini berlangsung sehingga kini. Penulis

²² Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-52, 27 Julai 2010 hingga 3 Ogos 2010, Pusat Dagangan Dunia Putra, 9.00 malam-11.00 malam.

²³ Pertandingan Tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa kali ke-53, 16 Julai 2011 hingga 23 Julai 2011, Pusat Dagangan Dunia Putra, 9.00 malam- 11.00 malam.

mengadaptasikan metode ini dalam bab ke 2 di mana penulis mendapati penganjuran tilawah al-Quran sebelum merdeka dikelolakan oleh jawatankuasa peringkat negeri sebelum MTQA dianjurkan secara rasmi di peringkat persekutuan selepas merdeka. Ini berdasarkan penganjuran MTQA yang dikelolakan oleh JAKIM secara rasmi pada tahun 1961.

b. Metode deduktif

Melalui metode deduktif ini, penulis menganalisis data berdasarkan keterangan-keterangan bersifat umum untuk mendapatkan kesimpulan bersifat khusus. Ia boleh ditafsirkan sebagai pola berfikir dengan pembuktian yang berdasarkan keterangan-keterangan umum terhadap perkara-perkara khusus. Penulis menggunakan metode deduktif di dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang penganjuran MTQA untuk menilai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pertandingan tilawah al-Quran. Penulis menggunakan metode ini dalam bab ke 4.

1.9 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini adalah penting untuk ditelusuri kerana keistimewaan dan sumbangannya yang telah melonjakkan Malaysia di persada antarabangsa. Usaha untuk mengekalkan corak penganjuran ini menjadikan Majlis Tilawah al-Quran ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan perlu diterokai dengan baik dengan memfokuskan Majlis Tilawah al-Quran di peringkat antarabangsa sebagai kajian.

Melalui kajian kualitatif, penulis telah menggunakan metode kajian yang berbentuk dokumentasi, temu bual dan pemerhatian. Kajian ini lebih memberikan penerangan dan gambaran yang lebih baik dan situasi sebenar sepanjang penganjuran terutamanya pada tahun 2010 dan 2011.

Dengan menjadikan JAKIM sebagai penganjur tetap program ini, segala sumber dan bahan bukti yang dibawa oleh institusi ini menjadi fokus utama analisis kajian penulis dan pemerhatian untuk diselidiki kemahiran dan tahap kecekapan yang dimiliki dalam menguruskan program ini pada setiap tahun sehingga mencapai standard yang tersendiri.

BAB 2

Universiti Malaysia

BAB 2

SEJARAH PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN


2.1. PENGENALAN

Bahagian ini akan mengupas sejarah pertandingan tilawah al-Quran dengan mengkaji bermulanya penganjuran tilawah al-Quran seawal tahun 1960 dan beberapa penganjuran sebelum dan selepas merdeka. Menelusuri sejarah Majlis Tilawah al-Quran di Malaysia sebelum merdeka dan selepas merdeka ini, perubahan yang dilalui memakan masa dan proses yang sangat panjang hasil cetusan pelbagai idea dan pengalaman dari pelbagai pihak yang prihatin dan memandang tinggi terhadap potensi penganjuran tilawah al-Quran ini.

Di bawah zaman sebelum merdeka, terdapat beberapa penganjuran dan aktiviti tilawah al-Quran di beberapa kawasan yang menjadi nadi penggerak dan pencetus kepada penganjuran Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang penuh berprestij ini. Kawasan utama ini adalah di negeri Johor dan Kedah.

Zaman selepas merdeka juga turut berkembang di mana usaha yang lebih mantap giat dijalankan oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj. Bermula dari tahun 1961, penganjuran MTQA mengalami proses perkembangan dari segala aspek setiap tahun 1960-an, 1970-an, 1980-an, 1990-an, tahun 2000 sehinggalah ke tahun 2014.

Carta 2.1: Fasa Sejarah Penganjuran Tilawah al-Quran di Malaysia dari tahun 1940-an sehingga 2014.



2.2. SEBELUM MERDEKA

Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, aktiviti penganjuran Tilawah al-Quran dilaksanakan secara tidak formal dan konsisten memandangkan penganjurannya baru saja bermula dan ketika ini masih banyak kekurangan yang tidak ditekankan kerana pertandingan ini dijalankan secara terbuka dalam peringkat negeri dan lebih mementingkan objektif yang ingin dicapai, iaitu sebagai satu usaha menyemai rasa cinta al-Quran dalam kalangan masyarakat tempatan.

Usaha ini kemudiannya disambut baik apabila idea untuk mengajurnya secara besar-besaran mula dibincangkan di kalangan pemimpin. Perkembangan yang berlaku tidaklah secara mendadak, sebaliknya peningkatan mutu pengendalian dapat dilihat oleh masyarakat dalam jangka masa yang agak lama. Berbekalkan semangat yang dibawa oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj, usaha untuk memurnikan program ini terus dilaksanakan dari tahun ke tahun.

Langkah permulaan yang hebat ini menjadi pencetus kepada kukuhnya penganjuran Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa (MTQA) di Malaysia. Pada mulanya, maklumat yang membuktikan secara terang mengenai awal penganjurannya sebelum 1940-an kurang jelas, tetapi aktiviti tilawah al-Quran yang menjadi tradisi dalam kalangan masyarakat Melayu sepanjang bulan Ramadhan ini sudah lama diketahui masyarakat melalui mulut ke mulut dan masih di teruskan oleh generasi muda sehingga ke hari ini.

2.2.1 Penganjuran dan Program Tilawah al-Quran Sebelum 1940-an

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penulis melalui pembacaan dan temu bual, tidak ada penganjuran yang lebih awal daripada yang dicatat atau yang diketahui selain daripada maklumat yang disampaikan oleh JAKIM iaitu pada tahun 1947 di Negeri Johor.

Adapun begitu, sejarah mengenai program dan aktiviti pendidikan dan latihan tilawah al-Quran ada ditulis di dalam buku oleh Mohd Ali Bin Abu Bakar²⁴ dan diketahui pakar-pakar Tilawah al-Quran di Malaysia. Di dalam temu bual penulis bersama Tan Sri Hassan Azhari mengenai penganjuran Majlis Tilawah al-Quran yang terawal di Malaysia. Beliau memberitahu:

“Jika sebelum tahun 1947, pertandingan kebanyakannya diadakan di sekolah-sekolah²⁵. Aktiviti pertandingan al-Quran yang paling banyak sekali diadakan adalah di Kedah iaitu di Masjid Az-Zahir. Tiap-tiap kali Ramadhan, pertandingan tilawah al-Quran akan diadakan di sana”.²⁶

Daripada apa yang diperkatakan, jelas menunjukkan usaha dan penerapan dalam pendidikan dan acara yang tidak formal oleh tokoh-tokoh terdahulu terhadap masyarakat dalam menguasai taranum dan qiraat dengan baik telah lama dilakukan.

Jika kita lihat suatu masa dahulu, penerimaan agama Islam di kalangan masyarakat Melayu di Nusantara tidak berlaku secara beransur-ansur. Tetapi

²⁴ Mohd Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran di Malaysia*, (Darulfikir: Kuala Lumpur, 1991), hlm. 69.

²⁵ Sekolah yang dimaksudkan pada fahaman penulis ialah Sekolah Pondok

²⁶ Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari (Juri dan Hakim Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 4 Julai 2011.

menyeluruh apabila raja-raja mereka menerima Islam sebagai agama mereka.

Perkara telah ditulis di dalam karya *Sulalatus Salatin*²⁷:

“...Setelah sudah makhdum itu sembahyang, maka raja pun menderumkan gajahnya. Makhdum dibawa baginda naik gajah, lalu dibawa baginda masuk ke dalam negeri. Maka segala orang besar-besar semuanya masuk Islam; sekalian isi negeri lelaki, perempuan, tua muda, kecil besar sekaliannya masuk Islam dititahkan baginda. Maka raja pun bergurulah pada makhdum akan tertib sembahyang...”

Petikan teks di atas menerangkan kisah bagaimana bermulanya penyebaran Islam di Tanah Melayu melalui kedatangan mubaligh Arab yang menunaikan solat di kawasan pelabuhan Melaka serta berjaya menarik perhatian Raja untuk memeluk Islam. Melalui teks ini, dapat ditafsirkan bahawa raja memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam ke kota Melaka apabila golongan bangsawan dan rakyat jelata juga turut memeluk Islam.

Di Kelantan pula, para qari dari tanah Arab pernah datang mengajar lagu-lagu al-Quran di Istana Sultan Kelantan atas jemputan istana. Antara isi kandungan yang diceritakan dalam buku yang dikarang oleh Abdullah Munsyi ialah:

“...maka adalah tiga jam lamanya sahaya menantikan orang yang datang dari dalam itu, maka kemudian datang lah Sayid Abu turun ka-perahu itu, maka ia itu diam di-Kampung Laut di-seberang , makan adapun Sayid Abu itu peranakan Pontianak, maka ia dudok di- Terengganu, maka di-jemput Raja Kelantan, karena ia itu ditakuti orang akan dia. Maka sekalian orang dalam negeri itu membilang dia seperti raja juga...”²⁸

Kenyataan di atas, menceritakan seorang alim ulama yang berketurunan Syed mendiami tempat di Kampung Laut atas jemputan Raja Kelantan kerana kehebatannya dan ulama ini dihormati di kalangan masyarakat. Terdapat juga

²⁷ _____ *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu Edisi Pelajar* Ed: A. Samad Ahmad, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), hlm. 73 - 74.

²⁸ Kasim Ahmad (1960), *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlmn 61.

perkataan yang disebutkan di dalam ayat ini bahawa ulama²⁹ yang datang mengajar ke Kelantan itu pernah menetap di Terengganu sebelum dijemput oleh Sultan Kelantan mengajar di istana. Ini menunjukkan Terengganu adalah tempat yang biasa diduduki oleh pakar taranum tersebut sebelum Sultan menjemputnya ke Kelantan untuk mengajar masyarakat di sana.

Perkembangan ini memperlihatkan bermulanya fenomena tadarus al-Quran bermula di Tanah Melayu. Istana-istana kesultanan Melayu memainkan peranan penting dalam perkembangan lagu-lagu al-Quran. “Qari-qari Diraja” atau “Qari-qari Istana”²⁹ ini sentiasa memperdengarkan al-Quran bukan sahaja kepada raja-raja, mereka juga berperanan penting dalam acara-acara kemasyarakatan yang turut berkait rapat dengan hal-hal agama Islam seperti majlis khatam al-Quran, tahlil, majlis aqiqah dan tahnid, nikah kahwin, kenduri kesyukuran, serta doa selamat.

²⁹ Mohd Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Darulfikir, 1991), hlm. 69.

2.2.2 Penganjuran MTQA Tahun 1940-an

Sebelum menjejaki arena antarabangsa, pertandingan ini telah bermula sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi yang mana bermulanya di peringkat negeri dan kemudiannya diikuti dengan peringkat kebangsaan. Pada awal penganjurannya, pertandingan ini dikenali sebagai „Pertandingan Membaca al-Quran“. Kemudiannya dikenali sebagai „Musabaqah Membaca al-Quran“. Kini pertandingan ini lebih dikenali sebagai „Majlis Tilawah al-Quran“.

Di Johor, pertandingan ini pada mulanya dinamakan „Majlis Perujian Membaca al-Quran“ atas titah perintah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Memegang gelaran sebagai negeri yang pertama menganjurkan pertandingan tilawah al-Quran, pertandingan ini diperkenalkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau United Malayan Nation Organization (UMNO) pada 4 September 1947 di Masjid Jamek Abu Bakar, Johor Baharu. Acara ini dirasmikan oleh Encik Ahmad bin Yaakob iaitu Ketua Majlis Pertandingan Membaca al-Quran Se-Malaya³⁰.

Ketika itu juga, para peserta hanya terdiri daripada kaum lelaki sahaja. Pada malam penutupnya, penyampaian hadiah disempurnakan oleh Sultan dalam majlis jamuan teh di Istana Besar Johor pada 5 September 1947. Johan yang memenangi pertandingan ini terdiri daripada tiga orang peserta iaitu Encik Abdul Rahman dari Pulau Pinang, Tuan Haji Mahyudin dari Perak, dan Encik Hassan Bin Azhari dari Selangor.³¹

³⁰ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia *50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia*,. (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008), hlm 19.

³¹ Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari (Juri dan Hakim Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa) dalam temubual dengan penulis, 4 Julai 2011.

Melihat kepada pertandingan ini secara rambang, apa yang dapat penulis lihat ialah pertandingan membaca al-Quran ini adalah sebuah pertandingan sederhana yang di adakan di sekitar Johor. Tetapi, apabila tiga orang yang menjadi johan dalam pertandingan ini berasal dari negeri yang berbeza, penulis berpendapat bahawa penyertaan pertandingan ini bukan diadakan hanya untuk masyarakat yang tinggal di negeri Johor sahaja. Sebaliknya pertandingan ini terbuka kepada seluruh penduduk Tanah Melayu pada ketika itu.

Sambutan dan layanan oleh Sultan Johor di majlis jamuan teh pada malam penutup menunjukkan program yang dianjurkan ini mendapat perhatian Sultan dan para pemenang ini diketengahkan dan diberi penghargaan istimewa atas kebolehan mereka. Program ini memberi kesan besar terhadap sejarah MTQA apabila beberapa tahun berikutnya negeri Kedah menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan negeri Johor dalam menganjurkan pertandingan membaca al-Quran yang dibuka kepada seluruh warga Tanah Melayu pada ketika itu. Ini menunjukkan bahawa walaupun penganjuran program ini diuruskan oleh dua negeri sahaja, namun penyertaan pertandingan ini sudah pun di peringkat kebangsaan.

Maka, penilaian penulis terhadap Pertandingan Membaca al-Quran ini memfokuskan mengenai perbezaan di antara siapa yang menganjurkan program ini sebelum dan selepas merdeka, sama ada jawatankuasa dari peringkat negeri atau persekutuan. Penulis mendapati sebelum merdeka, program ini dianjurkan di bawah jawatankuasa peringkat negeri, dan selepas merdeka iaitu setelah YTM Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, majlis ini kemudiannya dikelolakan di peringkat persekutuan di bawah cadangan beliau.

2.2.3 Penganjuran MTQA Tahun 1950-an

Pada 1951, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah mengusahakan penganjuran pertandingan membaca al-Quran di Kedah sehingga pertandingan ini telah menjadi suatu tradisi yang diadakan di Kedah pada setiap kali datangnya bulan Ramadan. Selepas beliau menjadi Perdana Menteri pada 1957, beliau merancang usaha untuk menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran dengan menyatukan kesemua negeri di Persekutuan Tanah Melayu. Di dalam buku *Sejarah Majlis Tilawah al-Quran*, ada beberapa petikan menyatakan :

“...Selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pusat yang pertama, telah diadakan mesyuarat bersama dengan wakil-wakil kerajaan negeri. Dalam mesyuarat tersebut Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj telah menyuarakan menjadi cita-cita Kerajaan Persekutuan untuk melihat Majlis Tilawah al-Quran ini diadakan pada tiap-tiap tahun, bukan sahaja kerana memuliakan Ramadhan tetapi juga kerana selaras dengan kedudukan dan taraf Islam sebagai agama rasmi negara..”³²

Petikan di atas telah menerangkan dengan jelas tujuan beliau untuk melaksanakan penganjuran tilawah al-Quran. Beliau ingin melihat Majlis Tilawah al-Quran ini menjadi suatu acara yang hebat yang dijalankan setiap tahun dan dikenali di peringkat antarabangsa.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan Y.T.M Tunku Abd Rahman Putera al-Haj menjadi Perdana Menteri pada tahun 1957, beliau merancang untuk membawa pertandingan Membaca al-Quran ini ke peringkat yang lebih baik dan lebih tinggi. Di dalam buku „50 Tahun Tilawah al-Quran“ ada menerangkan langkah awal yang diambil oleh beliau ialah menganjurkan pertandingan membaca

³² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Sejarah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa*, (Kuala Lumpur: iBook Publication, 2003), hlm. 13.

al-Quran antara negeri Kedah dan Johor pada bulan Ramadhan 1378H bersamaan tahun Masihi 1959³³.

Melihat kepada bermulanya aktiviti penganjuran tilawah secara rasmi dan besar-besaran di Johor serta keaktifan negeri Kedah menjalankan aktiviti tilawah ini secara konsisten pada setiap tahun, maka terjadilah suatu mesyuarat yang membincangkan idea-idea untuk menggabungkan program yang dijalankan oleh dua negeri ini menjadi suatu program yang besar dan bersifat menyeluruh untuk semua negeri di Tanah Melayu. Malah, lebih bermakna lagi apabila program ini dijalankan tiga tahun selepas kemerdekaan Tanah Melayu, di mana agama Islam secara rasminya menjadi agama rasmi di Tanah Melayu seperti yang tertulis di dalam perlembagaan perkara 3(1)³⁴.

Apabila kerjasama penganjuran tilawah al-Quran berlaku antara negeri Kedah dan Johor, penulis mentafsirkan bahawa ini adalah pertembungan dua arah dan aliran yang berbeza dari segi taranum dan pengaruhnya yang tersendiri, namun ini adalah suatu usaha sama yang baik bagi mencari titik persamaan atau keserasian antara dua pengaruh tersebut. Tindakan ini adalah tepat dan bijak kerana impak dan hasilnya kita dapat rasainya pada hari ini.

³³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008), hlm. 20.

³⁴ Kandungan Perlembagaan Persekutuan, *op. cit.*

2.2.2 Impak dari Permulaan Penganjuran Tilawah al-Quran Sebelum Merdeka

Melihat kepada inisiatif yang telah diambil oleh negeri Johor dan Kedah ini telah menjadi suatu percubaan dan permulaan yang baik kepada langkah-langkah seterusnya. Penganjuran yang telah dijalankan dengan jayanya untuk beberapa kali menjadi titik tolak kepada penambahbaikan dalam penganjuran yang seterusnya memberi kesan yang mendalam terhadap perubahan dan penarafan terhadap Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang kita lihat pada hari ini.

Di sini penulis menyenaraikan beberapa ciri-ciri asal pertandingan tilawah al-Quran yang pertama kalinya diadakan di negeri Johor. Antaranya ialah majlis ini disertai oleh peserta lelaki sahaja. Syarat pertandingan ini mengalami perubahan pada tahun 1964 di mana peserta wanita dibenarkan bertanding. Ditubuhkan di bawah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR). Namun, pada tahun 1960, tugas menganjur dan melaksanakan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan diserahkan kepada Jawatankuasa Pusat. Pertandingan ini dinamakan Majlis Membaca al-Quran. Nama ini kemudiannya mengalami perubahan. Antaranya „Musabaqah Membaca al-Quran“ dan „Majlis Tilawah al-Quran“

Penulis membahagikan kesan daripada aktiviti-aktiviti penganjuran majlis tilawah al-Quran yang terawal ini kepada beberapa bahagian:

- a) Menjadi pencetus kepada penganjuran MTQA yang berprestij
- b) Memberi galakan kepada masyarakat untuk menguasai bidang tilawah
- c) Memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mendukung Islam sebagai agama rasmi negara.

a) Menjadi Pencetus Kepada Penganjuran MTQA Yang Berprestij

Sedari awal lagi pertandingan ini mendapat sambutan dan sokongan daripada Raja-raja. Buktinya apabila Majlis Membaca al-Quran pada tahun 1947 ini dihadiri oleh Sultan Johor itu sendiri. Ketika usaha pelaksanaan Majlis Tilawah al-Quran ini di Peringkat Kebangsaan, Tunku Abdul Rahman telah mendapat bantuan dan sokongan oleh kerabat Diraja apabila Yang Mulia Tengku Seri Maharaja Lela sebagai wakil Kerajaan Negeri Kedah telah menyumbangkan dua naskhah al-Quran milik asal moyangnya iaitu Sultan Ahmad Tajuddin untuk dihadiahkan kepada Johan MTQ Kebangsaan³⁵.

Ibarat kata pepatah *„melentur buluh biarlah dari rebungnya’*, begitulah cara teknik penganjuran ini dibentuk dengan penganjuran terawal dan disiplin pelaksanaan yang dijalankan dalam Majlis Pertandingan Membaca al-Quran di Negeri Johor. Malah para pemenang yang menjuarai Pertandingan ini terutamanya Tan Sri Hassan Azhari telah menjadi tunjang kepada kesinambungan dan kelangsungan Majlis Tilawah al-Quran yang ada pada masa kini.

Kehadiran Yang Di-Pertuan Agong ke MTQA pada setiap tahun, jemaah hakim yang pakar dalam bidang tilawah al-Quran daripada pelbagai negara serta jumlah peserta yang ramai menunjukkan MTQA adalah sebuah program berprestij di peringkat antarabangsa yang mendapat perhatian daripada negara-negara Islam dan negara-negara minoriti Islam.

³⁵ *Sejarah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, op. cit, hlm. 14.*

b) Memberi Galakan Kepada Masyarakat Untuk Menguasai Bidang Tilawah

Dengan adanya pertandingan Tilawah al-Quran, usaha untuk menggalakkan masyarakat menguasai bidang taranum dan qiraat menampakkan hasilnya apabila tiap-tiap tahun kita dapat lihat ramai qari dan qariah dari Malaysia yang datang dengan kebolehan yang diberi oleh Allah bersama ilmu taranum dan qiraat yang mantap dan berkualiti serta menyaingi bacaan para qari dari timur tengah juga negara-negara Islam yang terkemuka dengan bacaan yang berkualiti seperti Mesir dan Arab Saudi.

Pada hari ini, nama-nama besar dalam tilawah al-Quran seperti Dato³⁶ Haji Ismail Haji Hashim³⁶, dan Haji Razzi Kamarul Hailan³⁷, Hajah Faridah Mat Saman³⁸ dan Sharifah Khasif Fadzillah Syed Mohd Badiuzzaman³⁹ adalah antara peserta dan pemenang hasil daripada acuan MTQA sentiasa menjadi rujukan oleh masyarakat dan media massa.

Sebagai contoh, setelah kemenangan Haji Razzi Kamarul Hailan dalam MTQA 2000 dan 2004, beliau dijemput oleh Akademi al-Quran untuk menjadi juri yang memberi pandangan teguran mengenai teknik taranum dan qiraat yang betul kepada para peserta. Salah seorang peserta yang menyertai Akademi al-Quran ini ialah Sharifah Khasif Fadzillah Syed Mohd Badiuzzaman, tidak berapa lama kemudian setelah tamat penyertaan Sharifah dalam Akademi al-Quran, beliau berjaya mewakili Malaysia menyertai MTQA dan menjadi johan qariah sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2008 dan 2009.

³⁶ Johan Qari MTQA sebanyak 9 kali.

³⁷ Johan MTQA 2000 dan 2004 serta juri Akademi al-Quran.

³⁸ Johan Qariah MTQA sebanyak 8 kali.

³⁹ Peserta Akademi al-Quran dan Johan Qariah MTQA 2008 dan 2009

- c) Memperkenalkan Malaysia Sebagai Sebuah Negara Yang Mendukung Islam Sebagai Agama Rasmi Negara.

Sewaktu Tanah Melayu mula mencapai kemerdekaan, Y.T.M telah melaksanakan suatu usaha murni untuk memberitahu negara-negara luar bahawa Tanah Melayu yang hidup dengan masyarakat majmuk ini menjulang kesucian Agama Islam sebagai agama rasmi negara berdasarkan perkara 3(1) dalam perlembagaan⁴⁰.

Dengan menganjurkan program keagamaan sebegini dalam konteks yang besar, secara tidak langsung masyarakat Islam sedunia dapat merasai nikmat Islam yang menjadi tonggak kepada perpaduan ummah di Tanah Melayu dan negara-negara luar. Ini kerana apabila para peserta dari seluruh dunia datang berkumpul di Malaysia, di dapati terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang positif, sokongan dan cadangan yang diterima daripada para peserta agar program ini terus dijalankan pada setiap tahun.

Pandangan dan pendapat ini telah dicatatkan oleh wartawan-wartawan tempatan dalam artikel-artikel yang ditulis oleh mereka seperti artikel yang bertajuk “Hasanatou Dalami al-Quran 24 Jam Sehari”⁴¹ dan “Peserta Timor Leste Minta Bantuan JAKIM”⁴²

⁴⁰ _____, Kandungan Perlembagaan Persekutuan, laman sesawang Kementerian Penerangan Malaysia, dicapai 29 Mac 2013, <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/295-kandungan-perlembagaan-persekutuan.html>.

⁴¹ “Hasanatou Dalami al-Quran 24 Jam Sehari”, *Utusan Malaysia*, 23 Julai 2011.

⁴² “Peserta Timor Leste Minta Bantuan JAKIM”, *Utusan Malaysia*, 29 Julai 2010.

2.3. SELEPAS MERDEKA

Setelah negara kita mencapai kemerdekaan, Allahyarham Y.T.M Tunku Abdul Rahman telah mengusahakan lagi untuk mengangkat pertandingan ini ke peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Buat pertama kalinya Y.T.M Tunku Abdul Rahman telah menganjurkan Pertandingan Membaca al-Quran antara Kedah dan Johor pada 1959.

Akhirnya, Pertandingan Membaca al-Quran Seluruh Persekutuan Tanah Melayu kali pertama diadakan iaitu pada 20 Ramadan 1379 bersamaan 18 Mac 1960 di Stadium Merdeka. Tarikh ini menjadi sejarah yang penting kerana selepas tiga tahun Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Majlis Musabaqah ini pula diadakan.

Pada tahun selepas itu, Pertandingan membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa pula diadakan iaitu pada 1961. Pertandingan di peringkat antarabangsa ini dijalankan serentak dengan pertandingan di peringkat kebangsaan di Stadium Merdeka pada bulan Ramadhan. Perjalanan MTQA pada tahun-tahun seterusnya menunjukkan perkembangan MTQA yang berlaku mengikut arus peredaran semasa serta apa yang sedang berlaku kepada dunia Islam pada ketika itu termasuk di Malaysia.

Bermula dari tahun 1961 sehingga tahun 2011, penulis telah menerangkannya mengikut pembahagian era 1960-an, 1970-an, 1980-an, 1990-an dan 2000 hingga 2011. Maklumat yang diperolehi berdasarkan rujukan sumber JAKIM, Arkib Negara, Rakaman daripada Arkib Perpustakaan TV RTM, serta Arkib Utusan.

2.3.1 Penganjuran MTQA Tahun 1960-an

Pada tahun 1961, pertandingan ini diteruskan lagi. Kali ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang dijalankan serentak di Stadium Merdeka. Pada 9 Mac 1961, Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa dimulakan dengan penyertaan dari tujuh negara iaitu Singapura, Thailand, Brunei, Sarawak, Malaya, Indonesia dan Filipina. Seramai 13 peserta mengambil bahagian.

Tahun 1963 menunjukkan pertambahan peserta dari negara India. Sepanjang acara berlangsung, terdapat juga selingan syarahan agama yang disampaikan oleh pensyarah-pensyarah muda ada zaman tersebut. Malah, Sultan Brunei juga turut datang menyaksikan MTQA walaupun pada ketika itu Brunei mempunyai sedikit konflik, namun perselisihan itu dapat dirungkaikan melalui pertandingan ini. Menurut artikel yang bertulis dalam Utusan Malaya⁴³:

“Pertandingan ini adalah titik usaha yang paling praktik dalam bidang mengeratkan hubungan umat Islam di negara-negara Asia”

Daripada artikel tersebut, dapat digambarkan bahawa MTQA telah berperanan memulihkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara-negara Asia. Namun pada tahun yang sama juga, negara Indonesia dan Filipina tidak menghantar peserta ke pertandingan ini kerana mempunyai perselisihan faham mengenai pembentukan Malaysia⁴⁴.

Terdapat beberapa kelemahan yang diceritakan oleh pengarang artikel mengenai kelancaran majlis iaitu dari segi pengendalian dan pengacaraan majlis,

⁴³ _____, “Pertandingan Quran Dalam Kenangan”, *Utusan Malaysia*, 17 Februari 1963, Arkib Utusan : Kuala Lumpur.

⁴⁴ *50 Tahun Tilawah al-Qur'an Malaysia*, op. cit, hlm. 85

kontroversi „dua Naib Johan dan dua Johan“, serta tugas pengerusi jemaah hakim yang agak terganggu kerana peranannya menjemput setiap peserta ke pentas⁴⁵.

Pada tahun 1964⁴⁶, peserta qariah buat pertama kalinya dibenarkan mengambil bahagian. Seramai empat peserta qariah dari Brunei, Filipina, Kemboja dan Thailand telah datang bertanding dalam tilawah al-Quran ini. Majlis ini pada tahun-tahun seterusnya menerima sambutan yang baik dari negara-negara luar.

11 Ogos 1966 memperlihatkan perjanjian damai antara Kerajaan Malaysia dengan Indonesia yang menamatkan konfrontasi Indonesia dengan Malaysia pada tahun 1967. Dengan pemulihan hubungan diplomatik antara dua negara, pada 31 Ogos 1967, Indonesia mula menyertai kembali MTQA⁴⁷.

Selain itu, MTQA juga menjadi acara tahunan bagi wakil-wakil negara-negara luar berkumpul dan memuliakan bulan Ramadhan. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Kelima, Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, ketiak merasmikan MTQA atau dikenali sebagai Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa tahun 1387H/ 1967M telah bertitah:

“Adalah menjadi cita-cita beta untuk melihat usaha kita ini berkembang sehingga pada suatu masa kelak, Kuala Lumpur ini akan menjadi pusat perhimpunan qari-qari al-Qur’an, di mana pada tiap-tiap tahun dalam bulan Ramadhan al-mubarak, orang-orang Islam dari seluruh dunia akan berhimpun untuk membaca ayat-ayat suci al-Qura’n”⁴⁸

⁴⁵ “Pertandingan Quran Dalam Kenangan”, *Utusan Malaysia*, op. cit.

⁴⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Johan qari dan qariah majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Malaysia 1380H/1961M-1428H/2007M = Champions of qaris and qariahs Recital Assembly at international Level Malaysia = [Al-fā’izūn wal fā’izāt fī al ‘ihtifāl al-dawlī bi tilāwati al-Qurān al-Karīm bi Malīziya]*, (Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008), hlm. 10.

⁴⁷ *50 Tahun Tilawah al-Qur’an Malaysia*, op. cit, hlm. 87.

⁴⁸ *50 Tahun Tilawah al-Qur’an Malaysia*, op. cit, hlm. 11.

Pada tahun 1969, johan qari peringkat antarabangsa iaitu Ismail Bin Hashim mula mendapat perhatian meluas setelah 5 kali mewakili Malaysia dan 3 kali menjadi johan qari di peringkat Antarabangsa. Ini digambarkan oleh sebuah artikel di mana beliau telah diarak dan disaksikan oleh 30 000 orang yang menyambut kepulangan beliau dari Kuala Lumpur.

“... Perarakan tersebut yang diadakan bersempena Majlis Sah Khatam yang menjadi tradisi sejak beberapa tahun dahulu di Kedah telah dimulakan dari Balai Besar dan berakhir di Masjid Zahir di sini.

Haji Ismail Bin Haji Hashim dan Che Jamaliah Ahmad telah diarak dengan penuh kebesaran melalui puluhan ribu manusia yang membanjiri jalan2 yang dilalui perarakan itu...”⁴⁹

Artikel bertulisan jawi ini telah diterjemahkan dalam rumi oleh penulis sendiri, berita ini menunjukkan penerimaan yang sangat hebat oleh masyarakat terhadap penganjuran MTQA melalui layanan istimewa yang diberikan kepada pemenang MTQA. Nama johan qari juga menjadi sebutan dan contoh kepada para qari yang lain untuk memperbaiki bacaan dari semasa ke semasa. Dalam satu artikel yang lain pula menjelaskan kehebatan johan qari dari Malaysia iaitu Ismail Bin Hashim:

“...Semua orang kenal Haji Ismail Hashim. Orang tahu suaranya. Tunku Abdul Rahman sendiri tertarik sungguh suara, dan patah lagu-nya itu. Dan ramai juga Qari dan Qariah sekarang terikut2 dengan lagu dan patah lagu yang dibawa oleh Ismail Hashim itu.

Ismail Hashim telah memperkenalkan chara bentok patah lagu dalam bidang bacaan Quran ini bila dia menyertai peraduan Quran ini sejak 1961 dulu...”⁵⁰

⁴⁹ _____, “30 000 Saksikan Perarakan Sambut Ismail Hashim”, *Utusan Malaysia*, 7 Disember 1969.

⁵⁰ _____, “Penyertaan Ismail Membimbangkan Peserta Lain” *Utusan Malaysia*, 24 November 1969.

Jelas di sini kehebatan johan qari MTQA Ismail Hashim telah memberi kesan dan inspirasi kepada para qari dan masyarakat dalam memperbaiki bacaan al-Quran mereka. Secara tidak langsung penganjuran MTQA mula mendapat tempat di hati masyarakat pada zaman 1960-an.

2.3.2 Penganjuran MTQA Tahun 1970-an

Gambaran penganjuran MTQA zaman 1970-an diceritakan oleh Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari⁵¹ tentang pengalamannya di mana pada masa itu, undang-undang pemarkahan tidak berapa ketat apabila pemarkahan bahagian lagu dan suara di bawah seorang hakim sedangkan bahagian suara mempunyai pelbagai jenis dan lagu pula terbahagi 14 jenis. Tajwid dan fasahah juga berada di bawah seorang hakim yang lain. Namun, Apabila datang dua orang pakar taranum dari Mesir iaitu Mustafa Ismail⁵² dan Thaha Al Fashni⁵³, mereka telah memecahkan lagu, suara, tajwid, dan fasahah kepada beberapa bahagian. Barulah bahagian pemarkahan menjadi tersusun dan tidak kelam-kabut.

Melihat kepada perkembangan yang baik MTQA yang pada ketika ini masih digelar Musabaqah Membaca al-Quran, usaha untuk memartabatkan penganjuran ini diteruskan lagi ketika Malaysia di bawah pimpinan YAB Dato[“] Hussin Onn (Tun) selaku Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Pada Tahun 1977, Beliau berkata dalam ucapannya sewaktu merasmikan MTQA Kali Ke-18:

“Usaha mengadakan musabaqah membaca al-Quran yang diadakan pada tiap-tiap tahun ini adalah antara langkah-langkah Kerajaan untuk menyemarakkan lagi syiar Islam di tanah air khususnya dan di dunia amnya. Ini adalah sejajar dengan usaha

⁵¹ Dalam temubual dengan penulis, 4 Julai 2011.

⁵² Mustafa Ismail merupakan seorang qari yang terkenal di peringkat antarabangsa dan berasal daripada Mesir. Beliau pernah menjadi „Qari DiRaja Mesir“ yang disegani pada zaman 1940-an.

⁵³ Thaha Al-Fashni merupakan guru kepada Mustafa Ismail . Beliau memiliki pengetahuan yang mendalam mengenai ulum al-Quran.

Kerajaan bagi memenuhi hasrat rakyat menegakkan agama Islam sebagai agama rasmi negara kita.”

Usaha ini disambut baik apabila berlakunya perkembangan dari segi pertambahan jumlah peserta dari luar negara. Tahun 1972, sebanyak 22 buah negara telah hadir untuk menyertai MTQA. Jumlah ini merupakan jumlah yang terbesar berbanding tahun-tahun sebelumnya. Namun jumlah ini menurun pada tahun berikutnya iaitu sebanyak 12 buah negara menyertai MTQA pada tahun 1975⁵⁴.

Dahulu, pada tahun 1964, beberapa buah negara Afrika telah menyatakan keinginan untuk menyertainya. Namun, pada ketika itu pertandingan ini belum dibuka kepada negara-negara Arab kerana jawatankuasa pusat berpendapat bahawa majlis ini tidak akan dibuka sehinggalah mutu bacaan peserta dari negara-negara bukan Arab dapat menyaingi bacaan para qari dari negara-negara Arab atau melebihi mereka. Namun pada 1976⁵⁵, sejarah tercatat apabila penyertaan buat negara-negara yang menggunakan Bahasa Arab ini telah dibuka. Sebelum ini, negara-negara tersebut cuma hadir sebagai pemerhati.

Antara negara-negara yang pertama kali menyertai majlis tersebut ialah Algeria, Bahrain, dan Jordan. Apabila negara-negara ini mula menyertai pertandingan ini, persaingan antara peserta menjadi semakin sengit. Malah kualiti bacaan peserta juga semakin meningkat. Ini dapat dilihat apabila senarai johan Qari MTQA bermula dari tahun 1970-an, terdapat beberapa orang peserta yang menjadi Johan berasal dari negara-negara Arab⁵⁶.

⁵⁴ Sila Rujuk Bab 3, hlm. 78.

⁵⁵ *50 Tahun Tilawah al-Quran*, op. cit, hlm. 93.

⁵⁶ Rujuk Jadual 2.1

Pada tahun 1978, negara Mesir buat pertama kalinya menghantar peserta ke pertandingan ini. Dengan penyertaan peserta dari Mesir, beberapa negara yang sebelum ini tidak mengambil bahagian untuk beberapa tahun seperti Turki sudah mula menghantar kembali peserta ke pertandingan ini. Ini menjadikan jumlah penyertaan meningkat daripada 17 buah negara pada tahun 1977 menjadi 25 buah negara pada tahun 1978.

Melihat kepada perkembangan MTQA ini, terdapat beberapa revolusi baru yang berlaku dari segi pemarkahan dan kehakiman pertandingan. Tan Sri Hassan Azhari menerangkan bahawa terdapat tujuh jenis qiraat yang berlainan digunakan oleh peserta-peserta pertandingan ini dari serata dunia. Beliau berkata:

“ Kebanyakan negara luar membaca al-Quran dengan pelbagai jenis bacaan (qiraat). Baru-baru ini terdapat satu jenis lagi bacaan baru iaitu ‘*al-Jazari*’. Pada masa akan datang juga jenis bacaan akan bertambah lagi. Jika di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan, ada peserta yang ingin menggunakan bacaan yang lain selain daripada Imam *Aasim* dan riwayat *Hafaz*, mereka perlu beritahu para hakim terlebih dahulu kerana bimbang bacaan mereka tidak dapat difahami atau tersalah baca. Tetapi di Majlis Tilawah al-Quran di Peringkat Antarabangsa, hakim tidak menghadkan jenis bacaan. Jenis bacaan peserta adalah bebas...”⁵⁷

Begitulah penerangan Tan Sri Hassan Azhari mengenai perkembangan bacaan atau qiraat yang semakin berkembang dan dapat diketahui masyarakat dunia melalui pelaksanaan MTQA dari tahun ke tahun. Teks tersebut menjelaskan bahawa tujuh jenis qiraat ini sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Malah penggunaannya diterima dalam pertandingan ini memandangkan para jemaah hakim terdiri daripada yang berkemahiran dalam bidang al-Quran dari pelbagai negara. Maka, tidak hairanlah sekiranya johan qari dan qariah pertandingan ini diiktiraf dunia.

⁵⁷ Dalam temubual dengan penulis, 4 Julai 2011.

Jadual 2.2 : Senarai Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa dari Tahun 1380H/1961M hingga Tahun 1428H/2007M

MTQ		JOHAN QARI		JOHAN QARIAH	
KALI	TAHUN (H/M)	NAMA	NEGARA	NAMA	NEGARA
1.	1380/ 1961	Ahmad Bin Mat Som	Malaysia	-	
2.	1381/ 1962	Mohd Yusof Bin Abdullah	Malaysia	-	
3.	1382/ 1963	Manaf Saseolos Ismail Hashim	Thailand Malaysia	-	
4.	1383/ 1964	Hassan Bin Che ^{''} Musa	Malaysia	Faridah Binti Mat Saman	Malaysia
5.	1384/ 1965	Ismail Hashim	Malaysia	Faridah Binti Mat Saman	Malaysia
6.	1385/ 1966	Abdul Majid Bin Awang	Malaysia	Rugayah Binti Sulung	Malaysia
7.	1386/ 1966-67	Ismail Hashim	Malaysia	Setina Binti Ismail	Malaysia
8.	1387/ 1967	Abdul Hak@ Abdul Ghani Bin Abdullah	Malaysia	Radziah Binti Abdul Rahman	Malaysia
9.	1388/ 1968	Saidin Bin Abdul Rahman	Malaysia	Rahmah Binti Abdul Rahman	Malaysia
10.	1389/ 1969	Ismail Hashim	Malaysia	Maimunah Binti Moair Saad	Thailand
11.	1390/ 1970	Ismail Hashim	Malaysia	Radziah Binti Abdul Rahman	Malaysia
12.	1391/ 1971	Ismail Hashim	Malaysia	Radziah Binti Abdul Rahman	Malaysia
13.	1392/ 1972	Abdul Hak@ Abdul Ghani Bin Abdullah	Malaysia	Faridah Binti Mat Saman	Malaysia
14.	1393/ 1973	Mohamad Taghi Morawat	Iran	Rugayah Binti Sulung	Malaysia
15.	1394/ 1974	Ismail Hashim	Malaysia	Rugayah Binti Sulung	Malaysia
16.	1395/ 1975	Ismail Hashim	Malaysia	Nursiah Binti Ismail	Indonesia
17.	1396/ 1976	M. Ali Yusni	Indonesia	Faridah Binti Mat Saman	Malaysia
18.	1397/ 1977	Awang Haji Mashud Bin Awang Damit	Brunei	Faridah Binti Mat Saman	Malaysia
19.	1398/ 1978	Sofad Awang	Thailand	Rugayah Binti Sulung	Malaysia
20.	1399/ 1979	Abbas Salimi Naleeni	Iran	Sarini Binti Abdullah	Indonesia
21.	1400/ 1980	Abdul Hak@ Abdul Ghani Bin Abdullah	Malaysia	Maria Ulfa Mudhafar	Indonesia

22.	1401/ 1981	Sheikh Al-Amin Mohamed Thoumi	Libya	Sapinah Binti Mamat	Malaysia
23.	1402/ 1982	Abdul Hak@ Abdul Ghani Bin Abdullah	Malaysia	Rahmas Binti Abdullah	Malaysia
24.	1403/ 1983	Mirwan Batubara	Indonesia	Aminah Binti Omar	Malaysia
25.	1404/ 1984	Mohamed Abu Snena	Libya	Rahmas Binti Abdullah	Malaysia
26.	1405/ 1985	Noordin Bin Idris	Malaysia	Rahmas Binti Abdullah	Malaysia
27.	1406/ 1986	Ahmed Khudr Al- Tarabuyishq	Kuwait	Rahmawati A. Rani	Indonesia
28.	1407/ 1987	Ali Sayyah Gordji	Iran	Sapinah Binti Mamat	Malaysia
29.	1408/ 1988	Syarifudin M.Ba	Indonesia	Pasiah @ Fasiah Binti Hashim	Malaysia
30.	1409/ 1989	Brahang Harong	Thailand	Faridah Binti Mat Saman	Malaysia
31.	1410/ 1990	Abbas Emam Jomeh	Iran	Faridah Binti Mat Saman	Malaysia
32.	1411/ 1991	Mohammad Bin Yusof	Malaysia	Faridah Binti Mat Saman	Malaysia
33.	1412/ 1992	Mansoor Ghasrizadeh	Iran	Rahmas Binti Abdullah	Malaysia
34.	1413/ 1993	Ahmad Abu Al- Ghasimi	Iran	Fatimah Binti Haji Madiyah (Haradee)	Thailand
35.	1414/ 1994	Abdul Rahim Bin Ahmad	Malaysia	Umi Kalthum Binti Mohd Zain	Malaysia
36.	1415/ 1995	Abdul Rahim Bin Ahmad	Malaysia	Rahmas Binti Abdullah	Malaysia
37.	1416/ 1995	El Shadat El-Sayed Hassan Shahin	Mesir	Rahmas Binti Abdullah	Malaysia
38.	1417/ 1996	Mekawi Mahmoud Mohamed Ayob	Mesir	Sainab Abdulromae	Thailand
39.	1418/ 1997	Md. Hussin Bin Mohd Yunus	Malaysia	Wildayati Nusril	Indonesia
40.	1419/ 1998	Mohamad Gandom Najad Toosi	Iran	Sepiah Binti Muhammad	Malaysia
41.	1420/ 1999	Che" Yahaya Bin Daud	Malaysia	Masnah Binti Awang	Malaysia
42.	1421/ 2000	Radzi Bin Kamarul Hailan	Malaysia	Isnairah Tirikan Bantayao	Filipina
43.	1422/ 2001	Mas"ud Sayah Gordji	Iran	Pasiah @ fasiah binti hashim	Malaysia
44.	1423/ 2002	Bahri Waru	Indonesia	Dayang hajah aminah binti hj. Abdul manaf	Brunei
45.	1424/ 2003	Ahmad Faizul Bin Ghazali	Malaysia	Djihadia badar	Indonesia

46.	1425/ 2004	Radzi Bin Kamarul Hailan	Malaysia	Nurhidayah sulaiman	Indonesia
47.	1426/ 2005	Indra Gunawan	Indonesia	Faizah binti mohd hussain	Malaysia
48.	1427/ 2006	Hossein Saeid Rostami Tabrizi	Iran	Sainab Abdulromae	Thailand
49.	1428/ 2007	Abd. Aziz Bin Mustakim	Malaysia	Amnah binti ayup	Malaysia

Sumber: JAKIM

Universiti Malaya

2.3.3 Penganjuran MTQA 1980-an

Digambarkan fenomena tilawah al-Quran pada tahun 1980-an mendapat sambutan hangat daripada masyarakat. Ini dapat dilihat melalui temu bual yang dijalankan oleh penulis, Haji Radzi Bin Kamarul Hailan⁵⁸ menceritakan pengalamannya sewaktu kecil melihat sambutan pertandingan ini di kalangan masyarakat dalam sekitar 1980-an. Menurutnya, beliau turut merasai kemeriahan suasana masyarakat yang ingin mendengar bacaan al-Quran diperdengarkan pada setiap tahun:

“...Saya lahir dalam lingkungan tahun 1970-an, dan sejak tahun 1980-an, saya sudah mula memahami fenomena Tilawah al-Quran yang berlaku di kalangan masyarakat. Sambutannya pada ketika itu sangat baik. Saya dapat merasakan situasi itu di mana masyarakat ingin mendengar bacaan al-Quran pada setiap tahun diadakan. Semangat kenegerian dan semangat persaingan yang baik cukup mendapat tempat di hati masyarakat. Segala yang berlaku pada malam pertandingan, akan menjadi buah mulut orang ramai pada keesokan harinya. Pada masa itu, saya mengikuti keadaan ibu bapa saya yang menggemari mengikuti pertandingan ini. Sambutan yang hebat di kalangan masyarakat menyebabkan para peserta tilawah al-Quran pada masa itu meraih populariti yang setanding dengan artis Akademi Fantasia (AF)⁵⁹ pada masa kini...”

Begitulah gambaran yang diberikan oleh Haji Razzi Kamarul Hailan mengenai fenomena tilawah al-Quran sewaktu beliau masih kecil. Beliau berpendapat media massa juga memainkan peranannya dengan baik apabila para pemenang Tilawah al-Quran pada ketika itu populariti mereka menyamai artis Akademi Fantasia (AF) pada masa kini. Sewaktu beliau menyertai pertandingan ini, beliau mendapati semangat kenegerian dan semangat persaingan dijalankan secara baik.

⁵⁸ Haji Radzi Bin Kamarul Hailan (Johan Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 2000 dan 2004/ Juri Akademi al-Quran (AQ)), dalam temubual dengan penulis, 1 Julai 2011.

⁵⁹ Akademi Fantasia adalah merupakan rancangan realiti terbitan Astro yang mencari bakat-bakat baru yang ditayangkan di televisyen Saluran Astro di Malaysia.

Pada awal pertandingan iaitu seawal tahun 1961, Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa diadakan secara serentak di Stadium Merdeka. Sehingga pada 1981, Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa ini diadakan secara berasingan. Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan dijalankan di luar Kuala Lumpur dan diadakan di negeri yang dipilih menjadi tuan rumah secara bergilir-gilir pada setiap tahun.

Manakala Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa masih kekal di Stadium Merdeka. Malah pada tahun 1981 juga, majlis itu diadakan di luar bulan Ramadan. Menjelang tahun 1985, Musabaqah Membaca al-Quran telah ditukar namanya menjadi Pertandingan Tilawah al-Quran⁶⁰, lokasi bagi Peringkat Antarabangsa juga turut berpindah ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur.

Konsep penganjuran Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTQA) ini masih dikekalkan dengan tujuan dengan berlangsungnya program ini pada setiap tahun dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan Malaysia dengan negara-negara Islam yang lain serta mencari qari dan qariah yang mempunyai tahap bacaan yang berkualiti sebagai contoh dan ikutan masyarakat.

Melalui pemerhatian penulis terhadap MTQA Kali Ke-30 iaitu pada tahun 1989 melalui rakaman video daripada Arkib Perpustakaan TV RTM, pengulas program MTQA Kali Ke-30 itu yang bernama Haji Fadzil Hanafi telah memberi sedikit komentar agar Majlis Tilawah al-Tilawah ini diberi nafas baru kepada Majlis

⁶⁰ Perkataan „Musabaqah“ bermaksud „Pertandingan“.

Menghafaz al-Quran, seterusnya para penghafaz ini perlu diberi elaun setiap bulan atas nilai dan kemampuan mereka menghafaz dan memelihara ayat suci al-Quran⁶¹.

Komentar ini dipandang sepi oleh masyarakat dari tahun ke tahun, namun penulis mendapati bahawa komentar ini telah dinyatakan berdasarkan usaha kerajaan melaksanakan pengajian al-Quran kepada umat Islam di Malaysia melalui penubuhan Darul Quran sejak tahun 1966. Darul Quran merupakan sebuah idea yang dibawa oleh Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj yang berkesinambungan daripada penganjuran MTQA yang ditubuhkan kerajaan sejak 1961⁶². Pada tahun 1972, Darul Quran telah diberi nama “Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat” yang menawarkan pengajian di peringkat Diploma.

Usaha ini telah menjadi salah satu kepada penambahbaikan kepada MTQA itu sendiri apabila pada MTQA Kali Ke-56 iaitu pada tahun 2014, Malaysia buat julung-julung kalinya menambah kategori Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa di mana Johan bagi hafiz dan hafizah bagi kategori ini adalah dari Malaysia.

Selain itu, dalam memastikan MTQA disertai oleh wakil-wakil yang mempunyai mutu bacaan yang baik, JAKIM telah membincangkannya dalam mesyuarat MTQ 1989. Pada minit mesyuarat bilangan 4, pihak JAKIM berbincang mengenai rancangan tapisan qari dan qariah bagi memastikan majlis dapat berakhir tidak melewati jam 11.30 malam yang dibentangkan oleh Y. Bhg. Datuk Ahmad

⁶¹ Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1989, Malam Ke-4, Pita Arkib A2733.

⁶² _____, Sejarah Darul Quran, dicapai pada 5 September 2014, <http://www.darulquran.gov.my>.

Kamil Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Peserta Luar Negeri.⁶³

Kebaikan dan keburukan mengadakan acara saringan ini turut dibincangkan. Kebaikan bagi mengadakan acara saringan sebelum ke peringkat akhir ialah dapat meningkatkan lagi mutu bacaan melalui perasaan '*competitiveness*' di antara peserta. Ini juga dapat mendorong negara-negara untuk lebih giat lagi dalam meningkatkan mutu bacaan. Selain itu dapat menapis peserta-peserta yang kurang baik dan hanya menyiarkan kepada dunia bacaan peserta-[peserta yang terbaik mutu bacanya. Perjalanan majlis juga dapat berlangsung dengan lebih berkesan dan tidak melewati masa yang ditetapkan.

Di samping itu, terdapat juga keburukan dan kesan-kesan negatif. Antaranya, acara ini akan menyebabkan negara-negara yang sentiasa gagal di peringkat awal menarik diri pada MTQA yang seterusnya. Mereka juga akan pulang lebih awal tanpa menunggu malam penutup dan penyampaian hadiah. Selanjutnya, peringkat akhir tidak akan menggambarkan negara-negara yang sebenarnya mengambil bahagian.

Di akhir kesimpulan perbincangan itu, Kementerian Luar Negeri berpendapat acara ini tidak perlu diperketatkan kerana selain memerlukan persetujuan dan perwakilan yang lain, tujuan asal MTQA adalah untuk merapatkan silaturahim antara negara-negara Islam seluruh dunia. Oleh itu, disyorkan agar Malaysia tidak terlalu menitikberatkan soal pertandingan atau soal kalah dan menang.

⁶³ Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, "Kertas Mengenai Rancangan Tapisan Qari Dan Qariah Bagi Memastikan Majlis Dapat Berakhir Tidak Melewati Jam 11.30 Malam" 11 Disember 1989, Kertas Bil. 4/20.

2.3.4 Penganjuran MTQA 1990-an

Pada tahun 1990-an, pelaksanaan penganjuran MTQA semakin tersusun apabila pertandingan ini sudah mencapai 30 tahun dilaksanakan. Maka penganjuran ini dilihat semakin matang dan mampu dikawal dengan lebih baik dan teratur. Pada tahun 1994, beberapa negara baru menyertai MTQA iaitu Bosnia, Sudan, Sarandon dan Tunisia. Wakil daripada negara China juga hadir ke MTQA sebagai pemerhati.

Namun, agak menyedihkan kerana pada tahun 1990-an sambutan masyarakat terhadap MTQA semakin berkurangan. Ini dapat dilihat oleh penulis atas pemerhatian terhadap rakaman-rakaman video RTM pada tahun-tahun 1990-an yang menunjukkan suasana sambutan penonton agak meriah pada malam perasmian dan penutup sahaja. Pada malam-malam kedua, ketiga, keempat dan seterusnya, terdapat kekosongan di kawasan tempat duduk penonton. Malah, kehambaran ini turut dirasai penulis secara tidak langsung apabila penulis sendiri yang membesar di era 1990-an merasai kurangnya sambutan dan semangat di kalangan masyarakat sekeliling penulis untuk menonton MTQA sama ada secara langsung atau di televisyen. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kurangnya sambutan terhadap MTQA. Penulis telah mengulas perkara ini di dalam bab 4.⁶⁴

Berdasarkan minit mesyuarat MTQ pada tahun 1989 yang membincangkan persiapan untuk penganjuran MTQA 1990, Seminar al-Quran Antarabangsa diadakan sehari sebelum pertandingan MTQA Ke-18.

“Beberapa perjumpaan yang telah dibuat antara hakim dan peserta-peserta Tilawah juga sehaluan pandangan supaya satu

⁶⁴ Sila rujuk Bab 4, hlm. 115.

seminar al-Quran Peringkat Antarabangsa diadakan sebagai langkah untuk penghayatan isi kandungan al-Quran...”⁶⁵

Di samping itu, terdapat juga perbincangan pelaksanaan „Skim Latihan Peningkatan Mutu Bacaan Qari dan Qariah“ untuk meningkatkan mutu bacaan peserta Malaysia. Dalam minit tersebut, diterangkan latar belakang pelaksanaannya:

“Mutu bacaan Qari dan Qariah peserta Malaysia didapati telah merosot semenjak kebelakangan ini jika dibandingkan pada tahun-tahun awal Majlis Tilawah al-Quran ini diadakan Sebagai contohnya dalam masa empat tahun lepas iaitu pada 1986, 1987, 1988 dan 1989 peserta daripada Malaysia tidak tidak menjadi Johan Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa...”⁶⁶

Daripada kenyataan tersebut dapat dilihat pihak JAKIM selaku penganjur bukan sahaja bertindak menganjur MTQA, malah juga mengendalikan program-program susulan yang membawa kepada penghayatan dan peningkatan ilmu terhadap al-Quran dan mutu bacaan Tilawah al-Quran.

Pada tahun 1994, peristiwa besar telah berlaku dalam dunia Islam iaitu peperangan dan penindasan yang terjadi di Bosnia oleh Puak Serb. Peristiwa ini mendapat perhatian dunia termasuk Malaysia apabila setiap perkara yang diketengahkan di dalam persembahan selingan dan ulasan pengacara MTQA banyak menekankan topik mengenai penderitaan rakyat Bosnia dan kekejaman yang dilakukan terhadap negara-negara Islam. Antaranya persembahan pada tahun 1995 daripada Pusat Daya Cipta ITM Shah Alam yang disampaikan dalam MTQA Kali

⁶⁵ Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Kertas Mengenai Seminar al-Quran Antarabangsa Dan Implikasi Kewangannya” 11 Disember 1989, Kertas Bil. 2/20.

⁶⁶ Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Kertas Mengenai Pelaksanaan Skim Latihan Peningkatan Mutu Bacaan Qari Dan Qariah Dan Perbelanjaan Yang Berkaitan dengannya” 11 Disember 1989, Kertas Bil. 3/20.

Ke-34 oleh artis-artis terkenal seperti M. Nasir, Sharifah Aini, Ning Baizura, Azlina Aziz dan Liza Aziz.⁶⁷

Kedadaan ini menampakkan Malaysia selaku tuan rumah MTQA yang menjadi tumpuan dunia Islam turut bersimpati terhadap peristiwa pahit yang sedang berlaku terhadap dunia Islam. Dengan itu, MTQA menyampaikan mesej kepada penonton tempatan dan antarabangsa bahawa kepentingan memperkuat negara dengan persediaan dari pelbagai segi sebagai senjata bagi menghadapi musuh. Asas utama kepada kejayaan ini ialah penghayatan yang mendalam terhadap al-Quran. Mesej ini dapat dilihat melalui tema yang ditetapkan pada tahun 1994 iaitu „Wawasan Menyatukan Ummah“.

Selain persembahan yang diadakan dalam MTQA tahun 1995 ini, terdapat beberapa acara selingan yang menarik perhatian penulis sepanjang pemerhatian penulis melalui rakaman yang dilihat di Arkib Perpustakaan TV RTM. Antaranya persembahan qasidah antarabangsa di malam perasmian MTQA tahun 1994, dan persembahan nasyid pada malam penutup. Persembahan nasyid sudah menjadi kebiasaan sebagai acara selingan yang diadakan pada setiap tahun. Malah, terdapat sebuah lagu nasyid yang menjadi tema MTQA dan dinyanyikan dalam acara malam perasmian dan malam penutup pada setiap tahun. Lagu tersebut bertajuk „al-Quran Pembimbing Ummah“

Persembahan qasidah juga bukanlah kali pertama yang disampaikan sebagai acara selingan MTQA. Malah persembahan ini telah lama menjadi acara selingan beberapa kali sejak tahun 1963 lagi. Sepanjang pemerhatian yang dapat penulis lihat, persembahan qasidah pernah disebut dalam artikel Utusan Malaya yang disampaikan

⁶⁷ Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1995, Malam Penutup, 11 Januari 1995, Pita Arkib A5658.

kali pertama dalam Majlis Membaca al-Quran tahun 1963. Rakaman RTM bagi MTQA tahun 1988 juga ada menunjukkan persembahan qasidah secara solo yang disampaikan oleh Harman Yaacob pada malam yang kedua.

Pada tahun 1995 di mana MTQA diadakan sebanyak dua kali iaitu di bulan Januari dan Disember pada tahun yang sama dengan tema „Al-Quran Membina Akhlak Mulia“ dan „Ummah Berkualiti Penggerak Wawasan“. Pada tahun yang sama juga, Malaysia memperkenalkan kereta terbaru keluaran jenama Proton iaitu „Kancil“. Pengenalan kepada kereta buatan Malaysia ini juga disampaikan melalui persembahan selingan pada malam penutup itu.⁶⁸

Untuk mengkaji sejarah MTQA bagi tahun 1990-an, penulis telah mencari sumber di Arkib Negara dan penulis mendapati pada tahun 1998, pihak Arkib Negara telah dilantik sebagai Jawatankuasa Kecil yang menguruskan jamuan MTQA 1998 dan 1999⁶⁹. Antara bidang tugas bahagian jamuan ialah menyediakan anggaran perbelanjaan jamuan MTQA, menyediakan sebut harga bagi pembekal jamuan, menentukan tempat-tempat jamuan dan jumlah yang diperlukan, mendapatkan bilangan jawatankuasa petugas bagi jamuan dari jawatankuasa-jawatankuasa lain atau urusetia MTQA, serta menyediakan laporan kepada Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Pentadbiran & Kewangan) dan memajukan butir-butir perbelanjaan.

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Arkib Negara, Jawatankuasa Kecil Jamuan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1998/1999.

Gambar 2.3 Salinan Jadual Tugas Jawatankuasa Kecil Jamuan MTQA 1998.

Jadual Tugas Majlis Tilawah Al Quran Peringkat Antarabangsa 1 hingga 6 Disember 1998

NO	TARIKH	MASA	MAJLIS	KUMPULAN TERLIBAT	JUMLAH	TEMPAT	PETUGAS
1	29.11.98	9.00 - 10.00 mlm	Raptai	Petugas	250 org	Serambi Merdeka Level 5 (PWTC)	Pn. Faridah Ishak/En. Shukri Abd Kadir/ En. Jabar Md Ridi/ En. Nasir Mallim/En. Shahrudin Karsan/Pn. Noriah Mohd Noor/ En. Kasno Pajjan/En. Tn Arif Nik Him
2	30.11.98	9.00 - 10.00 mlm	Raptai	Petugas	250 org	Level 5 (PWTC)	Pn. Faridah/En. Kamaruddin Aziz/En. Noorazman/ En. Jabar Md Ridi/En. Nasir Mallim/Cik Hanizah Junoh/ Pn. Noriah Mohd Noor/En. Ariffin Santol/En. Kasno Pajjan Tn Hj Mohd Jamil Jalaluddin/ Pn. Faridah Ishak/En. Jabar Md Ridi
3	01.12.98	9.30 - 10.00 mlm	Majlis Perasmian	VVIP VIP Hakim Petugas	10 org 100 org 20 org 300 org	Perdana Suite Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	Cik Hanizah Junoh/ En. Shukri Abd Kadir/ En. Kamaruddin Aziz En. Nasir Mallim/ En. Noorazman Pn. Noriah Mohd Noor/En. Ariffin Santol/ En. Shahrudin Karsan/ En. Kasno Pajjan/En. Tn Arif Nik Him En. Shukri Abd Kadir/ Cik Hanizah Junoh
4	02.12.98	9.00 - 10.00 mlm	Malam Ke -2	VIP Hakim Petugas	50 org 20 org 250 org	Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	En. Noorazman / En Nasir Mallim Pn. Faridah Ishak/ En. Ariffin Santol/ En. Kasno Pajjan/En. Tn Arif Nik Him En. Kamaruddin Aziz/En. Jabar Md Ridi/ Cik Hanizah Junoh
5	03.12.98	9.00 - 10.00 mlm	Malam Ke -3	VIP Hakim Petugas	50 org 20 org 250 org	Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	En. Noorazman / En. Shahrudin Karsan Pn. Noriah Mohd Noor/En. Ariffin Santol/ En. Tn Arif Nik Him Cik Hanizah Junoh/ Enj Jabar Md Ridi
6	04.12.98	9.00 - 10.00 mlm	Malam Ke -4	VIP Hakim Petugas	50 org 20 org 250 org	Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	Pn. Noriah Mohd Noor/En. Ariffin Santol/ En. Tn Arif Nik Him Cik Hanizah Junoh/ Enj Jabar Md Ridi
7	05.12.98	9.00 - 10.00 mlm	Malam Ke -5	VIP Hakim Petugas	50 org 20 org 250 org	Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	En. Noorazman / En. Shahrudin Karsan Pn. Faridah Ishak/ En. Shahrudin Karsan/ En. Shukri Abd Kadir/ En. Ariffin Santol En. Tn Arif Nik Him/ En. Shahrudin Karsan
8	06.12.98	9.30 - 10.30 mlm	Malam Penutup	VVIP VIP Petugas	10 org 100 org 300 org	Perdana Suite Serambi Merdeka Level 5	En. Noorazman / En. Jabar Md Ridi/ En. Tn Arif Nik Him/ Pn. Noriah Mohd Noor/ En. Shahlin Ali/ En. Kamaruddin Aziz

Sumber: Arkib Negara.

Gambar 2.4 Salinan Jadual Tugas Jawatankuasa Kecil Jamuan MTQA 1999

Jadual Tugas Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa 21 – 28 November 1999

BIL	TARIKH	MASA	MAJLIS	KUMPULAN TERLIBAT	JUMLAH	TEMPAT	PETUGAS
1	12 21-11-99	9.00 - 10.00 mlm	Raptai	Petugas	250 org	Serambi Merdeka	Pn. Faridah Ishak/ En. Jabar Mohd Ridi/ Pn Noriah Mohd Noor/ En. Ariffin Santol/ En. Noorazman Ahmad/ En. Jafizan Mohd Pilus/ En Yusni Mohd Yunus
2	13 22-11-99	9.00 - 10.00 mlm	Raptai	Petugas	250 org	Serambi Merdeka	Pn. Faridah Ishak/ CK Hanizah Junoh/ En. Ariffin Santol / En. Yusof Ariffin/ En. Asmawi Mohd Yunus/ En. Yusni Yunus/ En. Azhar Embreen
3	14 23-11-99	9.30 - 10.00 mlm	Majlis Perasmian	WVIP VIP Hakim Petugas	10 org 100 org 20 org 300 org	Perdana Suite Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	Pn. Faridah Ishak/ En Jabar Mohd Ridi En. Noor Azman Ahmad/ En. Ariffin Santol/ Tn Ariff Nik Him/ En. Jafizan Mohd Pilus/ / En Yusni Yunus En. Nasser Malim/ En. Asmawi Mohd Yunus
4	15 24-11-99	9.00 - 10.00 mlm	Malam ke-2	VIP Hakim Petugas	50 og 20 org 250 org	Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	Cik Hanizah Junoh/ Pn. Noriah Mohd Noor/ En. Yusuf Ariffin/ En. Azhar Embreen/ En. Fuad Abdullah Pn. Faridah Ishak/ Pn. Noriah Mohd Noor/ En. Fuad Abdullah En Jabar Mohd Ridi
5	16 25-11-99	9.00 - 10.00 mlm	Malam ke-3	VIP Hakim Petugas	50 og 20 org 250 org	Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	En. Nasser Malim/ Tn Ariff Nik Him/ En. Jafizan Mohd Pilus/ En. Asmawi Mohd Yunus Cik Hanizah Junoh / En. Jafizan Mohd Pilus/ En. Fuad Abdullah
6	17 26-11-99	9.00 - 10.00 mlm	Malam ke-4	VIP Hakim Petugas	50 og 20 org 250 org	Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	En. Noor Azman Ahmad Pn. Faridah Ishak/ Tn Ariff Nik Him/ / En Yusni Yunus / En. Azhar Embreen
7	18 27-11-99	9.00 - 10.00 mlm	Malam ke-5	VIP Hakim Petugas	50 og 20 org 250 org	Serambi Merdeka Bilik Sarawak Level 5	Pn. Faridah Ishak/ En. Nasser Malim/ En. Ariffin Santol Tn Ariff Nik Him Cik Hanizah Junoh/ Pn. Noriah Mohd Noor/ En. Yusuf Ariffin/ En. Asmawi Mohd Yunus
8	19 28-11-99	9.30 - 10.30 mlm	Malam Penutup	WVIP VIP Petugas	10 org 100 org 300 org	Perdana Suite Serambi Merdeka Level 5	Pn. Faridah Ishak/ En. Nasser Malim En Jabar Mohd Ridi/ En. Noor Azman Ahmad/ En. Ariffin Santol/ En. Jafizan Mohd Pilus/ En. Asmawi Mohd Yunus Cik Hanizah Junoh/ Pn. Noriah Mohd Noor/ Tn Ariff Nik Him/ En. Yusuf Ariffin/ En. Yusni Yunus / En. Azhar Embreen/ En. Fuad Abdullah

Sumber: Arkib Negara

2.3.5 Penganjuran MTQA tahun 2000-2014

Pada tahun 2006, sebuah rancangan realiti berteraskan tilawah al-Quran telah dilaksanakan bagi mencari alternatif baru buat golongan muda dan menggantikan rancangan realiti berunsur hiburan yang melalaikan. Rancangan terbitan TV9 ini telah memecah tradisi dan mencetuskan fenomena baru dalam bidang tilawah al-Quran yang selama ini perhatiannya hanya difokuskan kepada Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Program ini dinamakan Akademi al-Quran.

Ternyata sambutan Program Akademi al-Quran menggalakkan apabila para peserta yang bertanding mula mendapat publisiti dan menjadi sebutan masyarakat apabila wajah mereka sering keluar di kaca televisyen. Tidak dinafikan walaupun kewujudan Akademi al-Quran berbeza daripada Pertandingan Tilawah al-Quran, namun, pertandingan itu sudah tentunya menjadikan MTQA sebagai inspirasi utama program televisyen tersebut.

Terdapat juga beberapa program alternatif baru yang dilaksanakan pada tahun 2007 bertajuk “Tilawah Interaktif”⁷⁰ yang bertujuan memperbaiki bacaan al-Quran masyarakat muslim di Malaysia melalui televisyen dan komunikasi bersama penonton melalui telefon untuk memperbaiki bacaan dengan jemputan tokoh-tokoh qari dan qariah terkemuka sebagai panduan bacaan al-Quran yang baik.

Selain itu, pertandingan yang mendaulatkan sumber utama rujukan umat Islam ini juga menjadi inspirasi dan cetus kepada negara lain untuk menganjurkan pertandingan seumpama ini seperti Pertandingan Tilawah Al-Quran Antarabangsa di

⁷⁰ Arkib TV RTM, Tilawah Interaktif, 2007.

Makkah Al-Mukarramah⁷¹, serta di negara-negara lain seperti di Mesir⁷², Brunei, Indonesia dan Singapura⁷³.

Kini, para pemenang yang menjuarai pertandingan ini juga turut mendapat pengiktirafan dunia kerana jemaah hakim ini bukan sahaja dihakimi oleh hakim dari Malaysia, malah jemaah hakim juga terdiri daripada pakar seni qiraat dan taranum dari luar negara. Maka tidak ada sebarang keraguan mengenai siapa yang menjadi johan di dalam pertandingan ini kerana ianya dipersetujui oleh para hakim tempatan dan juga luar negara.

Sehingga kini, pertandingan ini terus kekal menjalankan aktivitinya pada setiap tahun. Menurut ketua Urus setia⁷⁴ pertandingan ini, tugas pelaksanaan penganjuran pertandingan yang berprestij ini sudah menjadi suatu kebiasaan bagi JAKIM pada setiap tahun serta sudah mencapai tahap dan standard yang tersendiri.

Di samping itu, terdapat juga aktiviti-aktiviti lain yang disediakan untuk para penonton yang menghadiri program tersebut. Contohnya pada tahun 2007, dua orang pengulas MTQA Kali Ke-49 menyampaikan maklumat kepada penonton di televisyen bahawa terdapat pertandingan „kuiz tilawah“ anjuran JAKIM yang meminta para penonton menjawab 3 soalan objektif dan subjektif dengan lengkap. Hadiah sebanyak RM 40 000 disediakan bagi pengunjung bertuah yang berjaya soalan-soalan tersebut. Terdapat juga Pameran Aplikasi Islam bersempena MTQA

⁷¹ Abd Rauf Hassan (Ph.D), Wan Norainawati Wan Hamzah (M.A), *Biografi Dato' Haji Hassan Azhari*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), 81.

⁷² *Ibid.*, 82.

⁷³ *Ibid.*, 84.

⁷⁴ Haji Sahlan Bin Idris (Merangkap Ketua Sekretariat, Bahagian Perhubungan JAKIM) dalam temubual dengan penulis, 16 Julai 2011.

pada sebelah siang bersama gerai-gerai disediakan untuk kemudahan para pengunjung.⁷⁵

Sistem pertandingan akhirnya bertukar di mana para peserta yang pernah menjadi johan MTQA sebanyak dua kali tidak lagi dibenarkan untuk menyertai pertandingan ini⁷⁶. Sebelum ini terdapat beberapa qari dan qariah yang menjuarai MTQA lebih daripada lima kali dan mereka masih lagi dibenarkan menyertai MTQA pada waktu tersebut. Melewati tahun ke tahun sehinggalah ke tahun 2007, seramai 45 buah negara termasuk Malaysia telah menyertai pertandingan ini dengan jumlah seramai 75 orang qari dan qariah.

Menelusuri pertandingan ini tahun demi tahun, terdapat beberapa perubahan yang dilakukan untuk melestarikan semula pertandingan ini. Antaranya ialah imbuhan khas sepanjang hayat RM 2000 sebulan yang diberikan kepada johan qari dan qariah bermula pada tahun 2010⁷⁷, nilai hadiah wang tunai kepada johan qari dan qariah sebanyak AS\$ 4000 (RM 13000) dinaikkan kepada AS\$ 10000 (RM 32500)⁷⁸, serta peserta yang pernah menjadi johan pertandingan ini sebanyak dua kali, tidak lagi dibenarkan memasuki pertandingan ini.

Selain itu, sistem pertandingan juga berubah, mulai tahun 2011, para peserta tidak lagi diberi bacaan surah tertentu untuk dibacakan di hadapan penonton. Sebaliknya, para juri akan memilih atau sistem pengundian dilakukan untuk menentukan bacaan surah yang mana harus diberikan kepada para peserta.

⁷⁵ Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 2007, Malam Perasmian, 16 Ogos 2007, Pita Arkib A 38206.

⁷⁶ *50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia*, op.cit, hlm. 26

⁷⁷ Mohd Radzi Mohd Zain, Imbuhan Khas Iktiraf Pembaca al-Quran Langkah Tepat, *Utusan Malaysia*, 5 Mac 2010.

⁷⁸ Saifulizam, Hadiah Johan Tilawah Kini RM 32500, *Utusan Malaysia*, 28 Julai 2010.

Melalui pemerhatian penulis, dalam tempoh tahun 2000 hingga 2014, para peserta yang mewakili Malaysia ke MTQA kebanyakannya adalah bekas peserta Akademi al-Quran. Mereka juga telah dijemput oleh penganjur untuk membacakan ayat suci al-Quran sebagai acara selingan. Populariti bekas peserta Akademi al-Quran jelas apabila wajah-wajah mereka sering kelihatan dalam program ini.

Pada tahun 2014, pihak penganjur buat julung kalinya telah menambah satu lagi kategori dalam MTQA iaitu Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa. Johan bagi hafiz, hafizah, qari dan qariah menerima jongkong emas bernilai RM 70 000 sumbangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, pila iringan serta wang tunai RM 40 000. Pada tahun ini juga, Malaysia telah mengungguli kesemua kategori yang dipertandingkan.

2.4. KESIMPULAN

Daripada sejarah yang telah diterangkan, dapat dilihat bahawa setiap langkah pertama dan titik permulaan yang disertai dengan niat yang betul bersama usaha dan pengorbanan yang tidak berbelah bagi dari semua pihak, pasti dapat menghasilkan sesuatu yang sangat bermanfaat dan kejayaan yang dihasilkan dapat dinikmati bersama dan generasi seterusnya.

Seperti yang telah dilakukan oleh Y.T.M Tunku Abdul Rahman yang berjaya memartabatkan pertandingan ini bermula dengan sebuah pertandingan kecil-kecilan sehingga menjadi sebuah pertandingan yang terkenal di peringkat dunia serta dijalankan pada setiap tahun. Malah program ini telah memiliki standard yang tersendiri sehingga corak penganjurannya diikuti oleh negara lain⁷⁹.

Jika diimbaz kembali, MTQ adalah sebuah pertandingan yang paling lama dianjurkan di Malaysia dan penganjurannya masih bertahan dan berjalan sehingga ke hari ini. Usaha-usaha untuk terus menjalankan setiap tahun perlu dipertahankan. Malah, kualiti pertandingan ini juga perlu diperbaiki dari semasa ke semasa untuk memastikan sistem pertandingan dan penganjuran berjalan dengan baik serta menjaga nama baik dan sekali gus mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

⁷⁹ 50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia, *op. cit*, hlm. 4.

BAB 3

Universiti Malaysia

BAB 3

PERKEMBANGAN AKTIVITI PENGANJURAN TILAWAH AL-QURAN ANTARABANGSA DAN PELAKSANAANNYA

3.1. PENDAHULUAN

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa merupakan sebuah acara yang berprestij di peringkat global. Selama 56 tahun pelaksanaannya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah badan penganjur yang masih kekal sebagai tunjang utama dalam menguruskan acara yang gemilang ini.

Hasil kerjasama dengan beberapa badan yang diberi tanggungjawab dan amanah ini, majlis ini dapat dilangsungkan dengan jayanya pada setiap tahun. Di kesempatan ini, penulis telah menyediakan beberapa elemen penting yang menjadi kerangka utama dalam melaksanakan setiap bahagian dan aspek agar program ini dalam berjalan dengan baik.

Setiap elemen mempunyai keunikan yang tersendiri. Antaranya ialah tema, organisasi, hadiah, peserta, astaka, sistem pemarkahan dan atur cara majlis. Di dalam bab ini, penulis menghuraikan aspek-aspek yang menjadi elemen utama dan asas tunjang kepada sebuah program yang hebat dan terpimpin. Elemen-elemen ini menjadi pelengkap kepada tradisi Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa selama 54 tahun.

3.2. TEMA

Tema adalah merupakan asas penting kepada sesebuah pelaksanaan projek. Dengan adanya tema, pelbagai perancangan dilakukan merujuk kepada asas utama ini. Setiap tahun, terdapat pelbagai tema yang berbeza telah disediakan sekali gus menjadi tajuk kupasan penganjuran pertandingan ini. Di sini penulis telah menyenaraikan pelbagai tema yang telah disediakan bermula pada tahun 1981 sehingga tahun 2014.

Berdasarkan tema-tema yang dipilih pada setiap tahun, penulis mendapati bahawa setiap tema yang dipilih berkait rapat dengan isu-isu semasa yang sedang berlaku di negara Malaysia. Kadangkala, tema-tema yang dipilih dengan tahun-tahun yang berdekatan dengan tahun yang dipilih hampir sama maksudnya. Ini dapat dilihat melalui contoh yang penulis bawakan dari tahun 1993 dan tahun 1994, serta tahun 2002 dan 2003 yang menggunakan tema yang sama, maka jelas di sini tema-tema yang dipilih adalah hampir sama.

Jadual 3.1 : Senarai Tema Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa tahun 1981-2014.


Tahun	Tema
1981	Kejayaan Di Dunia Dan Akhirat Menurut Al-Quran
1983	Kebersihan Asas Kesempurnaan Iman
1984	Berilmu, Berusaha Tuntutan Al-Quran
1985	Perpaduan Asas Keutuhan Ummah
1986	Berjimat Berkat, Membazir Mudarat
1987	Ummah Teguh Islam Teguh
1988	Kemajuan Dan Keagungan Ummah
1989	Bersatu Memajukan Ummah
1990	Bersatu Teguh
1991	Jihad Menuju Kejayaan
1992	Jihad Ke Arah Keagungan
1993	Wawasan Memajukan Ummah
1994	Wawasan Menyatukan Ummah
1995 (Jan)	Al-Quran Membina Akhlak Mulia &
1995 (Dis)	Ummah Berkualiti Penggerak Wawasan

1996	Budaya Murni Tonggak Kemajuan
1997	Akhlak Mulia, Ummah Sejahtera
1998	Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita
1999	Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan
2000	Bersyukur Tanda Keteguhan Iman
2001	Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah
2002	Bersama Hayati Keindahan Islam
2003	Bersama Hayati Keindahan Islam
2004	Negara Maju Matlamat Kita
2005	Islam Hadhari Menjana Kemajuan Ummah
2006	Keunggulan Ilmu Teras Kegemilangan Ummah
2007	Insan Cemerlang Ummah Terbilang
2008	Menjana Ummah Gemilang
2009	Wahdah Pemangkin Khaira Ummah
2010	Memantap Ukhwah, Memperkasa Ummah
2011	Persefahaman Asas Perpaduan Ummah
2012	Al-Quran: Pemacu Transformasi Ummah Wasatiyah
2013	Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah
2014	Wasatiyah Tonggak Kesatuan Ummah

Sumber: JAKIM

Daripada senarai tema di atas, penulis mendapati jumlah bilangan perkataan dalam setiap tema yang digunakan pada setiap tahun tidak melebihi daripada enam perkataan. Kebanyakan tema menekankan mengenai perpaduan ummah, akhlak, aqidah, dan kemajuan. Sebanyak 14 kali perkataan „ummah“ disebut di dalam tema-tema ini. Ini menunjukkan keberhasilan program ini adalah bertujuan untuk memberikan kebaikan, manfaat dan kesan yang baik kepada masyarakat atau umat Islam di Malaysia dan dunia Islam yang mengikuti perkembangan program ini.

Rajah 3.2 : Carta pai tahun-tahun pemerintahan Perdana Menteri Malaysia dari tahun 1957-2012



Sumber: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/188-perdana-menteri-malaysia.html>

Carta pai diatas menunjukkan jumlah tahun yang dipimpin oleh perdana Menteri Malaysia. Berdasarkan carta tersebut, didapati Perdana Menteri Malaysia yang paling lama memimpin Malaysia ialah Tun Mahathir iaitu selama 22 tahun bermula tahun 1981 hingga 2003, kemudian diikuti oleh Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj iaitu selama 13 tahun bermula tahun 1957 hingga 1970. Tun Abdul Razak dan Tun Abdullah Ahmad Badawi pula memiliki jumlah tahun kepimpinan yang sama iaitu 6 tahun di mana Tun Abdul Razak memimpin bermula dari tahun 1970 hingga 1976 dan Tun Abdullah Ahmad Badawi pula bermula tahun 2003 hingga tahun 2009. Manakala Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak memimpin selama 6 tahun iaitu 2009 hingga 2014.

Merujuk kepada carta kepimpinan Perdana Menteri Malaysia dan senarai Tema MTQA dari 1981-2014, zaman kepimpinan Tun Mahathir Mohamed menguasai hampir seluruh tema MTQA tersebut, berdasarkan penelitian, tema yang dibawakan oleh Tun Mahathir hampir menyamai slogan kepimpinan yang dibawanya. Penulis mendapati tema-tema ini dipilih berdasarkan perkembangan semasa iaitu tema konsep pembangunan negara. Ini dapat dilihat pada tema tahun 1998 iaitu Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita berkait rapat dengan tema pembangunan negara yang dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir pada tahun itu iaitu „Negara Kita Tanggungjawab Kita“. Begitu sewaktu pemerintahan Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau mengusulkan dasar perancangan negara melalui tema „Islam Hadhari“, tema ini berkait rapat dengan tema pada tahun 2005 iaitu „Islam Hadhari Menjana Kemajuan Ummah“.

Berdasarkan tema-tema yang dipilih pada setiap tahun, penulis mendapati bahawa setiap tema yang dipilih berkait rapat dengan isu-isu semasa yang sedang berlaku di negara Malaysia. Kadangkala, tema-tema yang dipilih dengan tahun-tahun yang berdekatan dengan tahun yang dipilih hampir sama maksudnya. Ini dapat dilihat melalui contoh yang penulis bawakan dari tahun 1993 dan tahun 1994, serta tahun 2002 dan 2003 yang menggunakan tema yang sama, maka jelas di sini tema-tema yang dipilih adalah hampir sama.

3.3.ORGANISASI

Penganjuran Majlis Tilawah al-Quran dikelolakan oleh sebuah gagasan jawatankuasa pusat yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian dan Jabatan juga kerjasama dengan beberapa syarikat gergasi swasta.

Jawatankuasa pengelola pula akan melantik jawatankuasa kerja yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Y.B. Setiausaha Kerajaan, juga melantik beberapa buah jawatankuasa kerja yang dipengerusikan Y.B. Exco Kerajaan atau Ketua Jabatan Persekutuan dalam bidang tugas yang telah ditentukan.


Pengerusi jawatankuasa pusat sejak dari tahun 1960 hingga 2003 adalah seperti berikut:

Jadual 3.3: Senarai Pengerusi Jawatankuasa Tilawah al-Quran Antarabangsa tahun 1960-2012

TAHUN	PENGERUSI JAWATANKUASA PUSAT
1960-1962	Y.B. Tan Sri Syed Ja'afar Albar
1961	Y.B. Tun Sardon Jubir
1963-1964	Y.B. Tan Sri Khalid Bin Awang Othman
1965-1966, 1971-1981	Y.B. Tan Sri Dato' Syed Nasir Bin Ismail
1967-1970	T.Y.T. Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Haji Ya'akub
1982-1989	Y.B. Dato' Seri Haji Kamaruddin Bin Haji Mohd Isa
1989-1995	Y.B. Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor
1996-2001	Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Hamid Othman
2001-2003	Y.B. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Bin Haji Zainal Abidin.
2006-2007	Dato' Dr. Abdullah Bin Md. Zin
2010-2014	Y.B. Majar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom (B)

Sumber: JAKIM

Carta 3.4 : Carta ahli jawatankuasa Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa 2011



Carta 3.4 : Carta senarai ahli jawatankuasa Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa 2011



Sumber: JAKIM

3.4. HADIAH

Dalam mesyuarat pertama wakil-wakil kerajaan negeri, wakil kerajaan negeri kedah Yang Mulia Tengku Maharaja Lela telah menawarkan dua naskhah al-Quran tulisan tangan kepunyaan beliau warisan moyangnya, al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin untuk dijadikan hadiah kepada Johan Kebangsaan. Hadiah tersebut digunakan sebagai piala pusingan sehingga tahun 2000. Al-Quran yang berusia 100 tahun itu dijilid dengan kulit berwarna emas bersimpuhkan perak dengan hiasan Jata Persekutuan bertatahkan emas. Rehalnya diukir khas dengan kayu jenis yang terbaik.

Hadiah yang ditawarkan kepada johan qari dan qariah mulai tahun 1961 hingga 2000 berubah dan bertambah mengikut perkembangan semasa. Jumlahnya wang tunai yang dihadiahkan pada tahun 1961 hingga 1983 tidak dapat dipastikan. Pada tahun 1984 hingga 1992, johan qari dan qariah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM5000 beserta piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan. Mulai tahun 1992 hingga tahun 2000, hadiah wang tunai dinaikkan kepada RM10 000. Pada tahun 2001, hadiah berbentuk wang tunai ini dinaikkan lagi kepada RM15 200 dan hadiah ini bersandarkan kepada jumlah matawang *USD* (USD 4000). Pada tahun 2010, jumlah wang tunai dinaikkan lagi kepada RM 32 500 (USD 10 000).

3.5. PESERTA

Penerangan mengenai jumlah Negara dan peserta yang menyertai program ini telah dijelaskan dengan baik di dalam buku "50 Tahun Tilawah al-Quran".⁸⁰ Sebermula penganjurannya pada 9 Mac 1961⁸¹, Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa dimulakan dengan penyertaan dari tujuh negara iaitu Singapura, Thailand, Brunei, Sarawak, Malaya, Indonesia dan Filipina. Seramai 13 orang peserta mengambil bahagian.

Pada tahun 1964⁸², peserta qariah buat pertama kalinya dibenarkan mengambil bahagian. Seramai empat orang peserta dari Brunei, Filipina, Kemboja dan Thailand telah menghantar peserta qariah untuk bertanding dalam tilawah al-Quran ini. Beberapa buah negara Afrika ingin menyertai pertandingan ini. Namun, pada ketika itu pertandingan ini tidak lagi dibuka kepada negara-negara Arab kerana jawatankuasa pusat berpendapat bahawa majlis ini tidak akan dibuka sehinggalah mutu bacaan peserta dari negara-negara bukan Arab dapat menyaingi bacaan para qari dari negara-negara Arab atau melebihi mereka.

Pada 1976⁸³, sejarah tercatat apabila apabila penyertaan buat negara-negara Arab ini telah dibuka. Dan pada tahun 1978, negara Mesir buat pertama kalinya menghantar peserta ke pertandingan ini . tahun 1980 hingga 1990 menunjukkan perubahan di mana penyertaan baru dari sekitar Eropah. Namun, penerangannya dalam bentuk kuantiti tidak dapat dijelaskan secara terperinci.

Berdasarkan buku JAKIM, penulis menggambarkan jumlah Negara yang menyertai

⁸⁰ 50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia ,*ibid*, hlm. 82.

⁸¹ *Ibid*.

⁸² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Johan qari dan qariah majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Malaysia 1380H/1961M-1428H/2007M = Champions of qaris and qariahs Recital Assembly at international Level Malaysia = [Al-faizun wal faizat fi al ihtifal al-dauli bi tilawati al-Quran al-Karim bi Malizia]*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008), hlm. 10.

⁸³ *Ibid*, hlm. 11

pertandingan ini sejak tahun 1961 hingga 2009. Manakala 2010 hingga 2014 berdasarkan maklumat dari artikel Utusan.

Bedasarkan jadual 2.5, kolum yang bertanda „X” tidak dapat dipastikan jumlah penyertaannya. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada JAKIM⁸⁴, kolum yang bertanda „X” ini tidak dijelaskan dengan teliti dan tahun-tahun tersebut tidak disebutkan jumlah penyertaannya.

Pada tahun 2007, seramai 45 buah negara termasuk Malaysia telah menyertai pertandingan ini dengan jumlah seramai 75 orang qari dan qariah. Pada tahun 2010, 61 orang peserta iaitu 41 orang qari dan 20 orang qariah daripada 45 buah negara telah menyertai pertandingan ini. Pada tahun berikutnya iaitu 2011, 81 peserta iaitu 50 orang qari dan 31 orang qariah daripada 50 buah negara telah menyertai pertandingan ini.

Jadual 2.5 : Senarai jumlah negara yang menyertai Tilawah al-Quran Antarabangsa tahun 1993-2002

JUMLAH NEGARA DAN PESERTA MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA MULAI TAHUN 1993 HINGGA 2002				
TAHUN	PENYERTAAN NEGARA	PENYERTAAN QARI	PENYERTAAN QARIAH	JUMLAH PESERTA
1960M/1381H	7	7	-	7
1961M/1382H	7	7	-	7
1962M/1383H	6	6	-	6
1963M/1384H	6	6	-	6

⁸⁴ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Sejarah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa*, (Kuala Lumpur: iBook Publication, 2003), hlm. 55-58.

1964M/1385H	6	6	5	11
1965M/1386H	6	6	5	11
1966M/1387H	7	7	6	13
1967M/1388H	13	27	10	37
1968M/1389H	13	27	10	37
1969M/1390H	20	20	10	30
1970M/1391H	20	16	7	23
1971M/1392H	20	X	X	X
1972M/1393H	22	X	X	X
1973M/1394H	22	X	X	X
1974M/1395H	22	X	X	X
1975M/1396H	12	21	7	28
1976M/1397H	12	X	X	X
1977M/1398H	17	X	X	X
1978M/1399H	25	X	X	X
1979M/1400H	25	X	X	X
1980M/1401H	X	X	X	X
1981M/1402H	X	X	X	X
1982M/1403H	X	X	X	X
1983M/1404H	40	X	X	X
1984M/1405H	X	X	X	X
1985M/1406H	X	X	X	X
1986M/1407H	X	X	X	X
1987M/1408H	X	X	X	X

1988M/1409H	X	X	X	X
1989M/1410H	X	X	X	X
1990M/1411H	X	X	X	X
1991M/1412H	X	X	X	X
1992M/1413H	X	X	X	X
1993M/ 1414H	24	24	11	35
1994M/1415H	23	23	12	35
1995M/1416H	27	27	14	41
1996M/1417H	27	27	15	42
1997M/1418H	29	29	14	43
1998M/1419H	26	26	13	39
1999M/1420H	28	28	16	43
2000M/1421H	31	31	17	48
2001M/1422H	33	33	19	52
2002M/1423H	42	42	21	63
2003M/1424H	39	39	20	59
2004M/1425H	41	41	27	68
2005M/1426H	41	41	29	70
2006M/1427H	38	38	15	53
2007M/1428H	45	36	16	75
2008M/1429H	41	40	24	64
2009M/1430H	43	42	24	66
2010M/1431H	47	47	29	76

2011M/1432H	50	50	31	81
2012M/1433H	42	42	30	72
2014M/1434H	52	52	32	84

Sumber : JAKIM

Universiti Malaya

3.5. Peserta Malaysia

Sebagai tuan rumah kepada pertandingan ini, Malaysia sudah semestinya akan menghantar peserta yang benar-benar berkemahiran untuk diketengahkan bakat mereka dalam bidang ini. Dan peserta yang dipilih untuk mewakili Malaysia bukanlah calang-calang orangnya. Mereka yang dihantar untuk mewakili Malaysia sudah tentunya peserta yang telah menjadi johan qari dan qariah dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun yang sama. Di bawah ini adalah senarai johan qari dan qariah dari tahun 1961 hingga 2011 yang juga diamanahkan untuk mewakili Malaysia untuk ke Pertandingan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa:-

Jadual 3.6 : Senarai Johan Qari Tilawah al-Quran Kebangsaan yang mewakili Malaysia ke Tilawah al-Quran Antarabangsa tahun 1960-2012

TAHUN	SENARAI JOHAN QARI PERINGKAT KEBANGSAAN	NEGERI
1960	En Abdul Hamid Desa	Kedah
1961	Tuan Haji Ahmad Maasom Pergau	Kelantan
1962	Tuan Haji Ismail Hashim	Kedah
1963	Tuan Haji Ismail Hashim	Kedah
1964	Tuan Haji Mohd Amin Hj Shamsuddin	Kedah
1965	Tuan Haji Ismail Hashim	Kedah
1966	Tuan Haji Abd Majid Awang	Kelantan
1966	Tuan Haji Ismail Hashim (untuk Tahun 1386 Hijrah)	Kedah
1967	Tuan Haji Saidin Abd Rahman	Pulau Pinang
1968	Tuan Haji Saidin Abd Rahman	Pulau Pinang
1969	Tuan Haji Ismail Hashim	Kedah
1970	Tuan Haji Ismail Hashim	Kedah
1971	Tuan Haji Ismail Hashim	Kedah
1972	En. Abd Hak @ Abdul Ghani Abdullah	Kedah
1973	En. Affandi Haji Siraj	Johor
1974	Tuan Haji Ismail Hashim	Kedah
1975	Tuan Haji Ismail Hashim	Kedah
1976	Tuan Haji Mokhtar Haji Ahmad	Kelantan
1977	En. Abd Hak @ Abdul Ghani Abdullah	Kedah
1978	En. Abd Hak @ Abdul Ghani Abdullah	Kedah

1979	Tuan Haji Shafie Kati	Selangor
1980	En. Abd Hak @ Abdul Ghani Abdullah	Kedah
1981	Tuan Haji Mohamad Hasri	Wilayah Persekutuan
1982	En. Abd Hak @ Abdul Ghani Abdullah	Kedah
1983	En. Ismawi Haji Duet	Sarawak
1984	En. Noor Din Idris	Kelantan
1985	En. Noor Din Idris	Kelantan
1986	Tuan Haji Mohamad Awang Teh	Terengganu
1987	Tuan Haji Shafie Kati @ Haji Sulaiman	Selangor
1988	En. Salleh Saidi	Johor
1989	En. Mohammad Haji Yusoff	Kelantan
1990	Tuan Haji Daud Che Man	Terengganu
1991	Tuan Haji Mohammad Haji Yusoff	Kelantan
1992	Tuan Haji Mohamad Awang Teh	Terengganu
1993	Tuan Haji Abdul Rahim Haji Ahmad	Kelantan
1994	Tuan Haji Abdul Rahim Haji Ahmad	Kelantan
1994	Tuan Haji Abdul Rahim Haji Ahmad (untuk Tahun 1415 Hijrah)	Kelantan
1995	Tuan Haji Mohammad Awang Teh	Terengganu
1996	En. Mohamad Hussin Mohamad Yunus	Kelantan
1997	En. Mohamad Hussin Mohamad Yunus	Kelantan
1998	Tuan Haji Salleh Saidi	Johor
1999	Che Yahaya Daud	Kelantan
2000	Tuan Haji Radzi Kamarul Hailan	Perak
2001	Tuan Haji Abd Ghani Hashim	Perak
2002	Tuan Haji Abd Ghani Hashim (Johan Menunggu)	Perak
2003	En. Ahmad Faizul Ghazali	Pahang
2004	Tuan Haji Radzi Kamarul Hailan	Perak
2005	En. Pisol Yusob	Perlis
2006	En. Shafie Lebai Hanafiah	Pahang
2007	En. Aziz Mustakim	Johor
2008	Encik. Shamsul Ariffin Supian	Perak
2009	Encik. Awangku Omar Asfuaddin Awang Hamdan	Sarawak
2010	Encik. Wan Ainuddin Abdullah	Wilayah Persekutuan
2011	Encik. Amirahman Abas	Negeri Sembilan
2012	En. Muhammad Anuar Ghazali	Kelantan
2013	En. Anuar Hasin	Perak
2014	En. Ahmad Tirmizi Ali	Terengganu

Sumber: JAKIM


Jadual 3.7 : Senarai Johan Qariah Tilawah al-Quran Kebangsaan yang mewakili Malaysia ke Tilawah al-Quran Antarabangsa tahun 1964-2012

TAHUN	SENARAI JOHAN QARIAH PERINGKAT KEBANGSAAN	NEGERI
1964	Cik Faridah Mat Saman	Kelantan
1965	Puan Hajjah Faridah Mat Saman	Kelantan
1966	Puan Hajjah Rogayah Sulong	Terengganu
1966	Cik Siti Noor Ismail (untuk Tahun 1386 Hijrah)	Kelantan
1967	Cik Rodziah Abd Rahman	Pulau Pinang
1968	Cik Rahmah Abd. Rahman	Johor
1969	Puan Hajjah Jamaliah Ahmad	Kedah
1970	Cik Rodziah Abd Rahman	Pulau Pinang
1971	Cik Rodziah Abd Rahman	Pulau Pinang
1972	Puan Hajjah Faridah Mat Saman	Kelantan
1973	Puan Hajjah Rogayah Sulong	Terengganu
1974	Puan Hajjah Rogayah Sulong	Terengganu
1975	Puan Hajjah Rahmah Abd. Rahman	Johor
1976	Puan Hajjah Faridah Mat Saman	Kelantan
1977	Puan Hajjah Faridah Mat Saman	Kelantan
1978	Puan Hajjah Rogayah Sulong	Terengganu
1979	Puan Hajjah Rogayah Sulong	Terengganu
1980	Puan Hajjah Sapinah Mamat	Kelantan
1981	Puan Hajjah Sapinah Mamat	Kelantan
1982	Cik Munirah Kassim	Kelantan
1983	Puan Hajjah Aminah Omar	Terengganu
1984	Puan Hajjah Rahmas Abdullah	Johor
1985	Puan Hajjah Rahmas Abdullah	Johor
1986	Puan Hajjah Embab @ Siah Mat Amin	Terengganu
1987	Puan Hajjah Sapinah Mamat	Kelantan
1988	Puan Pasiyah Hashim	Selangor
1989	Puan Hajjah Faridah Mat Saman	Kelantan
1990	Puan Hajjah Faridah Mat Saman	Kelantan
1991	Puan Hajjah Faridah Mat Saman	Kelantan
1992	Puan Hajjah Rahmas Abdullah	Johor
1993	Puan Hajjah Umi Kalthom Mohd Zain	Johor
1994	Puan Hajjah Umi Kalthom Mohd Zain	Johor
1994	Puan Hajjah Rahmas Abdullah (untuk Tahun 1415 Hijrah)	Johor
1995	Puan Hajjah Rahmas Abdullah	Johor
1996	Puan Hasinah Abdullah	Johor
1997	Puan Hajjah Siti Aminah Awang	Pulau Pinang
1998	Puan Hajjah Sepiah Mohamad	Terengganu

1999	Puan Maznah Awang	Terengganu
2000	Puan Aminah Ayup	Sarawak
2001	Puan Hajjah Pasiah Hashim	Selangor
2002	Puan Hajjah Umi Kalthom Mohd Zain	Johor
2003	Puan Hajjah Hasinah Abdullah	Johor
2004	Puan Hajjah Hasinah Abdullah (Johan Menunggu)	Johor
2005	Puan Faizah Mohd Husain	Selangor
2006	Puan Maslina Sinaga Abdul Rahman	Selangor
2007	Puan Aminah Ayup	Sarawak
2008	Puan Sharifah Khasif Fadzilah Syed Mohammad Badiuzzaman	Perak
2009	Puan Sharifah Khasif Fadzilah Syed Mohammad Badiuzzaman	Perak
2010	Puan Nor Azrah Ayub	Johor
2011	Puan Hajjah Suraya Abu Hassan	Johor
2012	Pn. Hajah Che Aminah Che Awang	Wilayah Persekutuan
2013	Hanimzah Jalaluddin	Pahang
2014	Hanimzah Jalaluddin	Pahang

Sumber: JAKIM

Carta 3.8 : Senarai Wakil Peserta MTQA dari tahun 1961-2014



Sumber: 50 Tahun Tilawah al-Quran, hlm. 82

Carta di atas menunjukkan 12 buah negeri yang pernah mewakili Malaysia dalam MTQA iaitu Kelantan, Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, Perak, Sarawak, Kedah, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Perlis, dan Pahang. Menurut carta tersebut dan pengiraan yang dilakukan dan melalui kesemua negeri-negeri terbabit, Kedah menunjukkan peserta yang terbanyak iaitu sebanyak 16 kali bagi wakil Qari dalam mewakili Malaysia ke Peringkat Antarabangsa, seterusnya diikuti oleh negeri Kelantan sebanyak 13 kali. Manakala Johor pula merupakan wakil terbanyak bagi Qariah iaitu sebanyak 15 kali, seterusnya diikuti oleh negeri Kelantan sebanyak 13 kali. Berdasarkan carta berikut, dominasi beberapa buah negeri ini menunjukkan negeri yang mereka wakili adalah antara negeri yang terawal dalam menganjurkan pertandingan tilawah al-Quran ini di Malaysia iaitu Kedah, Johor dan Kelantan.

Berdasarkan penilaian terhadap senarai johan Pertandingan Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan, Dato[“] Haji Ismail Hashim yang mewakili negeri Kedah memegang gelaran johan yang terbanyak bagi Qari iaitu sebanyak sembilan kali, diikuti dengan Haji Abdul Hak Bin Abdullah yang juga dari Kedah sebanyak lima kali. Manakala bagi Qariah pula, Hajah Faridah Binti Mat Saman dari Kelantan memegang gelaran johan terbanyak iaitu sebanyak lapan kali, diikuti Dato[“] Hajah Rugayah Sulung dari Terengganu sebanyak tujuh kali.

Daripada para pemenang yang telah penulis sebutkan, penulis mendapati para peserta yang mendominasi pertandingan ini adalah daripada daripada sebelah utara. Iaitu dari negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu. Ini menunjukkan peserta dari utara menguasai teknik bacaan qiraat dan taranum dengan baik dan mempunyai guru-guru yang bukan calang-calang dalam mendidik mereka.

Bertepatan dengan pendapat yang penulis bawakan berdasarkan kenyataan Abdullah Munsyi dalam buku pelayarannya serta keaktifan negeri Kedah yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman dalam mengangkat potensi penganjuran pertandingan ini. Hasil kejayaan para peserta ini membuktikan pendapat penulis yang kedua iaitu penganjuran bermula dari Kedah adalah lebih tepat. Ini kerana dua Qari yang mengungguli para johan Qari yang lain kedua-duanya adalah daripada negeri Kedah. Melihat kepada kemenangan Hajah Faridah Mat Saman di dalam MTQA sebanyak lapan kali, penulis berpendapat kehebatan qariah ini menghampiri kecenderungan kepada pendapat penulis yang ketiga iaitu MTQA bermula dari Kelantan.

Penilaian ini bukanlah bermaksud penulis membuktikan sejarah bermula penganjuran MTQA melalui jumlah kemenangan qari dan qariah. Sebaliknya, penilaian penulis adalah berdasarkan kepakaran yang dimiliki para qari dan qariah yang menggambarkan keaktifan mereka dalam menyuburkan amalan tilawah al-Quran di negeri masing-masing sehingga membawa mereka ke tahap yang tinggi. Usaha ini tidak akan berhasil dalam masa yang singkat, tetapi memerlukan komitmen dan usaha keras dalam tempoh masa yang lama serta melibatkan para pendidik qari dan qariah yang terdahulu di negeri mereka.

3.6. LATIHAN, KEMUDAHAN, DAN AKTIVITI SAMPINGAN

Selain daripada pertandingan tilawah al-Quran, terdapat pelbagai aktiviti sampingan di mana manfaatnya juga berkait rapat hubungannya dengan pertandingan ini. Antaranya seperti Seminar al-Quran Peringkat Antarabangsa di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi⁸⁵. Baru ini ia diadakan pada 18 Julai 2011. Disertai oleh semua para peserta tilawah, dan para panelnya terdiri daripada hakim-hakim antarabangsa yang berkemahiran dalam bidang ini.

Terdapat juga Kursus Tahsin yang diadakan seminggu sebelum pertandingan berlangsung yang bertujuan untuk menapis dan meningkatkan kemahiran peserta sebelum pertandingan. Baru-baru ini, seramai 37 orang telah menghadirinya pada 11 hingga 15 Julai 2011. Isi daripada kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai empat aspek pemarkahan yang akan dinilai sewaktu pertandingan berlangsung iaitu suara, lagu, fasahah dan tajwid .

Oasis Tilawah adalah pameran yang diadakan di ruang legar legar PWTC yang juga antara aktiviti yang dapat memeriahkan pertandingan ini. Perkataan „Oasis“ bermaksud tempat yang subur di tengah padang pasir. Oasis Tilawah yang dimaksudkan ialah, dengan pengisian yang terdapat di dalam tilawah al-Quran, hendaknya dapatlah memberi ketenangan dan kesuburan hati yang kering dan rindukan ketenangan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah peranan pameran untuk memberi penerangan mengenai pengaplikasian terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam pelbagai bidang kehidupan seperti pendidikan, makanan, kewangan, serta perkhidmatan yang diberikan oleh agensi kerajaan dan NGO (Non Government Organisation).

⁸⁵Rancangan “Assalamualaikum”, TV Al-Hijrah, 16 Julai 2011.

Lawatan juga menjadi salah satu aktiviti untuk merehatkan minda para peserta setelah berhempas-pulas berlatih dan memperdengarkan mutu bacaan al-Quran yang baik. Pada tahun 2010, para peserta tilawah telah dibawa melawat ke beberapa destinasi pelancongan terkemuka di negara ini iaitu di Melaka⁸⁶. Antara tempat-tempat yang dilawati ialah Muzium al-Quran yang terletak di Kompleks Al-Azim Bukit Palah, menaiki bot Melaka River Cruise, Taman Rempah, Menara Taming Sari di Banda Hilir dan Muzium Kesultanan Melayu Melaka.

Segala kemudahan, penginapan, dan makanan para peserta sepanjang pertandingan berlangsung disediakan di Hotel Seri Pasific⁸⁷.

⁸⁶ _____, Peserta Tilawah Melawat Melaka, *Utusan Malaysia*, 3 Ogos 2010.

⁸⁷ Lokasinya bersebelahan dengan Putera World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.

3.7. ASTAKA

Astaka menurut Bahasa Arab dipanggil sebagai *minassah*, astaka dimaksudkan sebagai pentas untuk meraikan sesuatu upacara yang mulia. Ia terletak di sebelah hadapan sesuatu tempat atau dewan supaya penumpuan akan difokuskan di situ⁸⁸.

Dalam konteks penganjuran Majlis Tilawah al-Quran ini, astaka ialah tempat tertinggi dan mulia kerana dalam majlis ini para qari dan qariah memperdengarkan bacaan masing-masing di hadapan tetamu kehormat dan para jemputan⁸⁹.

Seawal tahun 1960-an, pembinaan astaka majlis tilawah al-Quran ini tidaklah diberi perhatian khusus. Namun pada tahun 2004 dan 2005, beberapa astaka telah dipertandingkan dan diadili oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya Malaysia, iaitu Bahagian Arkitek Cawangan Bangunan. Minat untuk membina astaka ini kian bercambah di kalangan anak-anak muda apabila mereka mengemukakan idea-idea kreatif mewakili universiti-universiti tempatan⁹⁰. Namun, pada tahun 2007, pertandingan ini tidak lagi dijalankan dan tugas pembinaan astaka ini diserahkan sepenuhnya atas tanggungjawab Jabatan Kerjaraya.

Astaka juga merupakan antara elemen terpenting dalam pelaksanaan pertandingan ini. Astaka bermaksud pentas untuk meraikan sesuatu upacara yang mulia. Reka bentuk dan penyediaan astaka ini telah dipertanggungjawabkan di bawah pengurusan Jabatan Kerja Raya (JKR). Reka bentuk ini didirikan berdasarkan tema yang telah ditetapkan setiap tahun oleh jawatankuasa besar yang menguruskan pertandingan ini. Di bawah ini adalah senarai simbol dan maksud yang tersimpan di sebalik pelan dan reka bentuk astaka yang telah didirikan pada tahun 1981 sehingga

⁸⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia *Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), hlm. 4.

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ *Ibid.*, hlm. 28-29

2006⁹¹. Setiap konsep, simbol serta seni reka astaka ini mempunyai hubung kait dengan tema yang dipilih pada setiap tahun penganjuran. Hubung kait simbol dan konsep seni reka astaka dalam tema yang dipilih ini telah dijelaskan dengan terperinci di dalam buku „Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa“ keluaran JAKIM.

Daripada penerangan konsep tersurat dan tersirat yang terdapat dalam setiap astaka yang direka, terdapat beberapa perkara umum yang penulis dapati daripada kajian penulis. Antaranya ialah, konsep rekaan seni bina yang berbentuk islamik pada kebiasaannya menggunakan bentuk-bentuk geometri. Yang kedua, konsep yang ingin dibawakan pada setiap rekaan selalunya diselitkan dengan unsur-unsur alam semula jadi. Yang ketiga ialah, simbol-simbol yang menjadi asas kepada lambang akidah dan ketaatan setiap muslim kepada Allah dan Rasul-Nya seperti nama Allah dan Muhammad, bilangan rukun iman, rukun Islam, dan lambang kesatuan atau persaudaraan.

3.7.1 Kalimah Allah

Di dalam hampir setiap reka bentuk astaka ini, tidak terlepas dari menjulang nama dan kalimah „Allah“. Melihat kepada struktur seni bina dan reka bentuk yang menyerlah, tidaklah bermakna sekiranya nama dan kalimah „Allah“ tidak diulang dan dijadikan tunjang kepada reka bentuk islamik yang dibawakan.

⁹¹ *Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, op. cit.*

Rajah 3.9 : Beberapa astaka MTQA tahun 1981, 1983, 1984, 1992, 1993, 1994,1995 dan 1996 yang meletakkan kalimah ‘Allah’ di kemuncak dalam reka bentuk yang dibina.



Sumber: *Astaka Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.*

Rajah di atas menunjukkan antara beberapa contoh reka bentuk astaka yang menjulang kalimah Allah sebagai kemuncak kepada reka bentuk yang 9 astaka yang dibina serta menjadi pelengkap kepada kesemua simbol dan nilai keislaman yang dibawakan dalam reka bentuk ini. Gambar 1, merupakan astaka MTQA tahun 1984,

gambar ke-2 adalah astaka tahun 1983, gambar ke-3 adalah astaka tahun 1981, gambar ke 4 astaka tahun 1996, gambar ke-5 astaka tahun 1995, gambar ke-6 astaka tahun 1995 bulan Disember, gambar ke-7 astaka tahun 1994, gambar ke-8 astaka 1993, gambar ke-9 astaka 1992. Anak panah yang ada dalam setiap gambar tersebut menunjukkan kalimah „Allah“ atau lampu yang berbentuk bulat yang diletakkan di puncak setiap astaka berikut.

Kebanyakan astaka yang hanya meletakkan satu puncak sahaja dengan kalimah Allah. Namun ada juga sesetengah astaka yang meletakkan dua puncak dalam reka bentuk mereka, iaitu kalimah „Allah dan „Muhammad“. Ada juga Astaka yang meletakkan tiga puncak dalam seni bina mereka.

3.7.2 Reka bentuk geometri

Konsep reka bentuk geometri adalah simbol reka bentuk islamik yang paling banyak digunakan di dalam pembinaan astaka ini. Antara beberapa reka bentuk geometri yang menjadi asas kepada pembinaan astaka ini ialah:

1. Titik

Rajah 3.10 : Bentuk bulat digambarkan sebagai simbol ‘titik’ dalam reka bentuk astaka tahun 1985



Sumber: *Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa.*

Keistimewaan yang dapat penulis lihat dan fokuskan pada astaka tahun 1985 ini ialah bentuk geometri bulatan yang berada di atas sekali dalam reka bentuk ini. Simbol kepada bulatan ini digambarkan sebagai titik. Di dalam buku Astaka MTQA menerangkan maksud „titik“ tersebut dengan teliti:

“...Jika dilihat dari jarak jauh, asas astaka dan bulatan di atasnya merupakan satu titik. Dalam kajian pereka-pereka seni bina Islam mengenai bentuk geometri, titik merupakan lambang bagi punca dan perpaduan kerana dari titiklah berlaku segala-galanya. Begitu juga bulatan ialah lambang bagi tiada permulaan dan kesudahan. Lambang ini dapatlah dikaitkan pula dengan sifat Allah s.w.t. yang dikaitkan pula dengan adanya kalimah Allah pada bulatan di puncak astaka...”⁹²

Daripada penerangan petikan tersebut, jelas menunjukkan titik yang dimaksudkan ialah sifat Allah yang sebagai punca kepada tercipta segala ada yang di dunia ini serta lambang sifat Allah yang tiada mula dan akhirnya.


2. Bentuk segi empat

Bentuk segi empat dalam astaka ini lebih kepada mewakili bilangan empat yang mempunyai pelbagai maksud tersirat di sebalik angka tersebut. Maka maksud ini ditonjolkan melalui bentuk geometri segi empat.

Selain daripada bentuk segi empat, terdapat beberapa makna lain yang menggunakan angka empat sebagai lambang kepada seni reka yang berbeza seperti empat tiang, empat kubah dan empat menara.

⁹² *Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, op. cit.*

Rajah 3.11: Bentuk segi empat dalam astaka tahun 1981, 1986 dan 1998.




Sumber: Buku Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa

Bentuk segi empat telah didapati menjadi asas dalam rekaan astaka tahun 1981 (gambar 1) membawakan prinsip rukun iman, Islam, ihsan dan ikhlas. Segi empat yang ada pada astaka tahun 1986 pula ialah lambang ciri-ciri kesempurnaan, ketulusan, ketetapan serta kesederhanaan. Astaka tahun 1998 pula menggunakan segi

empat sebagai salah satu daripada tiga asas reka bentuk geometri yang membentuk kesinambungan yang menarik.

Rajah 3.12 : Simbol 4 tiang atau kubah dalam astaka tahun 1995 (Disember), 1996, dan 1997.



Sumber: Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa.

Astaka tahun 1995 bagi bulan Disember (gambar 1) menunjukkan 4 menara yang mewakili sistem pemerintahan 4 pemimpin Islam yang pertama iaitu Sayidina

Abu Bakar, Sayidina Umar, Sayidina Ali dan Sayidina Uthman. Astaka tahun 1996 (gambar 2) pula melambang sifat-sifat murni seperti *siddiq*, *amanah*, *tabligh* dan *fatimah*. 4 kubah yang berada di kiri dan kanan pentas membaca al-Quran bagi astaka tahun 1997 ialah simbol mewakili empat sahabat Rasulullah yang mempertahankan kesucian Islam iaitu Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar, Sayidina Uthman dan Sayidina Ali.

Universiti Malaya

3. Bentuk segi lima

Bentuk segi lima yang menjadi asas kepada pembinaan astaka ini adalah merupakan simbol kepada lima rukun Islam

Rajah 3.13 : 5 tiang atau sesekat di dalam astaka tahun 1991 dan 1995 (Disember)




Sumber: *Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa.*

Di dalam kedua-dua rajah di atas iaitu astaka tahun 1991 (gambar 1) yang memiliki reka bentuk lima sesekat dan astaka tahun 1995 bagi bulan Disember (gambar 2) yang menggunakan lima tiang kedua-dua memberi lambang yang sama iaitu Lima Rukun Islam yang wajib dipercayai dan menjadi asas kepada pembinaan ummah.

4. Bentuk segi enam

Bentuk segi enam atau heksagon juga antara bentuk geometri yang mendapat menjadi pilihan pereka seni bina Islam yang ditonjolkan dengan pelbagai cara seperti sarang labah-labah, kubah, membran sel, corak lantai dan podium atau tangga pentas. Adas juga astaka yang hanya menggunakan simbol bilangan enam untuk melambangkan sesuatu makna tersirat.

Rajah 3.14 : Bentuk segi enam dalam reka bentuk astaka tahun 1983, 1990, 1993, 1996, 1997, 2001



Sumber: *Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa.*

Gambar pada rajah 6 menunjukkan enam contoh gambar yang menggunakan elemen enam sebagai unsur rekaan. Gambar astaka tahun 1983 (gambar 1) telah mendirikan rekaan tiang berbentuk heksagon ini sebagai tunjang enam Rukun Islam. Begitu juga ciri yang sama digunakan pada rekaan tiang astaka tahun 1997 (gambar 5). Astaka tahun 1990 (gambar 2) dan tahun 2001 (gambar 6) menggunakan bentuk heksagon dalam bentuk sarang lebah. Manakala astaka tahun 1996 (gambar 4) menggunakan heksagon dalam bentuk membran sel adalah sebagai simbol pembinaan rukun iman.


5. Tema-tema lain

Selain reka bentuk geometri, terdapat beberapa tema lain yang digunakan di dalam reka bentuk pembinaan astaka ini. Antaranya ialah


i. Sarang lebah

Sarang lebah merupakan kediaman atau tempat tinggal bagi sekumpulan lebah di samping menjadi kawasan penyimpanan madu. Sarang lebah ini berbentuk heksagon yang dicantum tanpa putus sehingga menjadi sebuah sarang mengikut jumlah kumpulan lebah tersebut. Bentuk sarang lebah yang sentiasa bersambung dan tidak putus-putus ini menjadi pilihan seni reka bentuk yang ada di dalam astaka ini.


Rajah 3.15 : Ilustrasi corak geometri Islamik.




Bentuk heksagon



Heksagon bertindih



Corak heksagon bertindih



Corak Geometri Islamik


Berdasarkan rajah 3.15 , corak sarang lebah yang boleh bersambung secara tidak putus-putus menjadi pilihan astaka terutama yang berbentuk heksagon seperti

di dalam astaka tahun 1990, 1997, 2001⁹³. Ini kerana corak yang fleksibel dan boleh bersamdung dari mana sudut menggambarkan sifat perpaduan sesama umat Islam dan ukhwah persaudaraan.

ii. Flora

Selain daripada konsep sarang lebah, konsep flora juga menjadi pilihan. Konsep ini dapat dilihat pada astaka tahun 2000, 2002 dan 2005.

Rajah 3.16 : Beberapa Konsep Flora yang ditekankan dalam astaka tahun 2000, 2002, dan 2005.



Sumber: *Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa*

⁹³ Rujuk Rajah 6.

Konsep kelopak bunga yang dibawakan pada tahun 2005 (gambar 1) dengan sifat yang bertaut dan tersusun digambarkan sebagai persefahaman antara umat Islam yang diperlukan untuk mencapai kestabilan dan keharmonian negara. Manaka Konsep bunga lili air pula digambarkan sebagai keteguhan iman kerana kedudukannya yang kukuh di tengah-tengah kawasan air yang melimpah-ruah, begitulah sifat syukur atas kurniaan nikmat yang diberikan akan menghasilkan iman yang teguh kepada Allah s.w.t.

Universiti Malaya

3.8.PEMARKAHAN DAN STRUKTUR PERTANDINGAN

Melihat dari sudut pemarkahan, penulis memetik sedikit daripada kata-kata Tan

Sri Hassan Azhari sewaktu mewawancara beliau:

“Pada masa dahulu, undang-undang dan pemarkahan pertandingan ini tidak begitu ketat. Bahagian lagu dan suara dipegang oleh seorang hakim, tajwid dan fasahah dipegang oleh seorang hakim. Ini merumitkan kerana setiap bahagian memerlukan penelitian yang baik. Sedangkan suara ada banyak jenis. Lagu pula ada 14 jenis. Bagaimana seorang hakim hendak meneliti perkara yang banyak ini dalam masa yang sama?. Apabila datang dua orang yang pakar dari Mesir iaitu Thaha Al-Fasyni dan Mustafa Ismail, mereka memecahkannya kepada beberapa bahagian. Barulah keadaan tidak kelam-kabut. Ini semua atas jasa Tunku Abdul Rahman yang berusaha mengangkat pertandingan ini. Pertandingan ini kemudiannya menjadi ikutan negara-negara Islam lain seperti Arab Saudi, Afghanistan, Mesir dan Iran.”⁹⁴

Setiap hakim akan mengetuai bahagian yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh Pengerusi Jemaah Hakim. Bahagian yang diketuai oleh hakim adalah seperti seperti yang terdapat di dalam rajah berikut:

1. *Tajwid (40 markah)*
 - a. *Menyebut setiap makhraj dan sifat huruf seperti sod, dod, to, zo, fa', qaf dengan betul*
 - b. *Mematuhi peraturan Tarqiq dan Tafkhim terutamanya bagi huruf lam dan raa'.*
 - c. *Mad asli dan mad badal dibaca dengan dua harakat.*
 - d. *Mad Jaiz Munfasil boleh dibaca dengan 2 harakat, 4 harakat, 5 harakat, atau 6 harakat. Setelah memilih kadar harakat yang akan digunakan, qari perlu menggunakan kadar tersebut sepanjang bacaannya tanpa menukar daripada satu kadar harakat kepada kadar yang lain. Contohnya, jika terdapat dua atau lebih Mad Jaiz Munfasil dalam satu ayat, qari dikehendaki membaca kedua-dua mad tersebut dengan kadar yang sama, iaitu jika qari mula membaca menggunakan dua harakat bagi Mad Jaiz*

⁹⁴Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari, (Juri dan Hakim Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 4 Julai 2011.

- Munfasil, maka beliau perlu terus membaca dengan menggunakan dua harakat bagi Mad Jaiz Munfasil yang kedua dan yang seterusnya. Mad Wajib Munfasil pula boleh dibaca dengan kadar 4, 5 atau 6 harakat jika waqaf.*
- e. Mad Lazim Kalimi dan Harfi Muthaqqal serta Mad Istifham mestilah mestilah dibaca dengan kadar harakat yang lebih panjang iaitu 6 harakat.*
 - f. Mad 'Aridh dibaca dengan kadar 2, 4, atau 6 harakat jika waqaf.*
 - g. Mad Silah dibaca dengan kadar 2 harakat. Namun jika terdapat huruf 'Hamzah' selepas Mad Silah, maka ia perlu dibaca seperti Mad Jaiz Munfasil.*
 - h. Ghunnah dibaca dengan kadar dua harakat jika waqaf dan wasal.*

Di dalam bahagian pemarkahan ini, tajwid merupakan teras dan asas kekuatan tilawah yang wajib dikuasai oleh setiap peserta. Ini dapat dilihat melalui jumlah pemarkahan yang besar diletakkan di bahagian tajwid iaitu sebanyak 40 markah. Bacaan dengan tajwid yang betul dan konsisten dapat memberikan markah yang banyak pada bahagian ini.

2. *Lagu (25 markah)*
 - a. Menggunakan taranum Arab tidak kurang daripada 4 jenis dalam setiap bacaan. Tidak kira jenis apa yang digunakan pada permulaan bacaan.*
 - b. Setiap taranum hendaklah disempurnakan secara teratur sekurang-kurangnya 4 harakat dengan cara berperingkat.*
 - c. Setiap taranum hendaklah disempurnakan dalam 3 tabaqat, iaitu tingkatan suara rendah, sederhana dan tinggi.*
 - d. Setiap taranum hendaklah dialun secara teratur dan tidak bercampur aduk*
 - e. Taranum atau lagu bacaan penutup hendaklah sama seperti yang digunakan pada pembukaan.*

Bahagian kedua ialah lagu. Bahagian ini memiliki markah kedua terbanyak selepas tajwid. Lagu yang di maksudkan di sini ialah teknik pembawaan beberapa jenis taranum dalam bacaan al-Quran yang disampaikan. Lagu ini mempunyai tabaqat yang tertentu untuk menjadikan bacaan yang dibawakan teratur, sedap didengar dan

memperindahkan bacaan yang disampaikan tanpa merosakkan tajwid dan maksud bacaan tersebut.

3. *Fasahah (20 markah)*
Kesempurnaan fasahah berdasarkan ciri-ciri berikut:
 - a. *Bacaan lancar dan sebutan tepat tanpa sebarang kesalahan.*
 - b. *Membaca perkataan dan ayat dengan lancar tanpa tersekat-sekat.*
 - c. *Mematuhi segala tanda bacaan mad dan tashdid*
 - d. *Menyempurnakan ibtida' dan 4 waqaf dengan betul termasuk waqaf jibril atau waqaf nabawi.*
 - e. *Membaca menurut lahjah Arab yang fasih.*
 - f. *Membaca dengan tidak terlalu laju dan tidak terlalu perlahan.*

Bahagian fasahah pula mengambil kira dari aspek kelancaran dan kefasihan setiap peserta ketika memperdengarkan bacaan masing-masing. 20 markah yang diletakkan adalah sebagai penanda aras kemahiran pembaca dalam memahami dan mengamalkan ayat-ayat yang dibacakan sehingga tiada kesalahan bacaan yang dilakukan. Bacaan yang tidak tersekat-sekat, sempurna serta berhenti di tempat yang sepatutnya akan membantu pemarkahan peserta dan aspek ini.

4. *Suara (15 markah)*
 - a. *Suara asli.*
 - b. *Lancar dan tepat.*
 - c. *Jelas, sempurna dan lantang.*
 - d. *Suara tidak berubah dari mula hingga akhir disebabkan oleh perubahan tingkatan suara semasa membaca.*

Manakala aspek suara adalah aspek yang terakhir sekali di mana pembentukan suara yang baik mengikut kelancaran, sebutan yang jelas serta pengawalan suara yang baik mengikut aras tingkatan suara dan membantu kelancaran dan pemahaman terhadap bacaan. Dari segi pemarkahan pada aspek ini, 15 markah diberikan kepada peserta.

3.9. ATURCARA MAJLIS

Rajah 3.17 : Atur cara malam perasmian.

Malam Pembukaan (Sabtu)

14 Syaaban 1432H bersamaan 16 Julai 2011M

8.00 pm- Ketibaan Dif-dif jemputan

8.15 pm- Ketibaan Dif-dif kenamaan

8.30 pm- Ketibaan YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan YAbhg. Puan Sri Datin Noorainee binti Haji Abdul Rahman.

8.35 pm- Ketibaan YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri dan YABhg. Datin Sri Rosmah binti Mansor.

8.40 pm- Ketibaan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua- Yang di-Pertua Negeri/ YABhg. Toh Puan-Toh Puan dan keberangkatan tiba Duli – Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri.

8.45 pm- Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

- Negaraku

- Bacaan Doa

- Bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh Qari Jemputan

- Upacara Sembah Kenal

-Ucapan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/ 2011M.

-Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan pengisytiharan Perasmian Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-53 Tahun 1432H/ 2011M.

-Persembahan Nasyid.

-Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-53 Tahun 1432H/ 2011M dimulakan.

- Majlis Tilawah al-Quran ditangguhkan

- Negaraku

-Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat meninggalkan majlis.

-Santapan/Jamuan Malam

-Keberangkatan Balik Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

-Majlis Bersurai

Sumber: Buku Panduan „53rd International al-Quran Recital Assembly 1432H/ 2011M, 14th -21st Syaaban 1432H/ 16th -23rd July 2011M, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kuala Lumpur“.

Dari rajah tersebut, dapat dilihat konteks utama yang diberi perhatian dalam atur cara ini ialah sewaktu kedatangan sultan untuk merasmikan majlis tilawah al-Quran ini, iaitu protokol atau cara dan adat menyambut kedatangan Sultan, majlis perasmian dan oleh Sultan yang datang ke MTQA pada waktu tersebut. Pada pukul 8.00 malam sehingga 8.30 malam, keadaan dewan tidak lagi berlaku secara formal kerana pihak penganjur masih lagi menunggu kedatangan para penonton serta dif-dif kehormat memenuhi dewan. Bermula pada pukul 8.30 malam sehingga 8.45 malam, majlis mula menyambut ketibaan tetamu VVIP iaitu Timbalan Perdana Menteri Malaysia bersama Datin Sri, Perdana Menteri Malaysia bersama Datin Sri, DYMM Raja-Raja serta DYMM Raja-Raja Permaisuri.

Acara yang diatur selepas itu ialah nyanyian lagu negaraku, bacaan doa, bacaan ayat-ayat suci al-Quran daripada qari atau qariah terkemuka, serta upacara sembah kenal.

Selepas itu, ucapan alu-aluan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ucapan Perdana Menteri Malaysia serta titah ucapan daripada DYMM Yang Di-Pertuan Agong Malaysia. Berakhirnya ucapan itu disertai selingan persembahan nasyid sebelum acara pertandingan tilawah al-Quran bermula pada malam itu. Pada kebiasaannya, seramai tiga orang peserta sempat menyampaikan bacaan mereka pada malam pertama yang peserta yang lain menyusul mengikut giliran mereka pada malam-malam yang seterusnya.

Apabila majlis ditangguhkan, sekali lagi nyanyian lagu negaraku mengiringi nyanyian para hadirin yang kemudiannya mengakhiri tirai majlis pada malam itu. Setelah para tetamu kehormat menjamu selera, majlis bersurai dengan keberangkatan mereka meninggalkan majlis.

Rajah 3.18 : Buku Panduan Tilawah al-Quran Antarabangsa 2011 (Atur cara malam kedua dan ketiga).

Malam Kedua hingga Ketujuh

15 Syaaban 1432H bersamaan 17 Julai 2011M hingga 20 Syaaban 1432H bersamaan 22 Julai 2011M.

8.00 pm- Para hadirin mengambil tempat duduk masing-masing

8.15 pm- Persembahan

8.35 pm- Majlis Tilawah Al-Quran dimulakan

9.35 pm- Rehat- persembahan selingan

9.45 pm- Majlis Tilawah Al-Quran diteruskan

11.00 pm- Majlis Tilawah Al-Quran ditangguhkan

Sumber: Buku Panduan „53rd International al-Quran Recital Assembly 1432H/ 2011M, 14th -21st Syaaban 1432H/ 16th -23rd July 2011M,

Malam yang seterusnya menjanjikan atur cara yang lebih ringkas dan konsisten sehinggalah malam yang keenam iaitu sebelum malam penutup. Setelah kehadiran para tetamu, majlis bermula dengan persembahan nasyid yang berselang-seli dengan bacaan tilawah al-Quran yang disampaikan oleh para peserta antarabangsa yang mewakili negara masing-masing. Pada kebiasaannya seramai 10 hingga ke 15 peserta akan memperdengarkan bacaan mereka setiap malam selama tujuh hari berturut-turut.

Rajah 3.19 : Buku Panduan Tilawah al-Quran Antarabangsa 2011 (Atur cara malam penutup).

Malam Penutupan Dan Penyampaian Hadiah (Sabtu)

21 Syaaban 1432H bersamaan 23 Julai 2011M

- 8.00 pm- Ketibaan Dif-dif jemputan*
- 8.15 pm- Ketibaan Dif-dif kenamaan*
- 8.30 pm- Ketibaan YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan YABhg. Puan Sri Datin Nooraineebinti Haji Abdul Rahman.*
- 8.35 pm- Ketibaan YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri dan YABhg. Datin Sri Rosmah binti Mansor.*
- 8.40 pm- Ketibaan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua- Yang di-Pertua Negeri/ YABhg. Toh Puan-Toh Puan dan keberangkatan tiba Duli –Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri.*
- 8.45 pm- Keberangkatan tiba Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Hajah Haminah Binti Haji Hamidun, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman.*
 - Negaraku*
 - Persembahan Nasyid*
 - Pengumuman Keputusan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/2011M oleh Pengerusi Jemaah Hakim.*
 - Bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh Johan Qari*
 - Bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh Johan Qariah*
 - Upacara Penyampaian Hadiah*
 - Bacaan Doa*
 - Negaraku*
 - Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Hajah Haminah Binti Haji Hamidun, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman meninggalkan majlis*
 - Santapan/ jamuan Malam*
 - Keberangkatan balik Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Hajah Haminah Binti Haji Hamidun, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman.*
 - Majlis Bersurai.*

Sumber: Buku Panduan „53rd *International al-Quran Recital Assembly 1432H/2011M*, 14th -21st Syaaban 1432H/ 16th -23rd July 2011M

Pada malam penutup, sekali lagi majlis formal dijalankan bagi meraikan kehadiran tetamu VVIP serta DYMM Yang Dipertuan Agong yang akan merasmikan majlis penutup serta pengumuman keputusan pertandingan serta penyampaian hadiah kepada pemenang dan para peserta. Seperti majlis perasmian, atur cara program hampir sama melainkan pengumuman keputusan MTQA oleh Pengerusi Jemaah Hakim, penyampaian bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh johan qari dan qariah, dan upacara penyampaian hadiah. Selepas itu majlis berakhir seperti biasa dan penuh formal.

3.10 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa segala perjalanan program MTQA ini telah dirancang dengan baik sehingga menimbulkan keunikan dalam analisis yang dilakukan dalam bahagian –bahagian yang telah penulis sentuh melalui bab ini. Namun pada aspek senarai peserta antarabangsa, terdapat beberapa bahagian dari tahun 1970 hingga tahun 1992 yang masih kabur dan sukar ditemui. Namun begitu, aliran jumlah peserta masih dapat dianggarkan.

Pemilihan tema yang pelbagai, jumlah peserta yang semakin bertambah, keindahan astaka penuh dengan kesenian dan makna tersirat, sistem pemarkahan yang mengikut kriteria dan penilaian jemaah hakim, serta atur cara program yang penuh dengan istiadat. Semua ini memberi gambaran bahawa MTQA merupakan sebuah program yang bukan calang-calang, masih kukuh dan masih dilaksanakan hingga ke hari ini.

Dengan menganalisis setiap aspek yang disenaraikan, penulis yakin bahawa pertandingan ini akan terus kekal dengan kelestariannya bersama keindahan suara alunan bacaan al-Quran yang menjadi objektif utama program ini.

BAB 4

Universiti Malaysia

BAB 4

CABARAN-CABARAN YANG DIHADAPI

4.1 PENDAHULUAN

Dalam setiap penganjuran, adalah mustahil bagi sesuatu institusi itu tidak berdepan dengan masalah. Apatah lagi sebuah penganjuran program yang besar dan bertaraf antarabangsa. Melihat dari sudut ini demi memperbaiki mutu dan meningkatkan taraf program ini serta menjadi panduan dan rujukan bagi program lain, penulis telah menyenaraikan beberapa cabaran yang menjadi masalah sama ada kepada pihak penganjur, peserta mahupun penonton.

Tidak dinafikan Program MTQA yang telah melalui usia 56 tahun ini pasti telah sebatikan dengan masalah-masalah yang sering dihadapi sehingga mereka mampu mengatasinya setiap kali program berlangsung. Tidak dinafikan akan kemampuan JAKIM yang mampu mengelola program MTQA ini dengan jayanya. Namun begitu, masih ada kekurangan yang penulis dapati setelah melalui proses penilaian dan pengamatan.

Melihat kepada usia program ini yang telah melampaui setengah abad, dapat dilihat kelesuan pertandingan ini dalam menghadapi dunia arus moden yang dipenuhi dengan pelbagai hiburan. Lalu dalam bab ini penulis telah menyenaraikan beberapa faktor yang menjadi penyebab kepada kelesuan program ini diikuti beberapa pendapat dan kenyataan daripada pelbagai pihak sama ada penganjur, peserta mahupun penonton.

4.2 KUALITI BACAAN SETIAP PESERTA

Sepanjang kajian yang dijalankan, penulis mendapati secara keseluruhannya kualiti bacaan peserta adalah kurang memuaskan di mana ada sebahagian peserta tidak memiliki gaya bacaan yang berkualiti. Perkara ini tidak seharusnya terjadi kerana sepatutnya peserta ini perlu ditapis tahap kualiti bacaan mereka di negara mereka sendiri sebelum dihantar untuk bersaing dengan negara-negara lain. Walau bagaimanapun, JAKIM telah mengambil tindakan susulan untuk memperbaiki tahap bacaan mereka. Mereka ini dipimpin oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk mengadakan kelas tahsin bagi meningkatkan mutu bacaan mereka. Tindakan ini diambil demi menjaga imej dan standard pertandingan ini dan juga imej negara mereka kerana pertandingan sebegini mendapat tempat di negara-negara Islam yang besar.

Ketua pengarah JAKIM Datuk Wan Mohamad Syeikh Abdul Aziz dalam sebuah artikel beliau menjelaskan⁹⁵:

"Setiap qari dan qariah yang dipilih oleh negara masing-masing akan melalui proses saringan terlebih dahulu di Malaysia supaya peserta yang datang benar-benar bersedia."

"Jika mereka masih gagal meningkatkan tahap bacaan khususnya dari segi tajwid dan taranum, mereka tidak layak untuk mewakili negaranya dan akan hadir sebagai pemerhati sahaja"

Dari artikel tersebut, beliau mengatakan bahawa pihak penganjur program ini mengambil serius dalam memastikan peserta yang benar-benar berkualiti sahaja yang dibenarkan menyertai pertandingan ini

⁹⁵ Mohd. Shah Che Ahmad, Tilawah al-Quran Terus Dapat Sambutan, *Utusan Malaysia*, 21 Julai 2011.

Berikut adalah antara beberapa faktor yang penulis dapati menjadi penyebab kepada rendahnya tahap kualiti bacaan peserta:

- a) Ada sesetengah peserta yang datang dari negara Islam minoriti
- b) Tujuan penyertaan yang tidak jelas dan bersungguh-sungguh
- c) Penguasaan bidang taranum yang memerlukan tempoh masa yang panjang
- d) Kesukaran dan halangan untuk mempelajari bidang taranum

Penulis menyenaraikan faktor-faktor ini adalah sebagai suatu penilaian dan analisis terhadap salah satu cabaran yang dihadapi oleh JAKIM iaitu usaha mempertingkatkan mutu dan tahap bacaan setiap peserta agar mereka mempunyai semangat berdaya saing dan memiliki kemahiran yang diiktiraf sebelum mereka menyertai MTQA. Adalah penting untuk dianalisis punca kepada masalah ini agar segala masalah yang berkaitan dapat diselesaikan hingga ke akar umbi.

4.2.1 Seseengah peserta datang dari negara Islam minoriti

Apabila pertandingan ini melibatkan pelbagai negara dari serata dunia, terdapat beberapa masalah dan risiko yang perlu kita tahu dan atasi bagi memastikan program ini dapat dijalankan dengan jayanya. Seperti yang kita tahu, taranum dan qiraat mempunyai pelbagai jenis disebabkan terdapat banyak lahjah dan dialek umat Islam yang ingin membaca kalam suci dengan penguasaan sebutan bahasa yang berbeza-beza mengikut kemampuan mereka. Maka kemahiran yang diperoleh juga berbeza-beza dan unik sekali serta tidak terikat dengan satu jenis sahaja. Begitulah keindahan Islam yang dianuti oleh pelbagai bangsa yang akhirnya menjadi satu melalui penguasaan Bahasa Arab bagi mengagungkan kalam suci al-Quran.

Walaupun begitu, terdapat segelintir masyarakat Islam yang hidup dalam kumpulan minoriti masih tercicir dalam penguasaan taranum dan qiraat ini seperti Rusia, Rom, Amerika dan Greece. Mereka ini tinggal di negara-negara besar namun majoriti masyarakatnya tidaklah memeluk agama Islam. Maka, kebudayaan Islam yang terlahir dalam masyarakat ini tidaklah menonjol sebagaimana negara-negara Islam di Timur Tengah. Malah, pengaruh bacaan yang asli Mekah dan Mesir masih lagi lemah untuk dikuasai.

Perkara ini dapat dilihat daripada kenyataan dua peserta luar negara dalam satu artikel⁹⁶ yang meminta bantuan JAKIM untuk membantu mereka dari segi pendidikan taranum di negara mereka. Ipolito Soeres dari Timur Leste berkata:

"Saya meminta jasa baik JAKIM menghantar tenaga pengajar ke Timor Leste bagi mengajar rakyat di sana membaca al-Quran dengan baik dan mempelajari pendidikan Islam keseluruhannya," katanya.

⁹⁶ Peserta Timor Leste Minta Bantuan JAKIM, *Utusan Malaysia*, 29 Julai 2010.

Sementara itu, peserta dari Bosnia Herzegovina, Senida Klisura memuji kaedah pembelajaran bacaan al-Quran di Malaysia dan mengatakan:

"Saya sempat mendapatkan tunjuk ajar daripada beberapa guru di Institut Latihan Islam Malaysia minggu lalu. Saya mendapati kaedahnya lebih baik berbanding di tanah air saya,"⁹⁷

Dua kenyataan peserta ini menggambarkan kaedah pengajian dan pendidikan al-Quran di negara mereka sangat lemah kerana kekurangan tenaga pengajar dan pakar al-Quran untuk memperkembangkan kebolehan dan kemahiran mereka dalam bidang al-Quran khususnya taranum dan qiraat.

Kenyataan ini menunjukkan dua peserta ini mengagumi kaedah pengajian al-Quran di Malaysia serta jumlah tenaga pengajar yang ramai sehingga meminta pihak JAKIM agar membantu mereka mendidik masyarakat muslim di kawasan mereka dari segi pengajian al-Quran serta Pengetahuan tentang Islam. Ini kerana kemudahan pengajaran dan pendidikan Islam yang sempurna tidak mereka perolehi dengan secukupnya di negara mereka.

⁹⁷ Peserta Timor Leste Minta Bantuan JAKIM, *Utusan Malaysia*, *op. cit.*

4.2.2 Tujuan penyertaan yang tidak jelas dan bersungguh-sungguh

Tidak dinafikan majlis seperti ini adalah untuk menarik pelancong supaya melihat keindahan Malaysia. Namun, sikap sambil lewa para peserta sehingga menyusahkan pihak pengurusan adalah perlu dielakkan dengan tapisan oleh negara itu sendiri yang perlu memilih para peserta yang benar-benar bersungguh ingin menyampaikan bacaan yang berkualiti, bukan sekadar „melepaskan batuk di tangga“ sahaja.

Jika difikirkan kembali, semua pihak perlu mengambil berat dan prihatin terhadap kualiti pertandingan, sikap tegas daripada pihak pengurusan perlu diamalkan bagi memastikan semua pihak berpuas hati dengan hasil dan tahap pertandingan ini. Jika tindakan tegas tidak diambil, maka para peserta juga akan memandang ringan terhadap susun atur pertandingan serta pelaksanaan program yang akhirnya menimbulkan bunyi yang kurang sedap didengar dari masyarakat yang hanya memerhatikan dari jauh.

Noraziha Binti Yusoff iaitu salah seorang penerbit yang terlibat dalam pelaksanaan program ini⁹⁸ melahirkan kekesalannya apabila melibatkan para peserta luar negara yang menyertai pertandingan ini seakan tidak bersungguh-sungguh dalam pertandingan ini. Sebaliknya mereka lebih suka berjalan-jalan dan hadir lewat ke lokasi pertandingan seperti tujuan mereka ke negara ini adalah untuk melancong, bukan untuk menyampaikan bacaan yang berkualiti.

⁹⁸ Noraziha Binti Yusoff, (Penerbit Bahagian Media Majlis Tilawah al-Quran Kali Ke-53 dalam temubual bersama penulis), 16 Julai 2011.

4.2.3 Penguasaan bidang taranum yang memerlukan tempoh masa yang panjang

Bidang taranum adalah suatu bidang yang memerlukan penggunaan teknik suara yang baik. Selain daripada anugerah suara yang baik yang diberikan Allah s.w.t. secara semula jadi, teknik lain untuk membentuk suara yang baik bukanlah mudah dan memerlukan latihan bacaan pembentukan suara dalam tempoh masa yang lama. Kebanyakan para tokoh qari dan qariah yang disegani pada hari ini memiliki teknik pengawalan suara yang sangat baik dan kebanyakan mereka telah dilatih untuk bertaranum semenjak dari kecil lagi.

Oleh itu, adalah sukar untuk memilih peserta yang benar-benar layak untuk memasuki pertandingan sebegini kerana jika para peserta dipilih sekadar tangkap muat sahaja, nilai dan tahap persembahan peserta yang diwakili akan menjadi tidak berkualiti dan kurang memuaskan.

Tuan Haji Radzi Bin Kamarul Hailan sewaktu ditemu bual menjelaskan bahawa kualiti bacaan yang baik dapat dihasilkan melalui bakat semula jadi qari atau qariah yang sememangnya dianugerahkan keupayaan untuk membaca al-Quran dengan baik serta dapat menyempurnakan taranum dengan mudah sekali seperti mutu suara yang baik dan kebolehan membentuk alunan taranum dengan baik.

Ustaz Nik Azizan Bin Nik Jaafar pula mempunyai pendapat yang berbeza. Beliau berpandangan bahawa semua orang mempunyai potensi menghasilkan bacaan yang baik. Jika qari atau qariah tidak mempunyai mutu suara yang baik, mereka memerlukan masa yang panjang dan usaha yang berterusan untuk menghasilkan bacaan benar-benar bemutu.

4.2.4 Kesukaran dan halangan untuk mempelajari bidang taranum

Antara yang menjadi halangannya ialah tiada ulama yang memiliki kepakaran dalam bidang ini untuk diajarkan di negara mereka. Ini adalah disebabkan negara mereka sendiri yang terlepas pandang dalam memberikan didikan pengajian Islam dan teknik bacaan al-Quran yang baik terhadap masyarakat muslim yang bersifat minoriti ini.

Kedudukan geografinya yang agak jauh dari Semenanjung Arab dan Timur Tengah juga boleh menyumbang kepada ketandusan pengetahuan bidang taranum ini. Keadaan geografi bukan sahaja mempengaruhi faktor kepada halangan dalam menguasai bidang taranum dan qiraat ini. Malah juga melibatkan aspek yang lain seperti budaya dan pengaruh yang berbeza yang semestinya lebih menekan corak budaya kehidupan barat berbanding gaya hidup dan kebudayaan Islam yang kaya dan pelbagai dari pelbagai negara Islam.

Mereka ini mengharapkan dengan pengalaman daripada pertandingan ini dengan harapan mereka dapat menimba ilmu dan pembelajaran dalam bidang taranum dan qiraat untuk diperbaiki dari semasa ke semasa. Apa yang menjadi masalahnya, pertandingan ini bukanlah masih di tahap sekadar mengharapkan para peserta menimba pengalaman, malah pertandingan ini mengharapkan lebih daripada itu. Teknik bacaan yang baik dan sempurna dari segala segi sudah tentu menjadi tuntutan dan harapan dalam pertandingan ini.

Dr. Mochamet, 29, yang merupakan peserta dari Greece yang pertama menyertai majlis tilawah ini sejak ia dianjurkan mengakui berasa sangat bertuah.

"Umat Islam di Greece ialah kaum minoriti. Jadi, kami sukar untuk mendapat tunjuk ajar daripada pakar di sana."

"Mujur saya mendapat pendidikan di Universiti Al-Azhar, Mesir dan didedahkan dengan bacaan taranum dan di situlah saya mula bergiat dalam tilawah al-Quran,"⁹⁹

Kenyataan Dr. Mochamet ini menceritakan kesukaran yang dihadapi oleh beliau dan masyarakat muslim di Greece. Melihat kepada kedudukan Greece yang sangat jauh dari kawasan negara-negara Islam serta berada di sekitar benua Eropah menjadi faktor golongan ini menjadi golongan minoriti dan sukar mendapat tenaga pakar dalam mendidik dan membudayakan al-Quran di sana.

Berbanding kehidupan masyarakat Malaysia yang sentiasa mendapat pendedahan agama, jauh sekali dibandingkan mereka dalam merasai nikmat budaya dan kesenian Islam, apatah lagi untuk mendengar laungan azan lima waktu di tempat mereka. Halangan seperti inilah yang menjadikan golongan minoriti sukar menghantar wakil bagi negara mereka ke pertandingan MTQA.

⁹⁹ Mohd. Shah Che Ahmad, Tilawah al-Quran Terus Dapat Sambutan, *Utusan Malaysia*, 21 Julai 2011.

4.3 SISTEM PELAKSANAAN

Sistem pelaksanaan adalah suatu proses terpenting yang bertanggungjawab memastikan segala aktiviti pertandingan ini berjalan dengan baik. Kajian yang penulis jalankan menunjukkan bahawa pertandingan ini tidak mengalami perubahan dan dijalankan secara tetap dan sama sahaja pada setiap tahun. Tiada perubahan dilakukan bagi memastikan pertandingan ini mempunyai inovasi baru yang tersendiri serta mendapat tempat di hati masyarakat. Jika ada perubahan yang dilakukan, hal itu tidaklah melibatkan suatu rombakan besar dari segala segi kerana segalanya harus mengikut tradisi pertandingan dan protokol yang ditetapkan pada setiap tahun.

Terdapat beberapa perkara yang telah penulis kenal pasti yang menjadi punca sistem ini berjalan tanpa menerima inovasi yang ketara untuk kita lihat. Antaranya ialah:

- a) Protokol DiRaja
- b) Jangka usia pertandingan yang hampir setengah abad
- c) Keterbiasaan dunia Islam dengan gaya pertandingan ini
- d) Tiada pertandingan lain yang setaraf

Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan sebuah realiti televisyen berkaitan tilawah al-Quran baru yang menghidangkan kepada penonton cara bacaan dan metode pertandingan yang agak berbeza daripada pertandingan tilawah al-Quran sebelum ini. Rancangan tersebut dinamakan sebagai Akademi Al-Quran. Rancangan ini bukan sahaja berperanan sebagai rancangan alternatif selain rancangan realiti yang berunsurkan hiburan bagi menarik para penonton agar mencintai al-Quran berbanding hiburan yang kosong, malah ia juga mewujudkan suatu persaingan baru

kepada pertandingan tilawah al-Quran yang selama ini dilaksanakan mengikut tradisinya selama 56 tahun.

4.3.1 Protokol DiRaja

Apabila Yang DiPertuan Agong dan Permaisuri menjadi tetamu utama sesuatu program yang dijalankan. Adalah perlu untuk mengikut prosedur dan garis protokol DiRaja yang ditetapkan kerana Raja mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan mempunyai adat istiadat yang tersendiri yang perlu diikuti. Maka, apabila program sebegini dijalankan, kepentingan protokol istana perlu diutamakan sebelum melakukan persiapan yang agar tidak bertembung dengan protokol yang telah ditetapkan. Dengan persiapan yang rapi dan sempurna, segala pelaksanaan yang lain akan menjadi lebih mudah.

Jika kita lihat di dalam atur cara yang disediakan dalam buku program MTQA¹⁰⁰, upacara menyambut kehadiran Sultan dan mengiringi keberangkatan Sultan mendominasi atur cara ini serta mengambil masa yang agak lama. Namun itu bukanlah suatu kesalahan kerana sudah menjadi ketetapan dalam protokol untuk meraikan tetamu kehormat yang datang dalam sesuatu majlis.

¹⁰⁰ Rujuk lampiran, Gambar 21: Atur cara Majlis 2011 (Malam Pembukaan).

4.3.2 Jangka usia pertandingan yang melangkaui setengah abad

Tanpa kita sedar, usia pertandingan ini sudah pun melampaui setengah abad iaitu selama 56 tahun. Ini adalah antara program yang tertua pernah dijalankan di Malaysia. Maka, apabila tempoh yang panjang ini sudah pasti pertandingan ini mempunyai tempat dan pengaruhnya yang tersendiri. Sistem pelaksanaannya juga sudah sekata dan seragam kerana keterbiasaan program ini yang aktif dijalankan pada setiap tahun. Namun, wartawan Siti Ainiza dari Utusan Malaysia mengatakan dalam artikelnya:

“Pada hari perasmian Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-51 di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini, bolehlah diistilahkan, ramai peserta daripada penonton!”¹⁰¹

Kenyataan sinis ini menggambarkan pandangan media yang mengambil berat terhadap kehadiran dan sambutan penonton yang kurang memberangsangkan ketika menghadiri MTQA 2009. Ini menunjukkan bahawa masyarakat sudah mulai bosan dengan cara dan teknik penganjuran dan pertandingan yang kurang menarik perhatian serta tidak mengikut perkembangan semasa.

Jika dilihat dari segi teknik pertandingan pada hari ini yang lebih berunsurkan rancangan realiti serta meraih perhatian dan sambutan penonton melalui undian sistem pesanan ringkas (SMS), MTQA dilihat agak ketinggalan. Seharusnya sebagai sebuah pertandingan yang berprestij dan bertahan, MTQA perlu mengikut perkembangan semasa serta mendengar pendapat dan idea baru agar kelangsungannya dapat diteruskan tanpa mengabaikan kehendak dan kepuasan penonton.

¹⁰¹ Siti Ainiza Kamsari, Hebatkan Promosi Bagi Jayakan Tilawah, *Utusan Malaysia*, 11 Ogos 2009.

4.3.3 Keterbiasaan dunia Islam dengan gaya pertandingan ini

Seperti yang pernah penulis sebutkan sebelum ini. Pertandingan tilawah al-Quran anjuran Malaysia adalah sebuah pertandingan yang mempunyai taraf yang tersendiri dan menjadi rujukan bagi pertandingan-pertandingan tilawah al-Quran yang lain. Dari sini dapat kita lihat keterbiasaan negara-negara Islam yang lain dalam mengikuti teknik dan sistem pelaksanaan program tilawah al-Quran di Malaysia. Menilai dari sifat pertandingan ini yang menjadi sumber rujukan, maka tidak dapat tidak pertandingan ini dan pertandingan lain akan menjadi seragam dengan sistemnya yang tersendiri dan kekal dari tahun ke tahun.

Di dalam satu artikel yang ditulis oleh Siti Ainiza Kamsari, beliau secara jujur mengkritik kelesuan pertandingan ini yang tidak mengalami proses perubahan dalam tempoh yang sangat lama. Melalui ulasannya di hujung penulisan beliau berkata¹⁰²:

“Bagaimanapun, mungkin kurang tepat untuk kita mengatakan Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa tidak mendapat tempat di hati umat Islam di negara ini. Sebabnya, kejayaan menganjurkannya saban tahun menunjukkan majlis itu berjaya menarik kunjungan umat Islam. Apatah lagi dengan jumlah qari dan qariah yang bertambah setiap tahun. Sesungguhnya majlis itu umpama satu ibadah yang bersifat fardu kifayah jika kita lihat dari aspek hukumnya.

Namun setiap tahun perlu menyaksikan perubahan, tidak setakat perubahan dari aspek pembinaan astaka, tetapi mungkin lebih dari itu!”

Dari ketegasan yang disampaikan, jelas menunjukkan pengarang ini menghormati penganjuran MTQA, namun beliau masih menuntut pihak penganjur agar melakukan perubahan di dalam struktur pertandingan ini.

¹⁰² Siti Ainiza Kamsari, Hebatkan Promosi Bagi Jayakan Tilawah, *Utusan Malaysia*, 11 Ogos 2009.

4.3.4 Tiada pertandingan lain yang setaraf

Apabila pertandingan ini tidak menerima persaingan yang ketara dari pertandingan lain yang bersifat antarabangsa. Maka ia merupakan suatu perkara yang perlu dirisaukan kerana tiada inovasi yang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa. Apabila tiada inovasi atau pembaharuan dalam program ini, pastinya program ini akan ketinggalan daripada gaya arus semasa.

Sheikh Alaa¹⁰³ Mohd Ali al-Qari dari Iraq yang menjadi hakim tajwid berkata di dalam artikel Utusan Malaysia bahawa beliau sentiasa menunggu-nunggu jemputan Malaysia untuk menghadiri tilawah antarabangsa kerana tilawah anjuran negara ini adalah yang paling berprestij. Beliau berkata lagi, Malaysia bukan sahaja unggul dalam pengendalian dan pengurusan tilawah tetapi juga yang terbaik dari segi persediaan dan sambutan kepada para hakim yang bertugas.

“Sebab itu saya sanggup membatalkan jemputan yang lain jika ia bertembung dengan tugas sebagai hakim tilawah antarabangsa di Malaysia. Walaupun jaraknya jauh tetapi saya rasa adalah menjadi tanggungjawab untuk hadir pada tilawah di sini,”¹⁰³

Kenyataan ini menjelaskan betapa MTQA ini dipandang tinggi oleh masyarakat dan sukar ditandingi oleh pertandingan-pertandingan tilawah negara lain yang setaraf dengannya sehingga jemputan yang ditawarkan sukar ditolak oleh penerimanya disebabkan kehebatannya.

¹⁰³ Mohd Radzi Mohd Zain, Tilawah Berprestij, *Utusan Malaysia*, 24 Ogos 2007

4.4 HADIAH DAN GANJARAN

Hadiah dan ganjaran juga menjadi topik yang sering diperbualkan apabila ganjaran yang ditawarkan kepada pemenang adalah sedikit berbanding hadiah kemenangan daripada pertandingan lain yang berunsurkan hiburan yang melalaikan. Topik ini perlu dibincangkan kerana terdapat pihak yang tidak menyenangi pemberian hadiah ini kerana bersifat mempertandingkan tilawah al-Quran serta untuk bermegah-megah.

Penulis berpendapat terdapat fungsi-fungsi dan manfaat tertentu pada hadiah, yang dapat memberi kebaikan kepada dakwah yang berunsurkan hiburan ini. Secara tidak langsung, nilai ganjaran yang tidak seberapa ini tidak dapat memberikan persaingan yang sengit kepada pertandingan yang berunsurkan hiburan yang lain sehingga akhirnya kita kalah apabila masyarakat terus hanyut dibuai fenomena *hedonisme* daripada mencari ketenangan dengan menghayati alunan syahdu bacaan al-Quran daripada pelbagai negara dari seluruh dunia.

- a) Pemangkin kepada kualiti bacaan yang bermutu
- b) Memberi persaingan kepada pertandingan berunsur hiburan yang lain
- c) Meningkatkan nilai penganjuran program tilawah al-Quran
- d) Memberi galakan kepada masyarakat

Senarai di atas adalah fungsi dan manfaat yang dapat diperolehi melalui penyediaan hadiah dan ganjaran kepada para pemenang MTQA pada setiap tahun. . Mungkin di mata sesetengah pihak perkara seperti ini adalah remeh, namun jelas kesannya kita dapat lihat apabila masyarakat muslim lebih tertarik untuk mengejar hadiah lumayan dalam pertandingan yang berunsurkan hiburan berbanding pertandingan yang menekankan ciri-ciri keislaman seperti ini.

4.4.1 Pemangkin kepada kualiti bacaan yang bermutu

Apabila hadiah yang diperoleh mempunyai nilai yang tersendiri sama ada dari segi wang atau dalam bentuk lain, tetapi mampu memberi inspirasi kepada pemenang dan peserta, maka hadiah itu adalah aspek terpenting bukan sebagai unsur material yang dikejar atau dituju, tetapi sebagai inspirasi kepada peserta untuk melakukan yang terbaik. Maka hadiah dan ganjaran itu mempunyai nilai estetika yang tersendiri.

Dalam artikel Utusan Malaysia ada menyatakan:

“Selain menyuntik semangat kepada para qari dan qariah sedia ada, ia juga mampu menjadi pemangkin kepada generasi muda untuk berjinak-jinak dengan al-Quran seterusnya mendalami bidang taranum.

Walaupun insentif dan hadiah itu bukanlah matlamat utama penyertaan qari dan qariah dalam tilawah tetapi langkah kerajaan ini membuktikan pengiktirafan negara kepada golongan pembaca al-Quran.

Johan qari dan qariah tilawah peringkat antarabangsa sebenarnya adalah pengiktirafan tertinggi kepada kebolehan dan tahap pencapaian mereka dalam seni pembacaan al-Quran. Maka, amat wajar mereka diberi penghargaan malah diberi kedudukan yang tinggi dalam masyarakat.”¹⁰⁴

Dengan wang dan ganjaran yang diberikan, para johan qari dan qariah lebih mudah untuk menjalankan sebarang aktiviti dan usaha mereka untuk menambah ilmu dan pengetahuan mereka untuk mempelajari ilmu taranum dan qiraat dengan lebih mendalam. Pada zaman yang serba moden ini sukar untuk mendapatkan sesuatu perkara dan pengetahuan dengan percuma. Segala-galanya memerlukan bantuan kewangan atau perkara yang bersifat material. Diharapkan dengan ganjaran ini dapat memudahkan jalan para qari dan qariah untuk mendalami ilmu mereka dalam bidang taranum dan qiraat.

¹⁰⁴Mohd Radzi Mohd Zin, Insentif Khas Iktiraf Pembaca al-Quran Langkah Tepat, *Utusan Malaysia*, 5 Mac 2010.

4.4.2 Memberi persaingan kepada pertandingan berunsur hiburan yang lain

Apabila suatu perbandingan dilakukan, Pertandingan Tilawah al-Quran Antarabangsa yang hadiah kemenangan sebanyak RM 30, 500 dengan hadiah kemenangan Rancangan Realiti Mania yang berjumlah RM 500 000, yang manakah kita akan pilih untuk ditonton? pasti yang lebih mahal harganya. Lalu, bagaimana ingin memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang nilai ayat-ayat Allah yang dibacakan saban tahun? Adakah salah media massa yang kurang mempromosikan aktiviti berunsur keagamaan atau nilai kesedaran masyarakat Malaysia yang semakin rapuh? Mohd Radzi Mohd Zain mengatakan dalam artikelnya:

“Jika kelompok penggiat seni hiburan berbangga dengan Grammy Awards anjuran Akademi Sains, Seni dan Rakaman Akademi Kebangsaan Amerika Syarikat maka kita juga tidak kalah kerana mempunyai tilawah al-Quran peringkat antarabangsa yang lebih berprestij dan 'hebat' daripada Grammy Award.”¹⁰⁵

Mengenai keputusan pemberian wang intensif kepada johan qari dan qariah setiap tahun, beliau juga berkata lagi:

“Insentif ini dilihat mampu mempopularkan lagi pembelajaran seni berlagu al-Quran. Barulah kelihatan ada keseimbangan antara seni hiburan dan seni berlagu (taranum).”¹⁰⁶

¹⁰⁵ Mohd Radzi Mohd Zin, Insentif Khas Iktiraf Pembaca al-Quran Langkah Tepat, *Utusan Malaysia*, 5 Mac 2010.

¹⁰⁶ *Ibid.*

4.4.3 Meningkatkan nilai penganjuran program tilawah al-Quran

Selain daripada sambutan yang hangat oleh penonton, nilai dan tahap kehebatan sesebuah penganjuran dapat dilihat melalui jumlah hadiah kemenangan dan jumlah tajaan dari syarikat-syarikat yang ternama. Apabila jumlah wang dinaikkan, bermakna sesuatu program itu ada keistimewaan yang tersendiri sehingga mendapat tajaan hadiah yang dinaikkan oleh para penaja.

Sambutan yang diterima dari pelbagai pihak untuk menghadiahkan sejumlah wang yang lumayan kepada pemenang menunjukkan usaha dan kesusahan para peserta menyampaikan bacaan yang bermutu itu dihargai dan digemari penonton mahupun para penaja. Seperti yang telah penulis sebutkan sebelum ini tentang perbezaan yang ketara antara wang hadiah yang diberikan kepada pemenang pertandingan berunsurkan hiburan berbanding pertandingan yang berunsurkan kerohanian seperti ini menunjukkan masyarakat lebih menggemari atau menghargai seni hiburan semata-mata berbanding seni hiburan berunsurkan Islam.

Jelas ini membuktikan bahawa nilai penganjuran pertandingan sebegini dipandang enteng bukan sahaja oleh penonton, malah oleh para penaja yang berasa tiada keuntungan dapat diperoleh daripadanya. Tan Sri Hassan Azhari¹⁰⁷ juga menyatakan perubahan yang ingin beliau lihat dalam program seperti ini ialah jumlah hadiah yang setaraf dengan kelayakan dan usaha para peserta yang bersungguh-sungguh menyampaikan bacaan yang bermutu.

¹⁰⁷ Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari, (Juri dan Hakim Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa), dalam temu bual dengan penulis, 4 Julai 2011.

4.4.4 Memberi galakan kepada masyarakat

Pada zaman yang serba moden ini, segala-galanya memerlukan wang dan bantuan kewangan termasuklah untuk belajar ilmu agama atau kerohanian. Maka dengan pemberian hadiah ini, bebanan belanja dan kos peserta untuk mendalami pengajian taranum dan qiraat dapat dipermudahkan dan diringankan. Dengan cara ini, masyarakat akan lebih rasa terdorong untuk menambahkan ilmu di dalam bidang ini seterusnya menghasilkan bacaan yang baik dan boleh dicontohi.

Bersesuaian dengan taraf penganjuran yang berada di peringkat antarabangsa, para peserta yang menyertai datang dari serata dunia dan itu bukanlah suatu usaha yang kecil tanpa bantuan kewangan. Dengan hadiah yang diberikan segala kesusahan yang dialami peserta terbalas apabila kesungguhan mereka dibalas dengan ganjaran yang setimpal agar menjadi pemangkin kepada usaha yang lebih baik lagi.

Sebagai contoh, lagenda qariah tilawah al-Quran iaitu Puan Hajah Faridah Binti Mat Saman yang telah menjuarai MTQA sebanyak lapan kali membuktikan bahawa usaha dan kemenangan yang beliau rasai menjadi pemangkin kepada usaha yang konsisten untuk beliau sentiasa memperbaiki bacaan sehingga beliau sering menjadi johan pertandingan ini. Melalui penghargaan dalam bentuk hadiah, masyarakat akan lebih berdaya saing dan berusaha memperbaiki bacaan mereka. Firman Allah s.w.t:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۗ أَيْنَ مَا
تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Al-Baqarah 2: 148

“Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) Yang masing-masing menujunya, oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan, kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan), Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

4.5 BANTUAN TAJAAN DAN PERBELANJAAN

Kerajaan Malaysia adalah satu-satunya badan yang menaungi dan menaja segala perbelanjaan pertandingan ini. Pada tahun 2010, kira-kira sebanyak RM 5 juta lebih telah digunakan untuk menampung perbelanjaan pertandingan ini¹⁰⁸. Ini adalah suatu jumlah yang besar untuk ditanggung oleh kerajaan. Pendapat penulis, penganjuran majlis seperti ini tidak wajar diletakkan tanggungjawabnya ke atas kerajaan sahaja. Bahkan badan-badan gergasi swasta yang mempunyai keuntungan yang tinggi sewajarnya menunjukkan rasa prihatin mereka untuk sama-sama merealisasikan pertandingan ini dengan menaja sebahagian daripada jumlah perbelanjaan ini. Dari sini, rasa tanggungjawab untuk memastikan taraf pertandingan ini terus digilap dan ditingkatkan akan tersemam dalam hati masyarakat dan badan-badan bukan kerajaan.

Penulis berpendapat bahagian penajaan akan lebih aktif dan menyumbang sekiranya badan-badan bukan kerajaan turut sama memainkan peranan di dalam aktiviti penganjuran MTQA ini. Antaranya:

- 1) Melahirkan rasa tanggungjawab oleh masyarakat
- 2) Meningkatkan peranan khidmat bakti swasta kepada kerajaan
- 3) Melaksanakan idea-idea baru
- 4) Meningkatkan sambutan di kalangan masyarakat

¹⁰⁸ Abdul Rahman Bin Abdullah, (Pegawai Bahagian Perhubungan JAKIM), dalam temubual dengan penulis 18 Jan 2012.

4.5.1 Melahirkan rasa tanggungjawab oleh masyarakat

Tidak dinafikan bahawa penganjuran pertandingan yang dikelolakan oleh kerajaan ini berada di tahap yang baik kerana kerajaan telah memiliki pengalaman selama bertahun-tahun untuk mengendalikan penganjuran ini. Encik Sahlan Bin Idris¹⁰⁹ yang merupakan Ketua Sekretariat MTQA 2011 ketika ditemu bual mengatakan:

“Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa telah mencapai standardnya yang tersendiri kerana dijalankan secara tetap pada setiap tahun”

Namun sedar atau tidak, pertandingan ini semakin dipandang sepi oleh masyarakat kerana penglibatan masyarakat dalam penganjuran ini amatlah kecil peranannya. Maka rasa tanggungjawab untuk memastikan program ini sentiasa mendapat sambutan dari masyarakat kurang sekali. Siti Ainiza melalui artikelnya menceritakan keadaan sambutan penonton:

“ Tidak ada pemandangan di mana umat Islam datang berduyun-duyun, bersama-sama ahli keluarga, sanak saudara berpakaian sopan berwarna warni bagi memeriahkan acara yang setahun sekali ini.

"Jangan prasangka buruk, mungkin mereka lebih selesa dengan hanya menonton di televisyen di rumah sambil boleh makan dan minum atau baring," kata rakan setugas, Saifulizam Mohamad.

"Mungkin juga," kata penulis separuh berbisik sambil meninjau bangku-bangku yang masih banyak kosong di dewan itu.

Begitupun apabila penghormatan diberikan kepada Malaysia bagi menganjurkan acara yang sebegini hebat, malangnya kita tidak menganggapnya sebagai satu nikmat”¹¹⁰

¹⁰⁹ Haji Sahlan Bin Idris (Merangkap Ketua Sekretariat, Bahagian Perhubungan JAKIM), dalam temubual dengan penulis, 16 Julai 2011 dan 18 Jan 2012.

¹¹⁰ Siti Ainiza Kamsari, Hebatkan Promosi Bagi Jayakan Tilawah, *Utusan Malaysia*, 11 Ogos 2009.

Justeru itu, untuk menjadikan pertandingan ini suatu fenomena baru kepada masyarakat terutamanya golongan muda adalah sukar dan memerlukan pendekatan yang berbeza dari yang sebelumnya. Melalui pengamatan ini, penulis merasakan adalah menjadi tanggungjawab masyarakat untuk turut sama „turun padang“ dan memeriahkan program ini melalui perhatian, rasa cinta dan kepekaan untuk mengikuti MTQA agar masyarakat dapat menerobos dinding perubahan dari segi dalam penganjuran yang dilaksanakan setelah sekian lamanya.

4.5.2 Meningkatkan peranan khidmat bakti syarikat swasta kepada kerajaan

Melihat kepada perkembangan pelbagai jenis penganjuran yang berkualiti hasil kerja pihak swasta, penulis yakin jika pihak kerajaan menjalinkan suatu usaha sama dengan pihak swasta untuk menjayakan penganjuran ini, pastinya suatu inovasi baru bakal berlaku dalam pertandingan ini yang akan menarik minat masyarakat untuk menyertainya kerana penulis yakin idea dan cadangan yang diberikan oleh pihak swasta lebih segar dan memenuhi cita rasa masa kini.

Contoh program yang diberi nafas baru seperti Rancangan Kartun „Kampung Boy“ yang merupakan siri kartun yang paling lama telah dicipta oleh warganegara Malaysia. Dahulunya pernah ditayangkan dalam versi „hitam putih“, kini sudah mempunyai pembaharuan dalam versi „berwarna“ serta ditayangkan di pelbagai rancangan televisyen seperti Disney, Astro Ceria dan lain-lain

Dari situ dapat dilihat dengan bantuan atau penajaan dari pihak swasta atau badan-badan bukan kerajaan, maka akan lahir suatu semangat untuk meningkatkan tahap kualiti MTQA ini dengan adanya usaha sama yang dilakukan oleh swasta, badan-badan bukan kerajaan serta masyarakat.

4.5.3 Melaksanakan idea-idea baru

Kita sedia maklum bahawa kerajaan telah memperuntukkan wang perbelanjaan secara tetap untuk menganjurkan pertandingan ini. Hasrat murni kerajaan untuk memastikan program ini dilaksanakan pada setiap tahun telah pun kita lihat hasilnya selama 56 tahun. Namun, kita juga perlu memberi ruang kepada pihak swasta untuk sama-sama berganding tenaga menaja program ini. Ini kerana di Malaysia, kesungguhan pihak swasta melaksanakan sesuatu program dapat dilihat dengan jelas seperti Astro, TV3, TV al-Hijrah dan banyak lagi.

Pihak-pihak ini harus diberi peluang untuk mengemukakan pandangan dan idea-idea bernas yang mungkin boleh membuat pembaharuan dan mencetuskan fenomena baru dalam seni hiburan berunsurkan Islam sekali gus menarik perhatian masyarakat di dalam dan luar negara untuk terus bersemangat mendengar dan menonton MTQA ini. Tujuan utamanya bukanlah untuk bermegah-megah, tetapi untuk berdakwah dalam suasana meriah dan penuh bermaruah.

Dengan bantuan pihak swasta, akan lahir idea-idea baru untuk mempertingkatkan mutu penganjuran program ini kepada yang lebih baik. Golongan ini dikumpulkan dalam satu mesyuarat atau perbincangan dan pendapat-pendapat serta idea mereka perlu didengari dan dipertimbangkan. Strategi pelaksanaannya juga dapat diperkemaskan lagi dengan bantuan mereka apabila pihak-pihak yang mempunyai pengalaman yang luas ini dikumpul dan berkongsi idea untuk menghasilkan idea baru dalam memartabatkan penganjuran MTQA ini. Seperti penambahan kategori Pertandingan Menghafaz al-Quran dalam MTQA pada tahun

2014 serta hadiah jongkong emas Bernilai RM 70 000 Sumbangan YAPEIM kepada para pemenang pada tahun 2013 dan 2014.¹¹¹

4.5.4 Meningkatkan sambutan di kalangan masyarakat

Apabila masyarakat atau pihak swasta dibuka untuk menaja program ini, secara tidak langsung mereka akan memberi perhatian terhadap kemajuan pertandingan ini seterusnya memberikan galakan dan semangat tiap kali program ini dijalankan.

Ketidaklibatan masyarakat dalam program ini pada pandangan penulis mempengaruhi tahap sambutan masyarakat terhadap penganjuran pertandingan ini. Malah, jika tajaan dibuka kepada syarikat swasta di luar negara, pertandingan ini juga akan mendapat sambutan dan liputan meluas di luar negara.

Dunia hari ini menuntut manusia kemajuan dan kemampuan dari segi wang dan pengorbanan. Dan bagi orang yang beriman, kejayaan telah dijanjikan seperti di dalam firman Allah s.w.t :

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ
الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا



Al-Israa' 17: 9

Terjemahan: Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang benar (Agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan bagi orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

¹¹¹ Rujuk Bab 2, hlm. 64.

4.6 MASALAH-MASALAH LAIN

Antara perkara yang menimbulkan rasa kecewa bagi Haji Sahlan Bin Idris¹¹² ialah tujuan para peserta dari luar negara yang datang menyertai pertandingan ini yang sebenarnya ingin melancong. Apabila diminta berlatih, mereka memberikan pelbagai alasan. Begitu juga dengan masalah yang biasa dihadapi ialah masalah untuk menguruskan peserta antarabangsa. Namun, semuanya masih di bawah kawalan.

Masalah lain pula adalah seperti penyambut tetamu bagi orang awam yang sangat ramai. Ada juga tetamu yang tidak sengaja terduduk di tempat duduk dif-dif kehormat. Masalah seperti ini adalah kes-kes terpencil yang berlaku. Selain itu kerjasama dari setiap bahagian agak sukar kerana melibatkan banyak pihak. Kekurangan yang biasanya berlaku dan perlu diubah ialah dari segi ketepatan masa, dan tentang masalah tetamu. Kadangkala, para peserta tilawah pergi ke mana-mana, mereka tidak memberitahu pihak yang bertugas.

1) Tempat duduk

Tempat duduk yang tidak mencukupi menjadi masalah kepada penonton yang ingin menyaksikan MTQA secara langsung. Dari pemerhatian penulis semasa berada di lokasi program, keadaan ini berlaku semasa malam majlis perasmian dan malam penutupan MTQA di mana jumlah penonton yang hadir sangat ramai sehingga memenuhi ruang luar dewan¹¹³.

2) Ketepatan masa

¹¹² Haji Sahlan Bin Idris (Merangkap Ketua Sekretariat, Bahagian Perhubungan JAKIM), dalam temubual dengan penulis, 16 Julai 2011 dan 18 Jan 2012.

¹¹³ Rujuk gambar 32, 33, 34 dan 36.

Masalah ini sering berlaku di kalangan peserta yang menyertai pertandingan ini. Ada sesetengah peserta yang tidak menepati masa sehingga hampir mengganggu kelancaran perjalanan program.

3) Kerjasama dari semua pihak

Oleh sebab jawatankuasa pengelola dan melibatkan kerjasama dari badan-badan lain. Adalah sukar untuk menyatukan semua pihak terutamanya sewaktu pelaksanaan program.

4) Kejelasan pentas

Penggunaan LCD projektor yang agak kabur menyebabkan para penonton sukar melihat persembahan dengan jelas terutamanya penonton yang mendapat tempat di bahagian belakang.

4.7 KESIMPULAN

Daripada huraian dan penerangan tersebut, secara ringkas apa yang dapat penulis simpulkan ialah perlunya perubahan sistem penganjuran. Melalui zaman yang semakin maju, masyarakat muslim di Malaysia secara khususnya dan luar negara secara amnya perlu diberi nafas baru dalam program penganjuran ini agar kelestariannya dapat dikekalkan seterusnya menarik perhatian generasi baru untuk terus menghayati kesenian Islam dalam bentuk seni suara ini.

Dalam melebarkan dakwah mengikut arus semasa, suatu perubahan dan penghijrahan kepada yang lebih baik adalah penting. Hal ini tidaklah bermaksud pihak penganjur perlu merubahnya secara keseluruhan, tetapi secara perlahan-lahan dan mengikut cita rasa masyarakat muslim kini di samping mendaulatkan keagungan mukjizat al-Quran.

Kerjasama dari semua pihak juga penting dalam memastikan program MTQA ini terus berjalan dengan jayanya dari tahun ke tahun. Dengan adanya sokongan dan galakan yang tidak berbelah bagi sama ada dari pemerintah mahu pun masyarakat dalam dan luar negara, MTQA pasti akan menjadi sebuah program yang mendapat sambutan dan memberi kepuasan kepada semua pihak dari segi material dan spiritual.

BAB 5

Universiti Malaya

BAB 5

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Kajian ini bersifat kualitatif telah digunakan untuk menganalisis dan mengkaji perkembangan penganjuran MTQA. Segala maklumat yang dikumpulkan kebanyakannya adalah bersumberkan rujukan Primer iaitu temubual bersama tokoh-tokoh tilawah dan peserta tilawah al-Quran, Laporan Mesyuarat, Rakaman RTM, Arkib Utusan, buku-buku keluaran JAKIM, pemerhatian MTQA secara langsung di PWTC, serta rujukan dari artikel dan surat khabar. Didapati segala maklumat yang diperoleh, diteliti dan dianalisis telah mencapai objektif yang telah dirangka.

Menyentuh tentang sejarah tertubuhnya penganjuran MTQA seawal 1947 sehinggalah ke hari ini. Analisis yang dilakukan berdasarkan peristiwa yang berlaku sebelum merdeka dan selepas merdeka. Penulis mendapati masa yang menjadi titik permulaan penganjuran MTQA ialah pada 1961, seterusnya penganjuran ini diteruskan dari tahun ke tahun hingga kini. Penulis juga telah menghuraikan serba sedikit apakah pembaharuan yang dialami di dalam tilawah al-Quran pada masa kini seiring dengan perubahan masa dan modenisasi.

Selain itu, analisis yang dilakukan di dalam MTQA yang mengalami perubahan dari semasa ke semasa sama ada dari segi tema, struktur organisasi, astaka, jumlah peserta dan hadiah yang diterima oleh peserta. Aspek-aspek ini dianalisis perkembangannya yang pada akhirnya menampakkan keunikan tersendiri yang ada pada MTQA. Ada juga beberapa perkara yang agak jarang mengalami perubahan seperti upacara dan perjalanan majlis dan sistem pemarkahan. Di sini penulis merangka secara terperinci bagaimana setiap bahagian ini berfungsi pada setiap tahun.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak penganjur dalam melestarikan MTQA pada setiap tahun juga telah memainkan perkara penting dalam menambahbaik MTQA dari semasa ke semasa. Penulis juga mengupas beberapa masalah yang dihadapi serta faktor-faktor yang menjadi punca masalah tersebut agar para pembaca dan pihak yang terlibat dapat memikirkan idea dan cara penyelesaian masalah ini berdasarkan faktor-faktor yang diberikan. Kebanyakan masalah ini diamati melalui pembacaan dari komen wartawan dalam artikel akhbar, temu bual para penonton secara langsung di PWTC, temu bual pendapat para tokoh-tokoh tilawah dan pemerhatian penulis sendiri.

Secara keseluruhannya, kajian ini bukanlah bertujuan mengkritik hasil usaha JAKIM yang telah menganjurkan program ini sejak sekian lama, namun sebagai sebuah program yang dikenali di peringkat antarabangsa, MTQA harus melakukan perubahan ke arah yang lebih baik agar dapat meraih perhatian penonton untuk terus memberikan sokongan dan sambutan terhadap program ini. Sambutan penonton dan sokongan dari pihak media dan badan bukan kerajaan adalah sangat perlu agar MTQA tidak terus berada di „zon selesa“ dan sentiasa berdaya saing dalam melestarikan lagi penganjuran ini ke tahap yang lebih baik.

Walau bagaimana pun, usaha untuk mempertingkatkan mutu dan standard penganjuran ini perlu dipertingkatkan dan mengikut arus semasa agar mesej dakwah yang ingin disampaikan bersesuaian dengan kehendak semasa serta mendapat tempat di hati masyarakat. Ini kerana dalam melalui arus peredaran masa, suasana dan kehendak semasa masyarakat pasti akan berubah. Sekiranya tiada perubahan yang dilakukan dan hanya sekadar mengisi ruang aktiviti yang sama pada setiap tahun, program ini bukan sahaja menjadi sesuatu yang membosankan, malah visi dan matlamat dakwah yang cuba diterapkan juga tidak dapat disampaikan dengan baik.

Berdasarkan kajian, penelitian dan penulisan yang telah dilakukan, penulis telah menyedari dan merangkumkan kesimpulan daripada hasil penelitian kajian ini bahawa objektif untuk menganalisis sejarah penubuhan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa yang dianjurkan oleh negara Malaysia, menganalisis proses penganjurannya serta cabaran-cabarannya kini telah tercapai. Aktiviti yang dianjurkan ini bukan sahaja mendapat perhatian di Malaysia malah juga di luar negara. Meskipun terdapat beberapa spekulasi yang hangat diperkatakan seperti struktur penganjurannya tidak mengikut perkembangan semasa, namun fungsi dan manfaat yang dapat kita lihat tetap sama iaitu untuk melestarikan bacaan al-Quran seni berlagu serta menenangkan dan memberi penghayatan yang tinggi buat pencinta al-Quran.

5.2 CADANGAN

Tidak dapat dipertikaikan lagi seni tilawah al-Quran adalah salah satu daripada seni Islam yang sangat indah. Melalui seni suara ini, begitu banyak hati-hati yang telah terpegun dan tersentuh dengan kebesaran dan kehebatan Allah s.w.t. yang telah menciptakan manusia serta memberikan anugerah keindahan suara ini agar manusia dapat memuji-Nya dan mensyukuri nikmat-Nya.

Seni qiraat pula memperlihatkan kepada kita mengenai kepelbagaian lajiah dan dialek yang mencerminkan kepelbagaian fahaman dan pemikiran masyarakat muslim di seluruh dunia yang hidup di bawah satu agama iaitu Islam. Melalui perbezaan ini, bukanlah satu peluang untuk kita menilai dan membuat perbandingan yang mana salah dan benar. Sebaliknya adalah untuk kita mencari titik keserasian kerana setiap lajiah yang ada dipimpin oleh tujuh imam yang mempunyai ilmu yang tinggi dan kehebatan mereka ini tidak dapat dipertikaikan.

Sehubungan dengan itu, alangkah bagusnya sekiranya struktur pertandingan dan pemarkahan ini dipertingkatkan lagi di mana para peserta perlu melengkapkan diri mereka dengan menguasai ketujuh-tujuh jenis qiraat yang ada tanpa meninggalkan kemampuan mereka untuk bertaranum dengan baik. Tugas untuk menguasai ketujuh qiraat ini bukanlah mudah, namun peserta yang berjaya melengkapkan elemen ini sememangnya layak digelar pemenang kerana kehebatannya menguasai seluruh bidang qiraat dan taranum.

Selain itu, penulis mencadangkan agar pihak penganjur memperbanyakkan lagi usaha menjemput pihak-pihak dari badan swasta untuk menaja pertandingan sebegini agar beban kewangan yang ditanggung oleh kerajaan dapat dikurangkan seterusnya meningkatkan komitmen masyarakat untuk memberikan kerjasama dan perhatian dalam „menghidupkan“ lagi pertandingan ini. Tugas untuk mengharumkan

nama negara ini bukanlah terpikul di bawah tanggungjawab kerajaan sahaja, tetapi ini adalah tanggungjawab setiap muslim di Malaysia dengan harapan mudah-mudahan usaha yang baik ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak di dunia mahupun di akhirat.

Jika kita lihat dalam pertandingan lain seperti pertandingan yang berunsur hiburan di negara ini, hadiah kemenangan yang diberikan kepada peserta yang bergelar johan sangat banyak sehingga kadangkala ada yang mencecah ratusan ribu ringgit. Sedangkan pertandingan tilawah al-Quran ini, peserta yang bergelar johan hanya diberikan hadiah berjumlah RM 33000. Dari situ kita dapat lihat implikasinya kepada pandangan masyarakat. Pertandingan yang berunsurkan maksiat ini secara terang-terangan mengajak masyarakat menontonnya. Malah hadiah yang diberikan juga sangatlah lumayan berbeza dengan pertandingan yang berunsurkan keagamaan seperti MTQA. Itu pun para pemenang pertandingan yang berunsurkan keagamaan ini masih dipertikaikan niatnya sama ada ikhlas beramal mahupun tidak.

Pada pandangan penulis, tidak menjadi masalah bagi para pemenang mendapatkan ganjarannya yang sememangnya bersesuaian dengan hasil usahanya untuk beramal dengan perkara yang baik dengan usaha yang terbaik. Orang yang sebegini berhak untuk mendapat ganjaran di dunia mahupun di akhirat. Kesedaran ini seharusnya diletakkan kepada pihak penaja yang memberikan hadiah yang tidak seberapa buat pemenang seperti ini sebaliknya memberikan hadiah yang lumayan kepada pemenang pertandingan yang berunsurkan hiburan. Masyarakat yang menonton mula meniru program hiburan ini dengan hasrat ingin menjadi pemenang. Akhirnya apabila masyarakat terjebak dengan pelbagai masalah sosial, kita mula mencari salah siapa.

Malaysia merupakan negara pertama yang menubuhkan pertandingan Tilawah al-Quran di arena antarabangsa. Dengan menjadi tuan rumah, kita dapat memperkenalkan kebudayaan kita kepada negara luar dan secara tidak langsung mempromosikan negara Malaysia dalam bidang pelancongan. Pendedahan gaya hidup masyarakat muslim di Malaysia dapat diketengahkan ke negara luar melalui cara pemakaian, bahasa, adat istiadat, lokasi yang menarik dan makanan.

Walaupun begitu, kita tidak perlu lupa dengan kebudayaan yang dimiliki oleh negara-negara lain. Malah penyertaan para peserta dan hakim dari luar negara adalah sebagai salah satu cara mereka memperkenalkan budaya mereka kepada kita. Dengan itu, kita secara tidak langsung dapat melihat betapa indahnyanya kepelbagaian budaya yang kita miliki bawah ketamadunan Islam. Melalui cara ini juga kita dapat bertukar-tukar ilmu dan fikiran serta meluaskan lagi pandangan kita terhadap dunia Islam yang universal.

5.3 SARANAN

Melalui cadangan ini, penulis menyarankan agar pihak penganjur dan badan-badan berkaitan dapat merealisasikan cadangan penulis untuk meningkatkan struktur pertandingan dan pemarkahan melalui penguasaan kesemua jenis qiraat dan taranum.

Selain itu, mengajak lebih ramai lagi pihak-pihak swasta untuk turut sama menaja pertandingan ini serta menaikkan lagi nilai ganjaran yang diberikan kepada pemenang pertandingan ini. Selain itu, penulis juga ingin menyarankan agar pihak penganjur dapat mewajibkan setiap peserta pertandingan agar menonjolkan budaya mereka seperti pakaian tradisional dan identiti kebudayaan negara yang mereka miliki.

Dengan ini, segala kekurangan yang ada dalam pertandingan ini dapat dipertingkatkan serta pertandingan yang dianjurkan lebih menyerlah dan meriah untuk diikuti perkembangannya, ditonton, dan diperdengarkan kepada masyarakat muslim. Melalui cara ini, MTQA akan menjadi sebuah program yang bukan sahaja berunsur kerohanian, malah ia juga suatu hiburan yang akan memberi faedah yang mendalam dalam jangka masa yang panjang kepada masyarakat muslim di Malaysia dari semua peringkat umur.

BIBLIOGRAFI

Universiti Malaysia

BIBLIOGRAFI

- Abd Rauf Hassan (Ph.D), Wan Norainawati Wan Hamzah (M.A), *Biografi Dato' Haji Hassan Azhari*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007.
- Abdullah Atu, *Amalan Dan Tahap Kemahiran Tilawah Al-Quran Dalam Kalangan Pelatih Institut Perguruan Gaya Kota Kinabalu*, Dissertation (M.Usuluddin), Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.
- Abdullah Hisyam Bin Abd Wahab *Pengajian Al-Quran Di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin Terengganu*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Adilah Md Junoh, *Tilawah Al-Quran Di Kalangan Saudara Baru: Kajian Di PERKIM Wilayah Persekutuan*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999/2000.
- Ahmad Helmi Ahmad Zohdi, *Peranan Pihak Swasta Dalam Membantu Masyarakat Di Kuala Lumpur Mempelajari Tilawah Al-Quran: Kajian Terhadap Sumbangan Qurra' Taining Centre (QTC)*, Disertasi (Sarjana Usuluddin), Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.
- Al-Zarqani, Mohd Abd al-Azim, *Manāhil al-Irfān fī 'Ulūm al-Qurān*, Juzuk 1 (e.d) Ahmad bin Ali, Kaherah, Dar al-Hadis, 2001.
- Al-Ṣabūnī, Muhammad „Alī, *Al-Tibyān Fī 'Ulūm Al-Qurān*, Beirut: „Alam al-Kutūb, 1985
- Al-Sayūti Jalāluddīn „Abdul Rahmān, *Al-Itqān Fī 'Ulūm Al-Qurān*, Mesir: Matbu Mūsā al-Bābī, 1951.
- Al-„Ustōz Al-Duktūr Wahab Al-Zahīlī, *Al-Tafsīr Al-Munīr: Fī Al-'Aqidah Wa Al-Sharī'ah Wa Al-Manhāj*, Damsyik: Dārul Fikr, 2009.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa*, .Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Johan qari dan qariah majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Malaysia 1380H/1961M-1428H/2007M = Champions of qaris and qariahs Recital Assembly at international Level Malaysia = [Al-fā'izūn wal fā'izāt fī al 'ihtifāl al-dawlī bi tilāwati al-Qurān al-Karīm bi Malīziya]*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Sejarah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa*, Kuala Lumpur: iBook Publication, 2003.

- Noresah bt Baharom, et al, *Kamus Dewan*, Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Kasim Ahmad, *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1960.
- Koentjaraningrat, Raden Mas, *Metode-metode penelitian masyarakat*, Djakarta: P.T.Gramedia, 1977.
- Md Idris Hj Abdullah, *Tilawah Al-Quran, Pengamalannya Di Kalangan Masyarakat Melayu Seksyen 18, Shah Alam Selangor*, Dissertation (M.Usuluddin), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.
- Mohd Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran di Malaysia*, Darulfikir: Kuala Lumpur, 1991.
- Nooriaini Binti Rashid, *Penyertaan Qariah Di Dalam Pertandingan Tilawah Al-Quran: Suatu Kajian Di Negeri Perlis*, ijazah B.A Usuluddin, Universiti Malaya, 2001
- Mohd Yusuf Ahmad, *Sejarah dan Pendidikan Al-Quran*, Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2000.
- Muhammad Idrīs „Abdul Raūf al-Marbawī, *Qāmūs Al-Marbawī Arabī-Malayuwī*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halbī, 1350H.
- Nurul Amali Mohd Shamsudin, *Perlaksanaan Pengajaran Tilawah Al-Quran Di Sekolah Menengah Agama Negeri*, Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 2004.
- Ruuhī al-Balbaki, *al-Mawrid*, Beirut: Darul Ilm li al-Maliyin, 2000.
- Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd: Kuala Lumpur, 2005.
- Subhi Salleh, *Kajian al-Quran* (Edisi Terjemahan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Saidin Bin Mohd, *Keupayaan Bacaan al-Quran Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Beberapa Sekolah Terpilih di Negeri Terengganu*, Thesis (PHD), Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006.
- 53rd *International al-Quran Recital Assembly 1432H/ 2011M*, 14th -21st Syaaban 1432H/ 16th -23rd July 2011M, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kuala Lumpur.

KOLEKSI PERSIDANGAN:

- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, Sulaiman Shakib Bin Mohd Nor, Ahmad Kilani Bin Mohamed et al, “Persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Qiraah al-Quran Wa Hifzuh Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca al-Quran”, International Seminar On Al-Quran (Vol.2 Paper 43), Kuala Lumpur, 19-20 Sep 2005,

Muhammad Faizol Bin Ibrahim, Mohd Yah Bin Muhammad Hussain, Muzzafar Bin Hamzah, “Al-Quran versi Internet : kebaikan dan keburukannya”, International Seminar on Al-Quran, Kuala Lumpur, 19-20 Sep 2005.

Prof Madya Maznah Bt Daud Pensyarah Pusat Pendidikan Islam UITM, “Tabiat Membaca Al-Quran Dikalangan Mahasiswa”, Seminar Jabatan Pusat Pendidikan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara Shah Alam, Januari 2002.

Surur Shahbudin Hassan, “Skema Pembacaan Al-Quran Yang Betul : Menetapi Piawai Bacaan Yang Diriwayatkan Daripada Penerima Wahyu Pertama SAW”, International Seminar on Al-Quran (Vol.1 Paper 16), Kuala Lumpur, 19-20 Sep 2005.

DOKUMEN:

Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Pengesahan Butir-butir Mesyuarat MTQ Bil. 19 Bertarikh 30hb. Oktober, 1989” 11 Disember 1989, Kertas Bil. 1/20.

Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Kertas Mengenai Seminar al-Quran Antarabangsa Dan Implikasi Kewangannya” 11 Disember 1989, Kertas Bil. 2/20.

Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Kertas Mengenai Pelaksanaan Skim Latihan Peningkatan Mutu Bacaan Qari Dan Qariah Dan Perbelanjaan Yang Berkaitan dengannya” 11 Disember 1989, Kertas Bil. 3/20.

Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Kertas Mengenai Rancangan Tapisan Qari Dan Qariah Bagi Memastikan Majlis Dapat Berakhir Tidak Melewati Jam 11.30 Malam” 11 Disember 1989, Kertas Bil. 4/20.

Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Kertas Penyertaan Malaysia Ke Pertandingan Membaca al-Quran Di Teheran Kali Ketujuh Pada 23hb – 28hb Februari 1990” 11 Disember 1989, Kertas Bil. 6/20.

Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Penyertaan Malaysia ke Pertandingan Membaca, Menghafaz dan Mentafsir al-Quran Di Bangkok Pada 21hb Januari Hingga 1hb Februari 1990 Dan Penyertaan 2 Peserta Musabaqah Di Bangkok Pada 8hb Hingga 10hb Disember 1989” 11 Disember 1989, Kertas Bil. 7/20.

Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Keras Penyertaan Mufti Masjid Belgrade Yugoslavia Sebagai Pemerhati Di Dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 1410H/1990M” 11 Disember 1989, Kuala Lumpur. Kertas Bil. 8/20.

Arkib Negara, Mesyuarat Majlis Tilawah al-Quran, “Kertas Penyertaan Republik Uzbekistan, USSR Sebagai Pemerhati Di Dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 1410H/1990M” 11 Disember 1989, Kertas Bil. 9/20.

Arkib Negara, Jawatankuasa Kecil Jamuan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1998/ 1999.

Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1989, Malam Ke-4, 23 April 1989, Pita Arkib A2733.

Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1988, Malam ke-2, 3 Mei 1988, Pita Arkib A3064.

Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1988, Malam Perasmian, 2 Mei 1988, Pita Arkib A3437.

Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1993, Malam Perasmian, 7 September 1993, Pita Arkib A2169.

Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1994, Malam Penutup, 10 Feb 1994, Pita Arkib A2338.

Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1992, Malam Keempat, 7 Februari 1992, Pita Arkib A 11141.

Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1991, Malam Kedua, 8 Mac 1991, Pita Arkib A 11151.

Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1995, Malam Penutup, 2 Mei 1988, Pita Arkib A5658

Arkib TV RTM, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 2007, Malam Perasmian, 16 Ogos 2007, Pita Arkib A 38206.

LAMAN WEB:

Al-Syeikh Muhammad Bin Salleh Al-Utsaimin, Syarh Al-Arba‘in An-Nawawiyah, Hadis ke-36, laman sesawang 4Share, dicapai pada 13 November 2011, http://www.4shared.com/get/kNStVXHv/___-.html,

_____, Kandungan Perlembagaan Persekutuan, laman sesawang Kementerian Penerangan Malaysia, dicapai 29 Mac 2013, <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/295-kandungan-perlembagaan-persekutuan.html>.

_____, Sejarah Darul Quran, dicapai pada 5 September 2014, <http://www.darulquran.gov.my>.

LOKASI KAJIAN:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya.

Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Baru, Johor.

Pertandingan Tilawah alQuran Peringkat Antarabangsa kali ke-52, 27 Julai 2010 hingga 3 Ogos 2010, Pusat Dagangan Dunia Putra, 9.00 malam-11.00 malam.

Pertandingan Tilawah alQuran peringkat Antarabangsa kali ke-53, 16 Julai 2011 hingga 23 Julai 2011, Pusat Dagangan Dunia Putra, 9.00 malam- 11.00 malam.

ARTIKEL:

Ahmad Fadzil Zainol Ariffin, "10 Peserta Perengarkan Bacaan", *Utusan Malaysia*, 29 Julai 2010.

Ahmad Fadzil Zainol Ariffin dan Sharaimi Shaikahamedullah, "Qari Malaysia Peserta Terakhir", *Utusan Malaysia*, 2 Ogos 2010.

Azman Zakaria, Qari Mesir, "Qariah Pakistan Johan Tilawah Antarabangsa, Peserta Malaysia, Brunei, Filipina dapat tempat kedua, ketiga", *Berita Harian*, 4 Ogos 2010.

Mohammed Sofian Baharom, "Peserta Termuda Mengaku Gemuruh", *Utusan Malaysia*, 19 Julai 2011.

Mohammed Sofian Baharom, "Qari, Qariah Malaysia Muncul Johan", *Utusan Malaysia*, 24 Julai 2011.

Mohd Firdaus Ismail, "Qari Arab Saudi Berdarah Melayu", *Utusan Malaysia*, 22 Julai 2011.

Mohd. Shah Che Ahmad, "Tilawah al-Quran Terus Dapat Sambutan", *Utusan Malaysia*, 21 Julai 2011.

Mohd Shah Che Ahmad, "Suraya Kembali Setelah „Berehat“ 11 Tahun", *Utusan Malaysia*, 20 Julai 2011.

Mohd Radzi Mohd Zin, "Baiki Bacaan Menerusi Tilawah", *Utusan Malaysia*, 27 Julai 2010.

Mohd Radzi Mohd Zain, "Imbuhan Khas Iktiraf Pembaca al-Quran Langkah Tepat", *Utusan Malaysia*, 5 Mac 2010.

Mohd Radzi Mohd Zin, "Insentif Khas Iktiraf Pembaca al-Quran Langkah Tepat", *Utusan Malaysia*, 5 Mac 2010.

Mohd. Shah Che Ahmad, "Peserta Berdebar Hadapi Persaingan", *Utusan Malaysia*, 18 Julai 2011.

Saifulizam Mohamad, "Hadiah Johan Tilawah Kini RM 32500", *Utusan Malaysia*, 28 Julai 2010.

Saifulizan Mohamad, "Johan Tilawah Kini RM32,500", *Utusan Malaysia*, 28 Julai 2010.

- Saifulizam Mohamad dan Ahmad Fadzil Zainol Ariffin, "Qari Mesir, Qariah Pakistan Juara", *Utusan Malaysia*, 4 Ogos 2010.
- _____, "Elak Perselisihan Dalam Perkara Furu"-Tuanku Mizan", *Utusan Malaysia*, 28 Julai 2010.
- _____, "Hasanatou Dalami al-Quran 24 Jam Sehari", *Utusan Malaysia*, 23 Julai 2011.
- _____, "Keamanan Berkait Rapat Dengan Perpaduan Ummah", *Utusan Malaysia*, 17 Julai 2011.
- _____, "Kemenangan Ini Adalah Anugerah Allah-Qari Mesir", *Utusan Malaysia*, 5 Ogos 2010.
- _____, "Peserta Tilawah Melawat Melaka", *Utusan Malaysia*, 3 Ogos 2010.
- _____, "Peserta Tilawah Tunjukkan Kualiti Bacaan Tinggi", *Utusan Malaysia*, 1 Ogos 2010.
- _____, "Peserta Timor Leste Minta Bantuan JAKIM", *Utusan Malaysia*, 29 Julai 2010.
- _____, "Qari Mesir, Qariah Pakistan Juara Tilawah", *Kosmo*, 4 Ogos 2010.
- _____, "Tilawah Antarabangsa Pupuk Perpaduan Ummah Global", *Utusan Malaysia*, 14 Julai 2011.
- _____, "Qari Qatar Cacat Penglihatan Curi Tumpuan Pada Malam Keempat", *Utusan Malaysia*, 31 Julai 2010.
- _____, "7 Qari, 3 Qariah Perdengar Bacaan Malam Ketiga", *Utusan Malaysia*, 30 Julai 2010.
- _____, "10 Peserta Tilawah Perdengar Bacaan Di Malam Ke-5", *Utusan Malaysia*, 1 Ogos 2010.
- _____, "81 Sertai Tilawah al-Quran Antarabangsa", *Utusan Malaysia*, 13 Julai 2011.
- _____, "Johan Bacha Quran Terima Hadiah," *Utusan Malaysia*, 6 November 1969.
- _____, "Penyertaan Ismail Membimbangkan Peserta Lain" *Utusan Malaysia*, 24 November 1969.
- _____, "30 000 Saksikan Perarakan Sambut Ismail Hashim", *Utusan Malaysia*, 7 Disember 1969.
- _____, "Tujuan Besar Quran: Saat Bersejarah Untuk Pemenang", *Utusan Malaysia*, 25 Januari 1965.

_____, “Pertandingan Quran Dalam Kenangan”, *Utusan Malaysia*, 17 Februari 1963.

TEMUBUAL:

Abdul Rahman Bin Abdullah (Pegawai Bahagian Perhubungan JAKIM) dalam temu bual bersama penulis, 18 Jan 2012.

Haji Radzi Bin Kamarul Hailan (Johan Qari Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 2000 dan 2004) dalam temu bual bersama penulis, 1 Julai 2011.

Haji Sahlan Bin Idris (Merangkap Ketua Sekretariat, Bahagian Perhubungan JAKIM) dalam temu bual bersama penulis, 18 Jan 2012. Hajah Faridah Binti Mat Saman (Johan Qariah Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa sebanyak 8 kali), dalam temu bual bersama penulis, 28 Julai 2011.

Haslina Binti Abdul Majid (Ketua Penolong Pengarah Arkitek Jabatan Kerjaraya Wilayah Persekutuan) dalam temu bual bersama penulis, 16 Julai 2011.

Mizra Hilmi Bin Abu Bakar (Pegawai Bahagian Perhubungan JAKIM, dalam temu bual bersama penulis) 18 Jan 2012.

Noraziha Binti Yusoff (Penerbit Bahagian Media Majlis Tilawah al-Quran Kali Ke-53) dalam temu bual bersama penulis, 16 Julai 2011.

Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari (Juri dan Hakim Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa) dalam temu bual bersama penulis, 4 Julai 2011.

Ustaz Nik Azizan Bin Nik Jaafar (Penerbit dan Pengacara „Mari Bertarunum“ di TV9) dalam temu bual bersama penulis, 30 Jun 2011.